

**Bil. 14**

**Selasa  
30 Mei 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)

(Halaman 16)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 26)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. “ Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
9. “ Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
10. “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
11. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
12. “ Datin Naomi Chong Set Mui (Dilantik)
13. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
14. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
15. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
16. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
17. “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
18. “ Ir. Hiang A Li (Pahang)
19. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
20. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
21. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
22. “ Tuan Ismail Kassim (Perlis)
23. “ Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
24. “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
25. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
26. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
27. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
28. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
30. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
33. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
34. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)

35. Yang Berhormat Datuk M. Ratnam (Dilantik)
36. “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua*
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain
52. “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
56. “ Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijyaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
65. “ Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
66. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS PENERBITAN  
PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Supiah binti Dewak  
Kamisah binti Sayuti  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Hairan bin Mohtar  
Nurziana binti Ismail  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Nur Liyana binti Ahmad  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Mohd. Hanafi bin Abdul Mutalib

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim  
Norasmawati binti Mohamed Nor  
Zaidazuriani binti Mohd. Zamli  
Nor Hamizah binti Hassan  
Azmir bin Mohd. Salleh  
Azanariah binti Mohd. Yunan

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Selasa, 30 Mei 2006

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan pemasangan papan-papan tanda iklan di premis-premis perniagaan mematuhi ejaan bahasa Melayu yang betul, bukannya bahasa rojak seperti mana yang berlaku sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah pun melaksanakan Undang-undang Kecil Iklan yang jelas menunjukkan bahasa Malaysia ini perlu diutamakan pada sesebuah papan iklan. Undang-undang kecil tersebut juga menetapkan tindakan yang boleh diambil oleh PBT terhadap pihak yang melanggar syarat-syarat pengiklanan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian juga telah menyediakan garis panduan papan iklan premis perniagaan yang turut menekankan kepada penggunaan bahasa Malaysia yang betul dan tepat. Dengan adanya undang-undang kecil dan garis panduan ini, sebagai usaha untuk menguatkuasakan penggunaan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sekian.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah menjadi satu syarat kepada pihak PBT supaya mempamerkan alamat sebenar premis yang dipamerkan? Sebab ini akan menjadi suatu masalah sekiranya berlaku sesuatu kes di tempat berkenaan, kita tidak dapat mengetahui alamat sebenar premis yang berkenaan. Adakah ini menjadi satu syarat dan adakah satu dasar supaya iklan-iklan yang menggunakan gambar-gambar yang kurang sopan ini dipamerkan di papan-papan iklan? Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang ini *content* papan iklan. Permohonan perlu diluluskan oleh PBT. Tentang isikan alamat ini, sampai sekarang belum ada satu syarat begitu tetapi saya fikir ini adalah cadangan yang baik. Saya akan memberi cadangan ini kepada pihak tertentu untuk perhatian. Sekian.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu kekerapan perbincangan di antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pihak kementerian, khususnya PBT mengenai dengan iklan-iklan yang menggunakan bahasa rojak ini. Bagaimanakah penyelarasan ini dibuat dan bagaimana tindakan diambil? Adakah tindakan itu diambil, dipantau bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka?

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Yang Berhormat. Menurut garis panduan papan iklan pemilik perniagaan, dengan penggunaan bahasa, seperti yang saya telah dijelaskan iaitu kita perlu mengutamakan Bahasa Kebangsaan yang betul dan terbaik tetapi PBT hendaklah memastikan penggunaan bahasa yang betul dan tepat pada papan iklan dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan tepat, bahasa dan sebagainya.

Penggunaan bahasa yang kurang sopan dan mempunyai tujuan negatif adalah dilarang sama sekali. Sekian.

**2. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) apakah pelan tindakan seterusnya oleh kementerian untuk menyelamatkan warisan seni dan kesinambungan aktiviti kraf dan seni di Pasar Seni (*Central Market*); dan
- (d) sejauh manakah tindakan kementerian memelihara warisan kebudayaan masyarakat Melayu yang kian terhakis akibat kemasukan budaya kuning dari luar negara; dan adakah kementerian bercadang untuk mengusulkan kepada Kabinet akan keperluan melantik Setiausaha Parlimen khasnya bagi membantu kementerian memastikan hal-hal kepentingan kebudayaan warisan Melayu terus diperjuangkan dan terpelihara.

**Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hong]:** Selamat pagi dan terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sentiasa memastikan supaya aktiviti kraf dan seni menjadi satu komponen yang berterusan di Pasar Seni. Ini telah pun disetujui oleh pihak pengurusan Pasar Seni dan mereka telah pun memasukkan aktiviti kraf sebagai salah satu aktiviti dalam Pasar Seni. Sebuah emporium batik telah diwujudkan dalam Pasar Seni dan seramai 15 peniaga batik sedang berurus niaga di situ.

Selain dari itu, seramai 100 orang peniaga kraf menjual sekurang-kurangnya 50% produk kraf tempatan turut berniaga di Pasar Seni. Pihak pengurusan Pasar Seni sedang berusaha untuk meminta mereka menjual lebih banyak produk kraf tempatan. Bagi menyemarakkan lagi industri batik dan kraf, usaha sama untuk mempromosikan batik dan kraf akan diadakan di antara pihak Pasar Seni dan kementerian.

Untuk jawapan bahagian,

- (b) Tuan Yang di-Pertua, tindakan kementerian dalam memelihara warisan kebudayaan masyarakat Melayu, antaranya ialah:
  - (i) mengembalikan amalan-amalan nilai murni dalam melaksanakan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni;
  - (ii) melaksanakan program perarakan seni di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Melalui aktiviti ini pelbagai bidang kesenian telah dipertontonkan kepada rakyat;
  - (iii) melaksanakan program bimbingan seni budaya negara;
  - (iv) pemuliharaan dan pemugaran seni melalui kumpulan-kumpulan atau persatuan-persatuan seni budaya yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kesenian tempatan;
  - (v) mengadakan kursus-kursus berkaitan seni budaya;

- (vi) memperkenalkan Skim Bantuan Kebudayaan, Skim Penajaan Seni Budaya dan Skim Latihan Penganjur Seni;
- (vii) menyediakan infrastruktur bagi pelaksanaan aktiviti seni budaya tradisional melalui Taman Budaya negeri-negeri; dan
- (viii) mengadakan persembahan kesenian yang dianjurkan melalui promosi-promosi dan kempen untuk menarik khalayak ramai dalam menyumbang kepada pengkalan seni budaya negara.

Sekian, terima kasih.

Mengenai cadangan Yang Berhormat, untuk mengusulkan supaya melantik seorang Setiausaha Parlimen bagi Kementerian ini, ia adalah hak mutlak dan kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita dimaklumkan bahawa Pasar Seni dahulu sewanya murah dan dapat disewa oleh peniaga-peniaga, tetapi sekarang ini terlalu mahal setelah pasar ini diambil alih oleh syarikat yang ketiga. Setakat ini, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kursus-kursus dan lain-lain yang telah pun dibuat oleh Kementerian, adakah Yang Berhormat ada statistiknya. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, mahal atau tidak mahal, adalah sesuatu yang relatif. Kalau tempat itu dikunjungi oleh ramai orang, ini bermakna di sana sibuk dan perniagaan pun laris. Kalau diukur daripada pendapatan, sewa ini relatif. Selepas Pasar Seni ini diambil alih oleh pihak yang baru, maka kita ada syarat-syarat untuk pengurusan baru iaitu Pasar Seni ini supaya mengenakan sewaan yang berpatutan dengan produk-produk. Selain daripada itu, pihak pengurusan juga ada melakukan ubahsuaian supaya tempat ini lebih menarik kepada pelancong dan kepada orang tempatan.

**Tuan Ismail Kassim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian meletakkan atau mempunyai garis panduan tertentu terutamanya berhubung dengan persembahan bagi majlis-majlis rasmi negara supaya ciri-ciri kebudayaan kebangsaan tidak tertinggal pada setiap kali kita mengadakan majlis-majlis rasmi ini.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengenai soalan tambahan daripada Yang Berhormat, kita menekankan iaitu persembahan-persembahan tradisional atau persembahan-persembahan budaya yang merupakan jati diri negara kita untuk setiap majlis seperti rumah-rumah terbuka dan juga majlis-majlis lain.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah Kementerian bercadang untuk membina perkampungan seni seperti di Ancol, Jakarta yang amat popular bagi membolehkan penganjur seni tempatan dan jalanan dikumpulkan di satu tempat di luar pusat bandar memandangkan Pasar Seni yang ada sekarang terlalu sesak dan terletak di pusat bandar, susah untuk menempatkan bas-bas pelancong. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih, Yang Berhormat. Suatu pendekatan atau strategi Kementerian kita ialah untuk mempelbagaikan dan juga memperbanyakkan infrastruktur supaya persembahan-persembahan dan seni budaya dapat dilakukan dan mudah untuk mereka melakukan. Jadi ini dalam perancangan. Di pusat bandar seperti Kuala Lumpur juga dalam perancangan kita untuk mengadakan satu *cultural village* iaitu perkampungan kebudayaan yang kita sudah kenal pasti satu tempat di mana di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita haraplah itu akan jadi realiti.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi ada yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah saya ajukan soalan itu sekali lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan. Ini tambahan kepada soalan asal tadi, ya?

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tidak, soalan yang saya bagi atas soalan tambahan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan tidak apa, okey. Jangan tambahan daripada yang tadi...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tidak, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kerana saya sudah bagi tiga soalan tambahan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Setakat ini seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan kursus dan penggalakan-penggalakan yang dibuat oleh kementerian, adakah Yang Berhormat ada statistiknya.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Sila ulang sekali lagi. Tidak dapat dengar.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Jawapan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan, ada kursus dan lain-lain galakan yang dijalankan oleh kementerian untuk menggiatkan kebudayaan ini, adakah Yang Berhormat ada statistiknya tentang kehadiran dan diterima oleh masyarakat.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Bilangannya tiada di tangan saya sekarang setakat ini. Tetapi kita ada banyak aktiviti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun sudah, kita ada lebih daripada 1,000 aktiviti yang dianjurkan di seluruh negara. Saya akan hantarkan kepada Yang Berhormat butir-butir yang lebih terperinci mengikut negeri dan juga jenis aktiviti yang dianjurkan.

**3. Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilangan pusat bertauliah yang menjalankan Program Majlis Latihan Vokasional Negara dan apakah kriteria untuk mendapatkan bantuan Tabung Perbadanan Pembiayaan Kemahiran (PTPK)

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terdapat sebanyak 1,115 pusat bertauliah yang terdiri daripada 361 pusat bertauliah kerajaan dan 754 pusat bertauliah swasta yang menjalankan sejumlah 5,954 program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Pusat bertauliah yang berminat untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan pinjaman latihan bagi pelatuhnya dikehendaki berdaftar dengan Tabung Pembangunan Kemahiran. Pusat bertauliah hendaklah menjalankan latihan kemahiran dan diluluskan oleh Tabung Pembangunan Kemahiran.

Di antara syarat-syarat atau kriteria pendaftaran ialah:

- (i) syarikat pusat bertauliah hendaklah dimiliki oleh warganegara Malaysia;
- (ii) pusat bertauliah hendaklah diperbadankan sebagai syarikat sendirian berhad atau berhad;
- (iii) bidang latihan atau pendidikan adalah objektif perniagaan yang dinyatakan di dalam, *Memorandum and Articles of Association*, dengan izin;
- (iv) pusat bertauliah bertaraf universiti atau kolej universiti awam atau swasta termasuk anak syarikat atau syarikat bersekutu tidak akan didaftar;
- (v) pusat bertauliah yang pelatuhnya belum pernah mendapat pembiayaan pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran mestilah mempunyai pentauliahan penuh sekurang-kurangnya

satu tahun selepas tempoh pentauliahian bersyarat menjelang 1 Julai 2006; dan

- (vi) mempunyai rekod prestasi yang baik dengan bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran, Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan ketiga tadi. Soalan tambahan saya, berapakah pusat-pusat latihan bertauliah yang masih beroperasi dan telah ditutup. Kedua, apakah kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti. Yang ketiga apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi pusat tauliah ini, terutama pusat yang dikendalikan oleh bumiputera.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini dianggarkan ada lebih kurang 1800 pusat bertauliah. Selepas kita menjalankan satu *exercise* dengan izin, audit, adalah terdapat banyak pusat bertauliah yang telah didaftar, tidak lagi beroperasi. Ada juga pusat-pusat bertauliah yang tidak mempunyai kemudahan latihan dan sebagainya. Atas sebab tersebut kita telah batalkan pendaftaran lebih kurang 400 buah pusat bertauliah dan dengan itu bilangan pusat bertauliah telah dikurangkan dan sekarang hanya pusat-pusat bertauliah yang mempunyai kemudahan yang penuh, mempunyai pengajar-pengajar yang berkualiti dan juga mempunyai kebolehan untuk memberi program latihan tersebut akan diberi pendaftaran.

Kelemahan-kelemahan itu tadi saya telah terangkan. Kebanyakan pusat-pusat bertauliah yang telah ditutup atas sebab-sebab mereka tidak mempunyai kemudahan dan juga mereka tidak mempunyai program-program latihan yang sempurna dan dengan itu, kita mesti adakan pendaftaran atas minat atau dengan izin, *public interest*. Tindakan-tindakan bantuan yang telah diambil, kementerian saya akan terus memberi nasihat kepada mereka yang minat untuk menganjurkan pusat-pusat bertauliah tersebut. Kita akan nasihat mereka, pusat-pusat bertauliah tersebut perlulah dianjurkan sebagai satu pusat yang mempunyai dengan izin "*plan and action*" yang penuh, yang membolehkan dia menjalankan pusat tersebut sebagai satu perniagaan yang mempunyai potensi.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya difahamkan sesetengah pusat bertauliah telah memperalatkan pelajar untuk membuat pinjaman TPPK. Pelajar-pelajar ini tidak perlu menghadiri apa-apa kursus atau latihan setelah menandatangani perjanjian pinjaman, mereka akan mendapat 30 hingga 40 peratus daripada jumlah wang pinjaman itu yang bakinya diambil oleh pusat tersebut. Pada akhirnya, pelajar tersebut dikehendaki membayar pinjaman sepenuhnya. Soalan saya, adakah kementerian sedar amalan ini dan apakah tindakan yang diambil ke atas pusat bertauliah yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasihlah Ahli Yang Berhormat. Memanglah itu adalah satu alasan utamanya. Bagi kementerian, saya memang faham dan kita telah ambil tindakan. Pertama, batalkan pendaftaran pusat-pusat yang tidak bertanggungjawab tersebut, yang keduanya ambil tindakan mahkamah terhadap pusat-pusat bertauliah tersebut supaya kita boleh dapat balik pinjaman yang telah disalurkan. Atas alasan itulah, kita sekarang ini kenakan beberapa syarat termasuk syarat-syarat yang kenakan bahawa pusat-pusat bertauliah tersebut mesti mempunyai satu latar-belakang, satu rekod yang cemerlang sebelum kita izinkan mereka mengambil pelatih dengan pinjaman daripada tabung ini.

**Puan Wan Ubaidah binti Wan Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian mencadangkan had siling kepada yuran yang dikenakan oleh pusat-pusat bertauliah tersebut dan adakah kementerian juga memantau cara pusat-pusat MLVK memberi agihan pinjaman kepada pelajar-pelajar sebab ada pusat-pusat yang berjanji untuk memberi wang belanja, wang poket dan sebagainya tetapi akhirnya tidak diberi sedikit pun dan dijadikan semua pinjaman itu sebagai yuran dan adakah kementerian juga memantau bilangan pelatih yang mendapat pekerjaan atau dapat

berusaha sendiri hasil daripada kursus-kursus MLVK tersebut sebagai tanda kejayaan program-program MLVK. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan siling ini, memang kita hadkan pinjaman tersebut kepada RM5000 satu program, atau satu tahap. Biasanya RM5000 setahun untuk latihan dan kita juga ada siling atau had terhadap jumlah pelatih yang boleh diambil oleh sebuah pusat bertauliah. Pada amnya kita hadkan kepada 20 atau 30 pelatih-pelatih dengan pinjaman untuk satu kursus, ini satu pusat bertauliah. Dari segi kejayaan, memang kita dapati bahawa pelatih-pelatih yang dengan jayanya habis kursus latihan tersebut akan dapat kerja dengan senangnya. Dia akan sebahagian mereka telah di *interview*, ditemui oleh majikan-majikan, satu dua bulan sebelum mereka habis latihan tersebut dan mereka juga berjaya dapat gaji setanding dengan pengiktirafan yang biasanya lebih dari RM1000 sebulan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri yang hadir sendiri untuk memberi jawapan pada pagi ini, di samping mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih. Silakan Tuan Lee Sing Chooi.

4. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Kewangan menyatakan, masalah yang dihadapi dalam Sistem Taksir Sendiri Cukai Pendapatan yang dilaksanakan, peratusan orang ramai yang tidak menghantar borangnya dalam tempoh yang ditetapkan dan berapa peratusan borang yang tidak lengkap dan resolusi kementerian terhadap masalah tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak menghadapi masalah besar dalam melaksanakan Sistem Taksiran Sendiri Cukai Pendapatan ataupun STS pada tahun 2005. Ini adalah kerana aktiviti penerangan kepada pembayar cukai telah dijalankan lebih awal iaitu mulai tahun 2000 sedangkan STS bagi individu bermula pada tahun 2004, tahun taksiran 2004 yang mana borang perlu dikembalikan selewat-lewatnya pada 30 April 2005 bagi individu yang mempunyai pendapatan pengkajian dan 30 Jun 2005 bagi individu yang mempunyai pendapatan perniagaan.

Bagi tahun taksiran 2004 iaitu tahun pertama pelaksanaan STS bagi individu, sebanyak 79% borang telah dikembalikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bermakna masih terdapat satu peratus yang gagal mengembalikan borang sehingga akhir tahun 2005. Bagi tahun taksiran 2005 pula, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan hanya dapat mengemukakan peratusan penerimaan borang selepas 30 Jun 2006. Hendaklah diperhatikan juga langkah penerangan kepada pembayar cukai telah memberi kesan positif di mana daripada jumlah borang yang dikembalikan, borang yang tidak lengkap adalah sebanyak 1.28 peratus sahaja dan kebanyakannya melibatkan kesilapan kecil seperti borang tidak di tandatangan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan terus mengambil langkah untuk memantapkan lagi usaha-usaha penerangan kepada pembayar cukai demi meningkatkan kesedaran supaya semua pembayar cukai menjalankan tanggungjawab mereka yang sewajarnya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih. Tahun 2005, kerajaan telah janji kalau bayaran kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri itu melebihi taksiran iaitu *access payment*, maka LHDN akan membayar balik wang baki itu kepada pembayar-pembayar dalam beberapa bulan. Soalan tambahan saya, satu tahun sudah lepas, adakah wang baki kepada pembayar-pembayar itu dibayar balik dan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh LHDN untuk mempercepatkan proses ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengambil tindakan yang positif dalam hal ini. Sebelum ini memang bayaran balik cukai yang telah terlebih kutip, di hantar kepada Kementerian Kewangan kemudian di pohon balik untuk di bayar balik rebet atau pun bayar balik kepada pembayar cukai yang terlebih membayar cukai, tetapi sekarang ini sudah ada tabung yang telah pun disediakan,

tabung ini khas untuk membayar balik bayaran cukai yang telah dikutip, dibayar balik melalui tabung ini yang khas ditubuhkan. Pembayaran balik cukai yang terlebih bayar akan lebih cepat lagi, tetapi perangkaan yang tepat saya tidak dapat beri hari inilah, tentang berapa banyak yang, berapa lama, tetapi saya difahamkan proses ini telah lebih cepat daripada dulu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, pada masa ini ramai warga asing yang masuk sebagai pekerja asing atau pun dengan cara lain telah khasnya daripada Bangladesh, Indonesia, Thailand, Kemboja telah mempunyai perniagaan atau pun *business* mereka sendiri telah menjadi majikan sendiri. Saya ingin mengetahui sejauh manakah keberkesanan pihak kementerian dalam mengutip cukai daripada warga asing sama ada mereka ini sudah mendapat PR atau pun tidak dalam konteks cukai pendapatan mereka. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, bagi cukai individu mengikut ramalan biasa, kalau pendapatan bulanan RM3,000 atau pun lebih kurang begitu tidak kena bayar cukai, oleh sebab dia ada potongan-potongan. Terutama sekali kalau dia ada keluarga dan sebagainya, dia memang ada banyak potongan, tetapi bagi *expatriate* misalnya yang gaji lebih tinggi, memang dia tidak terlepas daripada kutipan cukai kerana kalau dia hendak balik pun, gaji ditahan dulu, *withholding tax*, selepas selesai barulah dia dapat balik yang lebih wang itu untuk diri dia.

Maknanya dia tidak terlepas Tuan Yang di-Pertua, memang dalam hal ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri memang ketat. Kita pegang duit dia dulu, pegang gaji dia dahulu, selepas itu selebihnya baru dia dapat balik Tuan Yang di-Pertua. Bermakna berkesan tindakan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selepas ditolak cukai pendapatannya?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang lebih itu baru dia dapat balik.

**5. Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada kerajaan bercadang supaya semua rakyat Malaysia yang berkemampuan menyertai Skim Perlindungan Insurans Nyawa dan Perubatan seperti mana yang sedang dipraktikkan dengan berleluasa di negara-negara maju.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan menerusi Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan telah mengkaji pelaksanaan kewujudan mekanisme pembiayaan kesihatan berkenaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan Skim Perlindungan Insurans Nyawa dan Perubatan seperti mana yang sedang dipraktikkan di negara-negara maju sebaliknya dicadangkan supaya mekanisme pembiayaan kesihatan negara bercirikan kepada konsep insurans kesihatan nasional dengan caruman dibuat berdasarkan sistem *community rated*, di mana kadar caruman adalah sama bagi setiap golongan penduduk dan hanya mereka yang berkemampuan dikehendaki mencarum.

Caruman secara *community rated* ini akan mewujudkan subsidi silang atau *cross subsidy* di mana golongan sihat, akan membantu golongan yang sakit, golongan bekerja membantu golongan yang tidak bekerja, golongan kaya membantu golongan yang miskin, yang muda membantu yang tua dan sebagainya. Sekian.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan syarikat insurans yang telah diberikan permit oleh kerajaan bagi menjalankan Skim Perlindungan Insurans Perubatan atau pun dengan izin, *Medical Card*, dan sejauh manakah keberkesanannya. Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, skim ini kalau dilaksanakan adalah satu skim yang tidak akan diswastakan. Ini bermakna syarikat-syarikat insurans tidak akan terlibat. Kerana kita akan mewujudkan

satu badan berkanun di mana duit-duit yang dikutip itu akan dijaga dan dilaksanakan oleh tabung ini. Sekian.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kos perubatan pada masa kini begitu mahal dan rakyat jelata tidak mampu menanggung kosnya, adakah Kementerian Kesihatan bercadang bahawa semua rakyat Malaysia bolehlah menyertai Skim Insurans Perubatan dengan bayaran melalui KWSP atau SOCSO untuk bayaran premiumnya. Ini akan menolong rakyat di golongan berpendapatan sederhana atau *middle class group* dengan izin, untuk perlindungan insurans perubatan. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang cadangan saya. Sekian.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan caruman dalam KWSP ini memang terkeluar daripada bidang kuasa Kementerian Kesihatan, tetapi kita sambut baik cadangan itu, tetapi kalau saya tidak salah, di bawah KWSP memang ada satu akaun di mana dia boleh digunakan untuk perubatan.

Untuk masa yang akan datang apabila kita menjalankan mekanisme yang kita katakan ini, barangkali kita akan berbincang dengan KWSP di mana caruman kepada tabung ini boleh melalui KWSP di atas tolakan daripada KWSP ini. Sekian.

**6. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah kementerian memberi sebarang galakan dan ganjaran kepada anak-anak yang menjaga ibu-bapa mereka yang uzur seperti pengurangan cukai dan sebagainya.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan penduduk yang berumur 65 ke atas telah meningkat daripada 3.9% pada tahun 2000 kepada 4.3% pada tahun 2005. Oleh yang demikian, menyedari bahawa pertambahan peratusan warga emas membawa implikasi sosial, ekonomi, program untuk warga emas diubah daripada pendekatan kebajikan kepada pendekatan pembangunan.

Usaha ini adalah selaras dengan objektif Dasar Warga Tua negara iaitu untuk meningkatkan kehormatan dan martabat diri warga emas dalam keluarga, masyarakat dan negara, serta memajukan potensi warga emas agar mereka terus aktif dan produktif dalam pembangunan negara dan terus berdikari. Namun begitu, selaras dengan konsep masyarakat penyayang, kerajaan menggalakkan anak-anak menjaga ibu bapa kerana keluarga merupakan unit asas dalam masyarakat yang berperanan penting untuk memupuk kasih sayang serta membentuk keluarga yang teguh, berdaya tahan, stabil, sihat dan bahagia.

Bagi menggalakkan anak-anak menjaga ibu bapa, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan khususnya untuk warga emas seperti pusat rekreasi, pusat jagaan harian, dan pusat jagaan sementara. Penubuhan pusat rekreasi, pusat jagaan harian dan pusat jagaan sementara dapat membantu warga emas yang sihat dan aktif menikmati hidup yang lebih produktif semasa ahli keluarga bekerja.

Kerajaan juga memberi insentif kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa iaitu memberi pelepasan cukai sebanyak RM5,000 maksimum bagi anak yang membayar kos perubatan ibu bapa. Di samping itu, kerajaan turut memberi pelepasan cukai sebanyak RM5,000 maksimum untuk kos pembelian peralatan sokongan asas bagi ibu bapa yang kurang upaya. Bagi kakitangan sektor awam, kerajaan telah memperluaskan kemudahan perubatan untuk turut meliputi ibu bapa mereka.

Selain daripada itu, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta juga digalakkan untuk memainkan peranan bagi membantu menjamin kesejahteraan hidup warga emas dan melahirkan warga emas yang berpotensi, aktif dan yang mampu memberi sumbangan bakti kepada keluarga, masyarakat dan negara. Usaha ini adalah sejajar dengan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang bersepadu dan menyeluruh bagi mencapai objektif untuk mewujudkan masyarakat warga emas yang berdikari, mempunyai harga diri dan maruah yang tinggi. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang menjawab sendiri soalan ini. Pertama sekali saya ucapkan tahniah di atas usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menjaga kebajikan warga emas ini.

Saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat, adakah kerajaan memantau rumah-rumah kebajikan untuk warga emas ini supaya ia tidak disalahgunakan oleh anak-anak yang kurang mengambil berat terhadap ibu-ibu yang dibiarkan tanpa dizarahi dan sebagainya, terhadap ibu-ibu yang berada di rumah sebegini dan apakah punca mengikut kajian pihak kementerian, berlakunya segelintir anak-anak yang kurang prihatin terhadap ibu bapa. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan khususnya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita membuat pemantauan yang sewajarnya terutama apabila kita mendapat laporan-laporan yang menyatakan bahawa ada kes-kes penganiayaan ataupun kes-kes yang tidak harus berlaku, berlaku di pusat jagaan warga emas ini. Namun begitu pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita harap bahawa semua operator sama ada NGO atau mana-mana pihak yang mewujudkan dan menjalankan rumah-rumah jagaan ini harus mengikut Akta Pusat Jagaan yang termaktub dalamnya beberapa kaedah yang harus diikuti.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kepada semua anak-anak Malaysia yang mempunyai ibu bapa, sebenarnya tuntutan budaya dan juga agama supaya kita tidak mengabaikan tugas dan tanggungjawab. Walau macam mana sibuk pun kita sebenarnya pada akhirnya, kalau tidak cukup wang ringgit pun, kasih sayang itulah yang paling mustahak. Saya berharap bahawa budaya untuk terus menjaga, memelihara dan melindungi ibu bapa kita, warga emas, akan diteruskan dan tidak terhakis di zaman ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, menjaga bapa yang uzur yang bersifat duda ini lebih sukar daripada menjaga ibu yang uzur yang bersifat janda... [Ketawa] Sebab bapa yang uzur, yang duda ini dia lebih cerewet, banyak permintaan dan kerenah dia pun banyak. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan *residential house*, dengan izin, seperti yang di luar negara, yang diswastakan dan anak-anak ini diberikan subsidi untuk meletakkan ayahnya di situ yang mana *residential house* ini lebih bersifat kekeluargaan dan suasana yang penuh dengan keselesaan diberikan subsidi untuk bapa yang uzur tetapi bertaraf duda. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lega kerana Yang Berhormat tidak mengutarakan beberapa idea yang lebih bernas. Saya menunggu, mungkin Yang Berhormat ada idea yang mungkin hendak minta kementerian hendak carikan jodoh kah, apa kah... [Ketawa] Alhamdulillah Yang Berhormat tidak berbuat begitu.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan bahawa di bawah pengelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita mempunyai beberapa rumah warga emas yang apabila saya lawati, saya dapati bahawa mereka menjalankan pusat-pusat ini dengan begitu baik sekali.

Kalau adalah di kalangan kita yang mempunyai ibu bapa atau kaum keluarga terutama yang menghadapi sakit tua, tidak ada siapa yang hendak memelihara mereka mesti berhubung dengan Pegawai Kebajikan kita yang terdekat, supaya dapat kita tempatkan mereka ini di rumah-rumah kebajikan yang ada dan saya hendak maklumkan bahawa daripada lawatan saya, saya pun rasa kagum dan ucapkan terima kasih kepada semua Pegawai Kebajikan yang sentiasa menjalankan tugas mereka dengan begitu baik sekali, tetapi pada masa ini, tidak ada lagi perancangan untuk memberi subsidi kepada anak-anak yang ingin menghantar ibu bapa mereka atau bapa mereka kepada pusat-pusat penjagaan yang ada di bawah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan tadi, pelepasan cukai diberikan kepada kos perubatan dan juga kepada kos alat-alat sokongan asas. Soalan tambahan saya,

adakah kementerian tidak mahu mencadangkan supaya anak-anak..., sebab ramai yang bekerja sekarang terpaksa mengambil pembantu rumah untuk menjaga ibu bapa yang telah uzur. Bolehkah Kementerian mencadangkan supaya kos pembantu rumah ini juga diberi pelepasan cukai khusus untuk menjaga ibu bapa yang uzur? Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian kita tiap-tiap tahun kita memberi beberapa cadangan kepada Kementerian Kewangan. Kadangkala kita berjaya untuk mendapat beberapa kebenaran dan kelulusan daripada Kementerian Kewangan tetapi kadangkala kita tidak dapat.

Salah satu daripada cadangan yang telah dibuat dan akan terus dibuat ialah cadangan seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, tetapi alhamdulillah, hari ini ada Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Kewangan, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh balik bisik-bisik kepada Menteri Kewangan bahawa ini adalah salah satu daripada permohonan dan kita daripada kementerian akan sokong, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi memang usaha-usaha daripada kementerian, itu memang ada.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih. Sekali lagi Dewan Negara mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]*

**7. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bagaimanakah kementerian memantau projek-projek yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Perbendaharaan telah mengeluarkan beberapa garis panduan dan peraturan untuk diguna pakai oleh semua agensi kerajaan dalam memantau pelaksanaan projek agar dapat disiapkan mengikut jadual. Di peringkat pihak berkuasa tempatan, bagi projek-projek yang dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing, ianya perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan di majlis sendiri yang bertanggungjawab menentukan dan meluluskan projek-projek yang bersesuaian dengan kedudukan kewangan PBT.

Pihak Kementerian mempunyai mekanisme untuk memantau pelaksanaan projek-projek kecil yang diluluskan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan kepada pihak berkuasa tempatan. Sebelum sesuatu projek itu diluluskan, satu Mesyuarat Pemeriksaan Peruntukan diadakan antara Jabatan Kerajaan Tempatan, wakil Pejabat SUK Negeri dan PBT berkaitan. Dalam mesyuarat tersebut, perkara-perkara berikut diambil kira iaitu:

- (i) status tanah;
- (ii) anggaran kos projek;
- (iii) keutamaan sesuatu projek; dan
- (iv) keupayaan PBT untuk melaksanakan projek tersebut.

Setelah projek itu diluluskan, PBT diminta mengemukakan Laporan Prestasi Fizikal dan Laporan Prestasi Kewangan setiap bulan. Pejabat SUK Negeri iaitu Bahagian Kerajaan Tempatan diminta memantau pelaksanaan projek di PBT di negeri masing-masing.

Seterusnya kementerian akan mengadakan Mesyuarat Pemantauan Projek bagi setiap negeri. Kekerapan Mesyuarat Pemantauan yang dapat diadakan adalah tiga atau empat kali setahun. Melalui mesyuarat tersebut, mana-mana projek yang dikenal pasti mempunyai masalah untuk dilaksanakan akan dibatalkan dan peruntukan akan ditarik balik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Ir. Hiang A Li dan selepas itu Yang Berhormat Chiam Yong Tee.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sering mengingatkan supaya satu kajian iaitu nilai impak keberkesanan kos atau *cost effective impact evaluation*, dengan izin, dibuat bagi projek-projek kerajaan. Soalan saya, adakah PBT dikehendaki membuat kajian serupa ini bagi projek-projek PBT itu? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Projek-projek yang dijalankan oleh PBT berasaskan kepada beberapa faktor:

- (i) projek-projek yang dibina untuk menyediakan infrastruktur di kawasan PBT; dan
- (ii) projek-projek yang disediakan untuk mewujudkan perkembangan ekonomi di kawasan tersebut.

Dalam segi ini, semua projek yang ada diluluskan untuk dibangunkan di kawasan pihak berkuasa tempatan termasuk yang dibiayai oleh Kementerian Pusat atau yang dibiayai oleh kerajaan negeri dan PBT masing-masing, dilaksanakan dengan tujuan untuk menambahkan ekonomi di kawasan itu.

Oleh itu kadang-kadang kos yang dibelanjakan mendatangkan hasil yang langsung dan tidak secara langsung, *direct and indirect benefits*. Terima kasih.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, pada masa ini, tugas pemantauan dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan. Saya berpendapat lebih berkesannya kalau kita melibatkan wakil-wakil daripada NGO ataupun daripada parti politik. Apakah pandangan kerajaan tentang cadangan saya iaitu menubuhkan satu jawatankuasa kecil untuk pemantauan yang melibatkan wakil-wakil yang saya sebut tadi itu.

**Dr. S. Subramaniam:** Ahli-ahli Majlis ada yang terdiri daripada wakil-wakil politik dan mereka duduk dalam Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Pembangunan di Majlis sendiri dan Majlis itu mempunyai kuasa untuk menjalankan pemantauan. Selain daripada itu, cadangan Yang Berhormat mempunyai kebaikan dan pun ada mempunyai keburukan. Walaupun demikian, kita akan kaji cadangan ini agar ia boleh dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Makna ambil yang baik, buang yang tidak baik. Silakan Yang Berhormat Dr. Hj. Mohd Puad Zarkashi.

**8. Dr. Haji Mohd Puad Zarkashi** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, mengapakah masih tidak ada mana-mana jabatan kerajaan yang menyimpan rekod lengkap warga asing khususnya maklumat cap jari dan ujian DNA. Tidakkah ini akan menyulitkan usaha pihak polis untuk membanteras jenayah yang semakin meningkat yang melibatkan pekerja warga asing.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, penyimpanan rekod-rekod dan maklumat-maklumat yang lengkap mengenai warga asing ke negara ini telah di bawah tanggungjawab Jabatan Imigresen Malaysia. Sebagai langkah permulaan, Jabatan Imigresen Malaysia telah pun melaksanakan proses pengambilan rekod lengkap secara biometrik atau pengambilan cap jari bagi setiap pekerja asing yang memasuki negara ini dan juga warganegara asing yang telah didakwa kerana melanggar akta dan peraturan Imigresen. Rancangan sedang dibuat untuk menggunakan sistem biometrik bagi semua warga asing di masa akan datang.

Bagi ujian DNA, kementerian atau Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai kepakaran untuk menjalankan ujian ini. Ujian DNA dijalankan oleh agensi lain. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 11 Mei 2006, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil sebanyak 528,546 cap jari pekerja asing. Sekian terima kasih.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum sistem biometrik itu dapat dilaksanakan sepenuhnya, saya ingin tahu apakah kaedah yang

digunakan terhadap warganegara asing yang menjadi penjenayah, seperti mencuri dan sebagainya kemudian mereka melarikan diri, keluar dari Malaysia, kemudian masuk balik ke negara kita menggunakan identiti baru, pasport baru, nama baru yang mudah mereka dapat di negara mereka sedangkan kita tidak ada rekod dari segi sampel rambut, sampel darah apatah lagi maklumat DNA. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang betul. Pada masa dahulu, pekerja asing melanggar akta atau melakukan jenayah, mereka didakwa dan selepas itu dihantar balik ke negara asal dan nama mereka di *blacklist* tetapi oleh kerana selepas itu mereka tukar nama, pakai dokumen yang lain, ini sudah jadi satu kesusahan kepada pihak polis. Oleh itu, saya pun tadi sudah sebut, kaedah sekarang yang digunakan adalah untuk melaksanakan sistem biometrik supaya cap jari mereka diambil dan apabila mereka dihantar balik dan masuk lagi ke Malaysia, kita akan bandingkan *thumbprint* atau cap jari mereka. Pastikan mereka orang yang baik, barulah boleh masuk ke Malaysia.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah program pengampunan pendatang tanpa izin menunjukkan kerajaan tidak mempunyai data kemasukan yang lengkap bagi mengesan mereka yang *over stayed*, dengan izin. Tidakkah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem yang sistematik seperti mendapatkan butir-butir di negara sumber sebelum dibawa masuk ke negara kita. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa tempoh pengampunan dilaksanakan, pekerja asing yang tidak sah, mereka balik ke negara asal. Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil cap jari mereka dan memang kalau pekerja asing yang masuk secara haram. Jadi kita tidak pasti, kita tidak boleh mengambil cap jari mereka. Ini adalah satu perkara yang susah atau satu perkara yang menyusahkan pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

Mengenai mendapatkan butir-butir pekerja asing dari negara sumber, memang kita sudah melaksanakan kaedah ini iaitu sebelum mereka dibenarkan masuk, kita akan periksa atau kita memastikan orang yang masuk adalah berkelakuan baik dan kita dapat maklumat-maklumat yang tadi dari negara sumber iaitu negara yang mereka datang. Sekian terima kasih.

**9. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kelonggaran penguatkuasaan di pusat-pusat hiburan sehinggakan ada premis yang telah tujuh kali diserbu pihak polis kerana tidak mempunyai permit sedangkan sasaran kedua yang hendak dicapai dalam Pelan Integriti Nasional atau PIN, ialah meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pelesenan pusat-pusat hiburan adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Trade Perniagaan dan Perindustrian yang mana PBT mengeluarkan lesen ke atas premis tersebut dan Enakmen Hiburan Negeri yang merupakan lesen bagi operasi hiburan di premis tersebut. Sekiranya premis berkenaan didapati menyalahi syarat-syarat lesen tersebut, maka PBT akan mengambil tindakan seperti menyita, mengenakan kompaun, menarik balik lesen dan sebagainya. Pada kebiasaannya, bagi operasi di pusat-pusat hiburan, PBT akan bertindak secara bersepadu bersama agensi-agensinya penguat kuasa yang lain seperti polis, Jabatan Imigresen dan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum akan masalah PBT untuk menangani pusat hiburan yang tidak berlesen kerana mereka beroperasi kadang-kadang tanpa pengetahuan PBT. Kementerian mengambil maklum berkenaan dengan masalah yang dibangkitkan dan menganggap kes tersebut sebagai kes terpencil. KPKT dari masa ke semasa mengingatkan PBT supaya terus meningkatkan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain untuk menangani gejala negatif di pusat-pusat hiburan.

Saya minta jasa baik Yang Berhormat untuk memberi saya maklumat yang lebih dalam tentang pusat hiburan yang tersebut di dalam soalan supaya perkara ini boleh dirujuk kepada pihak-pihak tertentu untuk tindakan lanjutan boleh diambil. Kementerian telah menyediakan beberapa garis panduan yang telah diedarkan kepada semua PBT untuk membantu mereka menyusun balik organisasi perkhidmatan di PBT dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan mengatasi kerenah birokrasi di situ. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, apakah kementerian pernah membuat serbuan mengejut ataupun pemantauan mengejut di tempat-tempat tertentu yang sering dibangkitkan dalam Dewan ini sebagai contoh seperti di Bukit Bintang ataupun di tempat lain, dan kalau ini berlaku, apakah Ahli-ahli Dewan Negara ini boleh diajak bersama dan kalau boleh, saya ingin menawarkan diri... [Tepuk]

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian secara sendiri tidak membuat apa-apa serbuan kepada pusat hiburan kerana pelesenan dibuat oleh pihak berkuasa tempatan sendiri dan mereka yang mempunyai kuasa untuk membuat serbuan. Kalau di dalam kes yang disebut oleh Yang Berhormat, DBKL yang selalu mengadakan serbuan dan mereka kadang-kadang buat dengan tidak dirancang dan saya akan membawa cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara untuk bersama di dalam serbuan-serbuan tersebut dan saya menerima tawaran yang diberi oleh Yang Berhormat dengan satu pandangan yang baik. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, saya juga setuju untuk bersama... [Tepuk]

Soalan tambahan ialah saya tidak faham bila dibuka ditutup, dibuka ditutup. Tidakkah ada tindakan undang-undang yang lebih keras, jangan terlalu longgar sehinggakan mereka yang bersalah ini sanggup buka tutup hingga menjadikan seolah-olah undang-undang kita ini tidak dipedulikan, boleh diperlekehkan. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya faham perasaan Yang Berhormat tentang isu ini. Daripada segi undang-undang yang sedia ada memang cukup untuk mengambil tindakan ke atas semua masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi masalah ialah tentang penguatkuasaan yang betul dan saya telah menjawab soalan ini dan tentang kes tersebut kalau Yang Berhormat memberi saya maklumat yang lebih dalam kita akan menyuruh agensi-agensi yang tertentu untuk mengambil tindakan yang lebih tegas. Terima kasih.

**10. Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, bagaimanakah usaha kementerian bagi merealisasikan kewujudan Pusat Industri Bersepadu Berasaskan Pertanian untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkonsepkan guna sama dapat dicapai. Apakah halangan yang dikenal pasti dapat melambatkan proses pusat industri bersepadu dilaksanakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada lagi diwujudkan Pusat Industri Bersepadu berasaskan pertanian. Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan menerusi kegiatan pemprosesan nilai tambah yang berdaya maju dan budaya saing serta meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negara, kementerian memberi tumpuan kepada pembangunan industri asas tani di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan menerusi beberapa strategi seperti berikut:

- (i) mentransformasikan entiti pemprosesan mikro kepada perusahaan kecil dan sederhana dan berskala besar;

- (ii) memastikan pengeluaran produk memenuhi keperluan piawaian dan keselamatan makanan antarabangsa seperti HACCP, Pensijilan Halal, Amalan Pengilangan Yang Baik;
- (iii) meningkatkan daya saing produk menerusi pembungkusan yang menarik, pelabelan dan penjenamaan; dan
- (iv) mempertingkatkan promosi pemasaran di dalam dan di luar negara.

Sehingga kini terdapat seramai 8,179 orang pengusaha perusahaan kecil dan sederhana yang telah dibimbing. Satu lagi soalan yang disebutkan iaitu isu dan cabaran utama yang dihadapi dalam pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang bersepadu adalah:-

- (i) pengusaha lebih suka mengusahakan perusahaan di premis sendiri;
- (ii) pengusaha belum bersedia dan kurang mampu untuk mengikut keperluan piawaian seperti amalan pengilangan yang baik atau *good manufacturing practices* dengan izin, dan
- (iii) kesukaran untuk mengubah sikap dan pemikiran pengusaha untuk menganggap aktiviti PKS seperti satu perniagaan yang menguntungkan dan mempunyai daya maju.

**11. Tuan Tan Bon You** minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian untuk mempromosikan pulau-pulau dan pantai-pantai indah Malaysia kepada pelancong-pelancong dari negara China yang telah membuat aduan bahawa mereka semakin tidak berminat untuk berkunjung ke bandar besar seperti Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa pelancong China tidak berminat melawat ke bandar besar seperti Kuala Lumpur adalah tidak tepat. Menurut kajian pemergian pelawat asing atau *departing visitors survey*) dengan izin, yang dijalankan pada tahun 2005 ke atas minat para pelancong China di Malaysia, didapati 86% pelancong China telah melawat ke bandar-bandar besar ke Malaysia berbanding 76% pada tahun 2004. Terbukti di sini bahawa aktiviti melawat ke bandar-bandar besar masih merupakan aktiviti kegemaran pelancong China di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya pelancong China melawat ke Malaysia melalui dua jenis pakej iaitu pakej meliputi lawatan ke Singapura, Malaysia dan Thailand iaitu mereka selalu panggil *Singamathai*. Kalau pakej mono-destinasi, hanya ke Malaysia sahaja. Pakej pelancongan meliputi *Singapore*-Malaysia dan Thailand, masa singgah di Malaysia adalah pada kebiasaannya dua hari sahaja di mana pelancong China ini hanya dapat melawat bandar raya-bandar raya Malaysia dan tidak berpeluang melawat pantai-pantai dan pulau-pulau yang indah di Malaysia kerana kesuntukan masa.

Juga dipercayai bahawa pelancong China yang membuat aduan adalah yang mengikuti pakej pelancongan yang meliputi tiga negara tersebut. Sekiranya pelancong China tersebut adalah mengikuti pakej mono-destinasi ke Malaysia beliau pasti dapat menikmati keindahan yang menyeluruh ke tempat-tempat pelancongan di negara ini kerana pakej mono-destinasi ke Malaysia meliputi lawatan ke bandar raya, pulau atau pantai dan tanah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensinya *Tourism Malaysia* telah dan sentiasa berusaha mempromosikan pulau-pulau dan pantai-pantai indah di Malaysia termasuk untuk pelancong asing di dunia termasuk negara China. Di antara usaha-usaha promosi tersebut ialah:

- (i) mengakan misi jualan ke China dan menyertai pameran-pameran antarabangsa dan berusaha memperkenalkan keindahan pulau-pulau dan pantai-pantai di Malaysia di kalangan rakyat China;

- (ii) menggalakkan pakej pulau-pulau dan pantai-pantai di kalangan agensi pelancongan negara China;
- (iii) aktiviti pengiklanan yang dilaksanakan oleh *Tourism Malaysia* sentiasa memperkenalkan keindahan pulau-pulau dan pantai-pantai di Malaysia; dan
- (iv) mengadakan program lawatan suai kenal kepada wakil-wakil media dan agensi-agensi pelancongan dari negara China supaya mereka dapat melihat dan mengalami sendiri keindahan pulau-pulau dan pantai-pantai ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha ini telah menunjukkan kesan yang amat menggalakkan di mana kemasukan pelancong negara China telah mula menggabungkan bandar-bandar besar, pulau-pulau dan pantai-pantai di dalam jadual lawatan mereka ke Malaysia. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat baru sahaja pulang daripada usaha-usaha mempromosikan Malaysia di kalangan pelancong-pelancong negara China ini.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Semalam baru balik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Tuan Tan Bon You, selepas itu Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid dan Datuk Dr. Lee Chong Meng.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah yang telah dilakukan bagi mendapatkan sebanyak mungkin pelancong-pelancong yang berkualiti serta berdaya belanja daripada negara China setelah mengenal pasti kecenderungannya mengikut pelancong daripada persisiran pantai dan pedalaman di negara itu. Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Bon You. Untuk makluman Yang Berhormat, pelancong dari negeri China atau India atau Timur Tengah iaitu negara-negara Arab, adalah tumpuan utama kita hendak menarik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Antara sebab-sebabnya ialah negara China dan India mereka mempunyai rakyat yang besar iaitu 1.31 bilion. Pelancong dari Timur Tengah pula mereka memang ada duit, mereka tidak pergi ke Eropah tetapi sebaliknya memilih Malaysia sebagai satu destinasi yang bagus untuk mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang Yang Berhormat telah kata bahawa negara China adalah negara yang besar dan kita telah pun mengambil langkah atau usaha-usaha yang berlainan untuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman iaitu seperti bandar-bandar di Zhenyuan, Kunming, Beijing, Huaide. Kita akan mempromosikan tempat destinasi pantai-pantai atau pulau-pulau untuk mereka selain daripada kebudayaan yang berbeza dan berbilang kaum dan bandar-bandar besar kita.

Untuk mereka yang tinggal di Hainan atau Guangdong, Fushun kita akan mempromosikan destinasi alam semula jadi atau hutan tropika kita atau *ecotourism*. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan bersama dengan kerajaan negeri Sarawak kita akan mengadakan satu program iaitu program *Tropical Rain Forest Musical Festival* pada bulan Julai hadapan. Saya jemput semua Yang Berhormat Senator datang sebab sambutan yang baik dan telah dari pelancong asing. Kita harap Yang Berhormat boleh juga datang untuk menyaksikan program ini.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, memandangkan bahawa pelancong-pelancong dari negara China begitu besar dan kerana penduduk negara itu dan *population* nya besar, jadi lawatan 1% pun cukup ke Malaysia. Walaupun Kementerian Pelancongan telah aktif mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancong di China tetapi dengan isu-isu negatif yang dilaporkan di media massa dan isu ini telah menjejaskan peluang pelancongan mereka ke Malaysia walaupun mereka adalah *budget traveller*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Soalan tambahan saya ialah, apakah tindakan positif yang telah diambil dan akan diambil oleh kerajaan untuk menarik balik mereka ke Malaysia, tidak kira ke pulau-pulau atau bandar-bandar besar kerana ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak payah 'kerana' Yang Berhormat. Soalan tambahan itu sudah jelas.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Adakah pihak berkuasa lebih prihatin dan lebih mesra tentang pelancong-pelancong daripada China dan Bukit Bintang mengalu-alukan mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng. Memang Kementerian Pelancongan tahu isu-isu yang ada pada tahun yang lepas menyebabkan kejatuhan pelancong dari negara China.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah ketibaan pelancong dari negara China merekodkan kejatuhan sebanyak 36% kepada 352,080 orang pada tahun 2005 berbanding dengan 550,241 orang pada tahun 2004, iaitu kejatuhan seramai 36% dan menurut satu kajian yang dilaporkan kepada pihak kementerian antara faktornya adalah isu kesan *tsunami* di mana pelancong ingat negara ini tidak selamat dilawati.

Publisiti yang negatif seperti Yang Berhormat katakan tadi, memang inilah isu yang utama yang mereka bangkitkan apabila saya berada di China. Kita telah mengambil langkah, dan saya telah pun sebut banyak kali iaitu langkah-langkah yang kita telah ambil. Antara satu langkah yang terbaru iaitu pada minggu yang lepas dalam *Cabinet Meeting* telah bersetuju supaya visa akan diberi kepada pelancong atau rakyat dari China dan India untuk satu tahun dan *multiple entry*. Itu adalah suatu langkah yang baik dan kita boleh nampak sambutan yang baik dari pelancong China dan India. Mereka memang akan pergi ke Bukit Bintang iaitu kawasan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, kenapakah Kuala Lumpur terlalu terkenal dengan limpahan pelancong-pelancong dari negara-negara Arab sehingga kita terpaksa membina satu tempat yang dinamakan *Ain 'Arabiah* di Jalan Sultan Ismail. Untuk perbandingan, siapakah yang lebih banyak mendatangkan hasil negara sama ada pelancong dari negara China ataupun negara Arab. Berapa banyak kah perolehan negara hasil limpahan pelancong-pelancong negara Arab pada tahun yang lalu? Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab kerana soalan asal tadi adalah berkaitan dengan pelancong-pelancong dari negara China tetapi soalan tambahan ini ada berkenaan dengan pelancong-pelancong negara Arab. Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedang menjalankan kajian dan memang pelancong dari negara Arab, yang *batch* pertama mereka datang, saya difahamkan mereka adalah dari kumpulan yang *not so high status*, dengan izin, iaitu mereka memberi banyak masalah kepada *hotel operator*, tetapi saya diberitahu bahawa mereka boleh belanja dengan wang yang besar. Kawan saya ada sebuah kedai di mana pelancong-pelancong Arab ini sanggup membeli satu kali RM500 ribu *for buying watches only*, dengan izin. Memang mereka boleh belanja wang dengan besar, banyak duitlah. Kita telah ambil program yang baik supaya lebih tempat membeli belah. Kita akan bina dan kita akan ada *Mega Sale* di mana dalam tahun ini kita akan ada tiga kali. Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk tahun 2005 pelancong-pelancong dari negara Arab iaitu 147 ribu orang. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

**Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat**

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk melaksanakan misi nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan misi nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” *[29 Mei 2006]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Pelajaran bagi menyambung menjawab. Silakan Yang Berhormat.

#### **11.21 pagi**

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung, untuk memberi penjelasan kepada isu-isu dan juga perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan keberkesanan Sekolah Wawasan di dalam memupuk perpaduan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Kementerian Pelajaran Malaysia yakin konsep ini mewujudkan integrasi kaum. Melalui penglibatan guru dan pelajar dalam pelbagai aktiviti seperti perhimpunan sekolah, sambutan Hari Guru, sukan sekolah dan sambutan hari-hari kebesaran lain yang melibatkan semua murid dan guru telah meningkatkan lagi kerjasama erat antara murid serta ibu bapa bagi ketiga-tiga jenis sekolah yang tersebut.

Kementerian Pelajaran juga optimis kejayaan integrasi kaum boleh dicapai menerusi pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan secara bersama dan berterusan di peringkat rendah lagi. Sehubungan itu, langkah kerajaan mewujudkan Kompleks Sekolah Wawasan yang berkongsi kemudahan yang sama merupakan satu alternatif untuk memupuk perpaduan sekiranya mendapat kerjasama dan penyertaan semua pihak.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, supaya Kementerian Pelajaran mewajibkan pemakaian tudung di kalangan murid perempuan, ingin saya menjelaskan di sini bahawa kementerian masih mengekalkan dan melaksanakan dasar bahawa tidak ada paksaan ke atas murid-murid dalam pemakaian tudung seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3, 1992 bertarikh 17 Mac 1992.

Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin juga telah mempersoalkan kesan mewujudkan perwujudan sekolah-sekolah antarabangsa di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang dalam usaha untuk mempertingkatkan daya saing sekolah-sekolah antarabangsa di negara ini demi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dan usaha ini telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri. Usaha mempertingkatkan daya saing ini bertujuan untuk menarik minat warga asing untuk mendapatkan pendidikan di Malaysia, menarik pelaburan asing ke Malaysia, mengurangkan aliran keluar mata wang dan mengelakkan *brain drain* dengan izin, di kalangan rakyat Malaysia, sama ada di kalangan generasi muda, berpotensi cemerlang mahupun di kalangan ibu bapa mereka yang terdiri daripada tenaga pakar dan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke program pembangunan pendidikan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi merapatkan jurang pendidikan, semua murid sama ada di bandar atau di luar bandar, supaya mereka mendapat peluang yang sama untuk cemerlang seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu, Kementerian Pelajaran akan memastikan aspek pembangunan fizikal diberi tumpuan yang sewajarnya kepada semua sekolah termasuklah sekolah-sekolah di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin, Kementerian Pelajaran akan memastikan sekolah-sekolah kita mempunyai infrastruktur asas yang lengkap selaras dengan usaha kerajaan memperkasa sekolah aliran perdana. Mengenai peluang belajar di sekolah bestari seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita berusaha membestarikan semua sekolah di seluruh negara. Sebanyak RM2.1 bilion diperuntukkan untuk tujuan ini.

Sebenarnya, proses pembestarian telah pun mengambil tempat di sekolah-sekolah kita. Sebahagian besar sekolah kita telah dilengkapi dengan komputer meja, *note book* dan pelbagai judul perisian-perisian kursus. 96% atau 9,200 buah sekolah kita juga telah dirangkaikan dengan akses *internet* jalur lebar, manakala, sekitar 200,000 guru juga pernah dilatih untuk menggunakan perkakasan dan perisian ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung sekolah-sekolah jenis kebangsaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Soon Tian Szu dan Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian Pelajaran tidak akan mengabaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah jenis kebangsaan seperti yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Malah, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi termasuk dari segi peruntukan pengurus, jumlah yang disalurkan diberikan secara sama rata kepada semua sekolah, sama ada sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan.

Dari aspek bantuan fizikal pula, sekolah-sekolah bantuan kerajaan diberi peruntukan bantuan modal di bawah peruntukan pembangunan sejajar dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran akan memperuntukkan sebanyak RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT untuk kerja-kerja pembinaan baru, gantian tambahan, ubah suai dan naik taraf. Bagi pembangunan sekolah bantuan kerajaan pula, peruntukan sebanyak RM1,000 juta turut disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan ini akan disalurkan mengikut keperluan yang berdasarkan peruntukan sedia ada dalam lima tahun akan datang.

Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, hanya RM50 juta telah disediakan. Ini bermakna, sudah dua kali ganda tambah untuk memberi bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pendidikan Orang Asli...

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya. Puan Siti Zailah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat. Berapa banyak kah peruntukan yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk membantu sekolah-sekolah agama di seluruh Malaysia dan adakah setakat ini masih banyak kedapatan sekolah-sekolah yang masih mempunyai infrastruktur seperti bekalan elektrik dan air di sekolah-sekolah kerajaan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih. Berhubung kait dengan bantuan yang disalurkan atau akan disalurkan kepada Sekolah Agama Rakyat, ini Yang Berhormat kena jelas bahawa kalau sekolah-sekolah agama itu telah menerima jemputan atau setuju untuk mengikut pelbagai kurikulum yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, maka bantuan kewangan akan juga disalurkan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan. Mengenai berapa buah sekolah yang masih mempunyai bekalan api dan air, memang ini berlaku. Masih kita lihat beberapa buah sekolah, khususnya berada di pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan memang berhasrat untuk membekalkan bekalan api 24 jam ke sekolah-sekolah yang masih belum mempunyai bekalan api 24 jam dan juga memberikan air bersih melalui paip kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

Mengenai pendidikan bagi kaum Orang Asli, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Kementerian Pelajaran sama sekali tidak pernah menafikan keperluan pendidikan bagi anak-anak Orang Asli. Kita ingin melihat kaum ini mendapat peluang pendidikan yang sama seperti kaum-kaum lain.

Justeru itu, usaha bersepadu di antara Kementerian Pelajaran dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia telah melakukan secara berterusan. Kementerian Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Orang Asli, sasarkan kadar keciciran sifar di kalangan murid, masyarakat ini menjelang tahun 2010.

Antara usaha utama bagi merealisasikan matlamat ini iaitu memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan pendidikan terhadap anak-anak mereka. Di samping itu, kerajaan juga melaksanakan program minda dengan mengintegrasikan pelajar Orang Asli dengan pelajar lain khususnya di peringkat menengah. Program ini bertujuan meningkatkan keprihatinan mereka mengenai kepentingan pendidikan. Untuk menggalakkan kehadiran mereka ke sekolah, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian juga melaksanakan konsep *half-way house* dengan izin, menyediakan pelbagai kemudahan seperti asrama, pengangkutan dan jaminan keselamatan selain menyediakan bantuan pendidikan.

Antara bantuan pendidikan yang diberikan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Pelajaran termasuk bantuan kewangan, pakaian seragam sekolah, yuran kelas tambahan dan biasiswa. Kementerian Pelajaran juga menyediakan pelbagai bantuan-bantuan seperti skim pinjaman buku teks atau SPBT, Skim Baucar Tuisyen atau SBT, Rancangan Makanan Tambahan, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke isu memartabatkan profesion perguruan. Kementerian Pelajaran menyedari bahawa gurulah penjana masyarakat berilmu dan bertamadun, maka usaha mengangkat martabat guru akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Justeru itu, Kementerian Pelajaran akan menyediakan kemudahan tempat tinggal yang mencukupi di luar bandar, pedalaman dan bandar raya melalui pembinaan rumah-rumah guru-guru baru serta menggantikan dan membaik pulih rumah guru sedia ada yang lama dan daif. Kementerian Pelajaran telah merancang untuk melaksanakan lebih 4,300 unit rumah guru dengan kos sebanyak RM709.2 juta.

Kerajaan juga sedar bahawa tugas pendidik bukanlah perkara yang mudah. Apabila guru dibebankan dengan tugas-tugas bukan mengajar, maka masa dan tenaga tidak akan sepenuhnya memfokuskan kepada tugas asasi mereka mengajar dalam bilik darjah. Ini merugikan murid-murid dan merugikan negara. Kementerian Pelajaran akan mengkaji semula norma perjawatan guru agar nisbahnya dengan murid berupaya menghasilkan pengajaran pelajaran yang berkualiti dan berkesan.

Usaha meningkatkan kualiti pengajaran guru itu telah bermula dengan persetujuan kerajaan menaikkan taraf maktab perguruan menjadi institut pendidikan guru atau IPG. Tujuan utama penubuhan IPG ialah untuk memartabatkan profesion perguruan dengan melahirkan guru-guru berkualiti, mahir, bertanggungjawab dan bangga menjadi pendidik seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi.

Dalam usaha menaiktarafkan maktab-maktab perguruan, kerajaan telah peruntukan RM509.2 juta untuk pembangunan fizikal maktab perguruan bagi menyediakan infrastruktur dan yang mencukupi dan lebih sempurna. Ini akan diikuti dengan langkah mengetatkan lagi syarat-syarat pengambilan calon guru untuk mengikuti program pengajian kualiti guru terjamin. Kita mahu orang yang betul-betul berminat menjadi guru dipilih. Di samping itu Kementerian Pelajaran sentiasa memberi penekanan dan kepentingan kualiti latihan guru bagi memastikan guru yang mengajar di sekolah-sekolah mempunyai kelayakan profesional yang tinggi dan mempunyai tahap kompetensi yang mantap.

Oleh yang demikian adalah tidak sesuai seperti mana yang dicadangkan untuk memansuhkan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah atau KPLI. Sebaliknya penyerapan terus graduan menganggur untuk mengajar di sekolah-sekolah. Sekiranya graduan-graduan menganggur berminat untuk menceburi diri di dalam profesion perguruan mereka perlu memohon kursus KPLI terlebih dahulu.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' Yaakob Haji Mohammad berkaitan unjuran keperluan guru, Kementerian Pelajaran menentukan unjuran guru berdasarkan data yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Unjuran Keperluan Guru. Berdasarkan data yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini, Bahagian Pendidikan Guru akan melatih guru-guru bagi memenuhi keperluan seluruh negara. Jumlah guru pelatih yang dilatih atau ambilan guru pelatih adalah berbeza setiap tahun berasaskan data keperluan guru.

Kementerian Pelajaran sentiasa membuka peluang kepada semua calon tidak mengira kaum termasuk kaum Orang Asli yang berminat dan berkelayakan untuk memohon mengikuti latihan perguruan yang ditawarkan dan tidak akan menumpukan kepada sesuatu kaum sahaja seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam dan juga Yang Berhormat Osman Bungsu.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada pendidikan prasekolah. Berhubung dengan kelas prasekolah untuk murid-murid India seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam, Kementerian Pelajaran memang memberi peluang kepada semua kanak-kanak yang layak tanpa mengira kaum untuk mengikuti kelas prasekolah. Pembukaan kelas prasekolah antara bertujuan menyediakan peluang kepada kanak-kanak tanpa mengira kaum untuk menerima pendedahan mengenai pendidikan awal sebelum meneruskan persekolahan mereka di peringkat rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini terdapat 79 buah kelas prasekolah di 75 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Mengenai unjuran murid prasekolah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Yaakob Haji Mohammad, sehingga kini Kementerian Pelajaran sudah berjaya menyediakan peluang kepada 77,000 daripada 192 ribu kanak-kanak yang tidak mengikuti pendidikan prasekolah khususnya di luar bandar dan pedalaman. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM327.3 juta diperuntukkan bagi menyediakan lebih daripada 3,100 kelas yang mana 80 peratus daripadanya adalah di luar bandar dan pedalaman.

Berhubung dengan bantuan pendidikan kepada murid-murid Kementerian Pelajaran telah mengambil inisiatif dengan menyediakan pelbagai program sokongan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani. Antara program sokongan diwujudkan bagi membantu murid daripada golongan kurang berkemampuan termasuk anak-anak tentera adalah seperti skim pinjaman buku teks, skim bawar tuisyen, Rancangan Makanan Tambahan, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan biasiswa. Program sokongan yang dilaksanakan ini juga bertujuan untuk mengatasi masalah keciciran murid termasuk murid-murid India seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk M. Ratnam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan beberapa kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran mengenai keciciran murid, yang tercicir tidak semestinya tercicir terus dari alam persekolahan. Sebaliknya sebahagian daripada mereka meneruskan persekolahan di sekolah bukan kerajaan seperti sekolah persendirian atau menyambung pelajaran ke luar negara kerana mengikut keluarga. Sememangnya terdapat juga murid yang berhenti terus daripada alam prasekolah disebabkan masalah kesihatan atau memasuki alam pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mungkin...

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tan Sri dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat tentang kebajikan para guru. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji balik kuota ataupun bilangan jawatan guru berpencen tetap di bawah sekolah-sekolah di bawah Kerajaan Negeri supaya ia lebih ramai lagi yang boleh berada di bawah jawatan tetap dan jawatan berpencen.

Adakah kajian semula dibuat supaya lebih ramai lagi mereka yang boleh kita ambil untuk menjaga kebajikan para guru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang tanya soal kebajikan pihak guru. Memang menjadi hasrat kerajaan untuk memberikan lebih banyak kebajikan kepada guru khususnya guru-guru yang mengajar di kawasan-kawasan pedalaman, seperti mana yang disebut tadi, memang kerajaan dalam perancangan kita memang berhasrat untuk membina lebih banyak rumah-rumah guru supaya memberikan kemudahan yang lebih baik, yang lebih kondusif kepada guru-guru kita.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan untuk lima tahun itu, salah satu dari yang telah digariskan dan juga diberikan cukup perhatian ialah untuk meningkatkan lagi kemudahan dan kebajikan kepada guru dan dengan soal pencen dan sebagainya, ia sudah tentu akan ikut peraturan-peraturan yang sedia ada. Setakat ini sahaja...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih. Saya lihat dari segi penggulungan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran tentang hal sekolah-sekolah berasrama penuh. Saya pergi di sini dari segi sudut pemakanan yang mana kita mengetahui bahawa makanan merupakan inti pati yang penting di dalam mengeluarkan pelajar-pelajar yang cemerlang. Ia memberi tenaga serta vitamin-vitamin untuk kecergasan minda dalam pembangunan dan penimbaan ilmu, tetapi, ada kalanya di dalam sekolah-sekolah berasrama penuh ini, pengusaha-pengusaha kantin ataupun yang mengendalikan makanan ini menghidangkan makanan yang tidak baik, yang tidak berzat dan yang tidak seimbang. Kadangkalanya hingga mencetus keracunan. Ada kalanya makanan ini digelar di kalangan penuntut-penuntut, makanan *fear factor*. Apakah usaha pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Roslan yang telah mengemukakan soalan berhubung kait dengan makanan untuk murid-murid kita khususnya di sekolah berasrama penuh. Memang saya setuju bahawa haruslah kita memberi perhatian kepada jenis makanan yang diberikan sama ada makanan yang diberikan adalah bersih, sihat dan juga dengan zat makanan yang secukupnya untuk membolehkan anak-anak kita belajar dan dengan cara yang lebih baik.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah memberikan bantuan-bantuan, khususnya untuk membantu supaya dapat menyediakan makanan secukupnya untuk murid-murid kita. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya sebut tadi, Kementerian Pelajaran juga melalui Rancangan Makanan Tambahan untuk tahun 2005, sejumlah RM1.2 juta telah disalurkan untuk membantu anak-anak kita sebagai Rancangan Makanan Tambahan. Ia tidak termasuk wang digunakan untuk menyediakan makanan kepada anak-anak kita, untuk anak-anak kita di sekolah berasrama penuh. Perkara ini sentiasa dipantau. Saya bagi pihak kementerian memang bersetuju pandangan Yang Berhormat dan kita akan sentiasa memantau, sentiasa

memberikan nasihat kepada pengusaha kantin supaya dapat menyediakan makanan yang tidak akan timbul keracunan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang saya dapat jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan juga diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terus memberi sokongan kepada Usul Kementerian Pelajaran demi mencapai kecemerlangan pendidikan negara. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Selepas ini saya akan menjemput wakil dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, dan pada hari ini, kementerian tersebut diwakili oleh timbalan menteri. Kita dalam peringkat perbahasan dan pengulangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dia menyentuh kuasa-kuasa Eksekutif Persekutuan agar memperbaharui konteks dan perspektif.

Saya suka baca peruntukan dalam Perlembagaan Negara iaitu undang-undang induk negara, Perkara 39 berbunyi, *"Kuasa Eksekutif Persekutuan hendaklah terletak hak kepada Yang di-Pertuan Agong dan tertakluk kepada peruntukan mana-mana Undang-undang Persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain"*.

Perkara 40, *"...kepada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau Undang-undang Persekutuan, Yang Di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini. Tetapi Yang di-Pertuan Agong berhak atas permintaannya untuk mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri"*.

Kemudian, 43(3), *"...Jemaah Menteri hendaklah bertanggungjawab secara bersama kepada Parlimen"*.

Kemudian, akhirnya 43(a), *"...timbangan-timbangan menteri hendaklah membantu menteri-menteri pada menunaikan tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa menteri"*.

Silakan Yang Berhormat menjawab seperti menteri.

**11.48 pagi**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Terima kasih, selamat pagi dan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, yang begitu arif. Saya duduk di sini juga memanfaatkan daripada gedung ilmu Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator iaitu:

- (i) Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor;
- (ii) Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi;
- (iii) Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain;
- (iv) Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid;
- (v) Datuk Soon Tian Szu;
- (vi) Tuan Ismail Kassim; dan juga
- (vii) Datuk Dr. Jins Shamsudin.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan cadangan, pandangan dan teguran berkaitan kementerian saya. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor, sentuh tentang pembinaan tamadun, budaya dan peradaban rakyat. Ketika ini, pihak media terlalu banyak promosi ke arah hiburan dan budaya negatif. Beliau mengusul kurangkan segmen hiburan dan memperbanyakkan segmen seni dan budaya positif yang boleh mendidik minda generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, media cetak dan media elektronik berada di bawah kawalan kementerian masing-masing adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri – penerbitan buku;
- (ii) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri – penapisan filem;
- (iii) Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi – isi kandungan dan pelesenan; dan
- (iv) Kementerian Penerangan – penyiaran melalui Televisyen 1, 2 dan Radio Malaysia.

Walaupun begitu, untuk mengawal unsur hiburan dan budaya negatif berleluasa, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Televisyen dan Radio Awam dan Swasta. Dalam jawatankuasa tersebut, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KeKKWa) telah dilantik sebagai ahli untuk memberi pandangan dan pendapat mengenai kandungan yang menyentuh elemen seni dan budaya.

Bagi membendung hiburan dan budaya negatif KeKKWa dan Kementerian Penerangan dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan memantau kandungan siaran di televisyen khususnya yang menyentuh isu seni dan budaya. Bagi memperkemasnya, KeKKWa telah menyediakan garis panduan seni dan budaya bagi siaran televisyen dan perlu dipatuhi oleh stesen televisyen di Malaysia.

Bagi mengembangkan budaya positif yang boleh mendidik minda generasi muda, KeKKWa melalui agensinya telah mengadakan pelbagai program seperti program rakan seni budaya, kempen budi bahasa, kempen membaca penerbitan dan dokumentasi mengenai kebudayaan dan kesenian. Pada tahun 2005 sebanyak 1,097 aktiviti telah dilaksanakan di seluruh negara dan pada tahun 2006 setakat ini sebanyak 972 aktiviti yang dirancang akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi berpandangan bahawa perlu difikirkan suatu cara atau mekanisme untuk mengatasi isu bahasa terutama dari segi pemantauan dan penguatkuasaan.

Antara isu utama, bahasa boleh dipecahkan kepada dua iaitu:

- (i) penyalahgunaan bahasa atau tata bahasa; dan
- (ii) bahasa rojak.

Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan tidak mempunyai kuasa khusus dalam pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan bahasa. Bagaimanapun kementerian ini menggunakan kaedah pemujukan iaitu *power of persuasion* terhadap masyarakat bagi menggunakan bahasa Malaysia dengan betul.

Dalam pemantauan dan penguatkuasaan isu bahasa, kementerian ini walau pun tidak mempunyai kuasa khusus yang saya sebutkan tadi, tetapi kami dapati tinjauan pemantauan dari agensi-agensi kerajaan lain iaitu pertama peruntukan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1995 (Pindaan dan Perluasan) khususnya perkara 5 dan 6 untuk melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bahasa kebangsaan di sektor awam dan swasta.

Terdapat suatu bahagian yang telah diwujudkan di Dewan Bahasa dan Pustaka untuk tujuan:

- (i) pelaksanaan pemantauan penggunaan Bahasa Kebangsaan di kedua-dua sektor;
- (ii) Surat Pekeliling Am JPM Bil. 1 Tahun 2006 – langkah-langkah memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam bertujuan untuk mengambil langkah-langkah untuk memperkasa bahasa Malaysia dan kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Urus Setianya ialah Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (iii) Kod Pengiklanan dan Garis Panduan Penyiaran yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Kementerian Penerangan; dan
- (iv) Pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai undang-undang kecil masing-masing mengenai bahasa kebangsaan di tempat awam dan pengiklanan untuk penguatkuasaan penggunaan bahasa kebangsaan. Dicadangkan agar semua PBT bertindak dengan proaktif dalam penguatkuasaan undang-undang tersebut untuk memastikan bahasa kebangsaan digunakan dengan betul dan meluas.

Oleh kerana bahasa kebangsaan adalah warisan tidak ketara, dengan izin, *intangible heritage*, kementerian ini turut memainkan peranan dalam pemeliharaan dan pembudayaannya. Oleh itu, kementerian ini bergerak aktif dalam pembudayaan bahasa kebangsaan melalui Kempen Gerakan Seni, Kempen Budi Bahasa dan Kempen Membaca Kebangsaan. Di antara aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan berbalas pantun, debat dan kuiz bahasa kebangsaan.

Yang Berhormat Senator Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain mencadangkan supaya bahasa daerah atau dialek digunakan hingga ke akar umbi dan diketengahkan untuk memperkayakan bahasa Melayu. Istilah dari dialek tempatan juga perlu digunakan dalam bahasa Malaysia bagi mengurangkan penggunaan istilah dari bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan Yang Berhormat telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam proses pembentukan istilah bahasa Malaysia dengan berpandukan pedoman umum pembentukan istilah Bahasa Malaysia yang diputuskan oleh Majlis Bahasa Malaysia/Brunei Darussalam, Indonesia/Malaysia nama singkatnya MABBIM yang diurusetiaikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Antara istilah yang diterima pakai adalah "*kudapan*", dari Sabah; "*kecek*", dari Kelantan; "*seligar*", dari Perlis; "*pijar*", dari Perak; .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Selekeh atau sēlekeh?..

**Dato' Wong Kam Hoong:** Seligar..., seligar bermakna selubung. Ini daripada negeri Perlis; "*lacet*", dari Kedah; dan lain-lain. Istilah yang diubahsuai daripada bahasa asing .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Selekeh dari Perlis dan jelat dari Pulau Pinang boleh pakai tidak?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Yang saya dapat daripada kamus ialah "*seligar*".

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, dari Perlis ada juga lekeh...

**Dato' Wong Kam Hoong:** Lekeh? Oh, lekeh!..

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari Pulau Pinang ada jelat!...

**Dato' Wong Kam Hoong:** Jelas?

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Termasuk dalam senarai itu...

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ada. Dari Pulau Pinang, *nyruk* itu kelapa. Istilah yang diubahsuai daripada bahasa asing hanya diterima apabila tiada padanan yang sesuai daripada bahasa Malaysia termasuk dialek dan bahasa serumpun.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid menyentuh tentang penggunaan bahasa rojak Melayu/Inggeris dan penggunaan kata ringkasan dari bahasa Inggeris seperti 'FELDA', 'RISDA', 'MITI' dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini memandang berat dan memberi perhatian kepada isu penggunaan bahasa rojak Melayu/Inggeris. KeKKWa merasakan amat tidak wajar bahasa rojak digunakan. Penggunaan bahasa rojak yang mencampuradukkan bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris terutama dalam urusan dan majlis rasmi merupakan bentuk bahasa yang bertentangan dengan konsep bahasa rasmi kerana bahasa rasmi perlu berasaskan bahasa baku dan bahasa tinggi.

Kementerian ini berusaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa Malaysia secara meluas dan kerajaan perlu menegaskan penggunaan bahasa yang baik dalam semua urusan dan majlis rasmi seperti mesyuarat, taklimat, persidangan, surat, laporan, pekeliling dan sebagainya di semua jabatan dan agensi kerajaan.

Tentang penggunaan singkatan bagi nama agensi atau badan seperti FELDA, RISDA, MITI dan sebagainya yang berasaskan dari akronim bahasa Inggeris, kementerian ini berpendapat bagi kepentingan identiti negara, singkatan akronim tersebut wajar ditukar oleh pihak-pihak berkaitan.

Yang Berhormat Senator Datuk Soon Tian Szu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sedikit masalah di sini, bahasa sebagai alat komunikasi dan konsep bahasa sebagai satu warisan. Apabila kita mewarisi sesuatu keadaan, sukar kita elak daripada bahasa-bahasa yang kita warisi itu bercampur aduk. Di sini sedikit terdapat pertembungan di antara bahasa sebagai alat komunikasi dan bahasa sebagai warisan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang terima pendapat iaitu Tuan Yang di-Pertua yang diwarisi sebab negara kita sebelum kemerdekaan diduduki oleh penjajah Inggeris, maka FELDA iaitu pertubuhan FELDA ditubuhkan sebelum kita mencapai kemerdekaan. FELDA bermakna *Federal Land Development Authority* dan inilah satu nama yang sedang popular, tetapi, yang kita tentangkan ialah bahasa rojak yang sekerat belut sekerat ular. Yang itu kita tidak ingini yang kita tentangkan yang popularkan di khalayak ramai kita.

Kalau kita hendak bahas di sini, semuanya Bahasa Melayu. Kalau hendak menunjukkan kita fasih dalam Bahasa Inggeris, maka semualah Bahasa Inggeris. Jangan campur aduk. Yang Berhormat Senator Datuk Soon Tian Szu menanya bolehkah KeKKWa ataupun Kementerian Pelancongan memberi peruntukan untuk kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan bangunan-bangunan bersejarah di Melaka. KeKKWa telah membantu memelihara beberapa bangunan bersejarah di Melaka. Antara bangunan-bangunan tersebut ialah Bangunan Stadhuys. Memorial kemerdekaan bangunan lama Lembaga Air Melaka, Gereja St. Paul, Kota Santiago, Rumah Lama Gabenor, Muzium Belia dan lain-lain.

Seperti dahulu Jabatan Warisan Negara akan meneruskan kerja-kerja konservasi untuk tahun ini dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka. Namun begitu, tiada peruntukan khusus yang ditetapkan bagi mana-mana negeri di mana ianya diberikan berdasarkan kriteria-kriteria seperti yang dinyatakan dalam Bahagian X, fasal 67(2), Akta Warisan Kebangsaan 2005. Walau bagaimanapun, pada tahun 2005, sejumlah RM250 ribu telah dibelanjakan bagi menjalankan kerja-kerja konservasi bangunan-bangunan bersejarah di Melaka yang saya sebut tadi, Yang Berhormat Soon tiada di sini.

Selaras dengan kewujudan Akta Warisan Kebangsaan 2005 serta penubuhan Jabatan Warisan Negara, peruntukan sebanyak RM35 juta yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Warisan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Program tersebut adalah bagi

membiayai pengurusan warisan usaha menyelamat melindungi dan memelihara khazanah warisan untuk seluruh negara. Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan kerja-kerja konservasi melalui program pemuliharaan dan pemugaran tinggalan sejarah. Melalui program ini, kerja-kerja ditumpukan terhadap usaha-usaha penyelenggaraan, penyelamatan, pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan-bangunan bersejarah.

Tapak-tapak warisan yang telah diwartakan mewujudkan zon bersejarah secara bersepadu yang menggabungkan elemen alam semula jadi, arkeologi, kebudayaan dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi membangkitkan sebuah kes kakitangan hospital bersikap kasar dan tidak menepati Kempen Budi Bahasa yang dilancarkan oleh kementerian. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian melaksanakan Kempen Budi Bahasa secara menyeluruh yang merangkumi empat peringkat iaitu peringkat perkhidmatan terutama sektor awam. Peringkat pembelajaran, sektor sekolah dan universiti, peringkat kemasyarakatan iaitu pelbagai bangsa utama dan peringkat kekeluargaan. KeKKWa telah melaksanakan Kempen Budi Bahasa di kalangan kakitangan yang berkhidmat di barisan hadapan seperti di kaunter perkhidmatan, operator telefon dan kakitangan klinik serta hospital kerajaan.

Beberapa siri ceramah dan Kempen Budi Bahasa telah diadakan bersama jabatan-jabatan termasuk Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan dan berbudi bahasa. Selain itu, MAMPU juga mengeluarkan pekeliling pejabat perkhidmatan pelanggan di agensi kerajaan. Panduan ini hendaklah dilaksanakan dalam sektor awam bagi meningkatkan kualiti layanan urusan melalui telefon dan peningkatan kualiti perkhidmatan kaunter. Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim menyatakan berkaitan artis yang kurang beretika.

Yang Berhormat Senator memberikan contoh pada suatu majlis rasmi negara yang dihadiri Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong, Raja Permaisuri di mana terdapat artis baru tiada etika berhadapan dengan VVIP dalam membuat persembahannya. Yang Berhormat Senator berharap kursus etika protokol atau kursus khas yang berkaitan dengan bahasa dapat diberikan kepada artis sewaktu mereka mengadakan persembahan di hadapan VVIP. Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal....

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun di bawah Peraturan Mesyuarat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Ya.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua,

‘Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari esok 31 Mei 2006.’

**Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

Perbahasan di sambung semula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung sekarang, tetapi sebagai panduan kepada Dewan, saya mohon dimaklumkan Yang Berhormat memerlukan agak berapa banyak masa sebagai menghargai masa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sudah tentu menunggu bila giliran beliau untuk menggulung dan menjawab. Yang Berhormat memerlukan berapa banyak masa?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih, mungkin dengan secepat mungkin tidak lebih daripada tiga minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hanya tiga minit?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ya, hanya tiga minit. Ada dua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bebaskan Yang Berhormat kalau begitu, silakan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal mengenai artis bukanlah berada di bawah selian kementerian ini. Walau bagaimanapun, Kementerian akan meneliti cadangan Yang Berhormat dan akan mengusul perbincangan dengan persatuan-persatuan seni seperti Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penulis Lagu Tanah Air, Persatuan Karyawan Malaysia dan Majlis Muzik Malaysia bagi berbincang mengenai keperluan mengadakan kursus atau taklimat berkaitan protokol, penggunaan bahasa dan tingkah laku sewaktu mengadakan persembahan di hadapan VVIP.

Kementerian kerap mengadakan perayaan Rumah Terbuka Malaysia yang mana artis turut dijemput membuat persembahan. Dalam konteks ini kementerian memberi panduan kepada artis mengenai cara berpakaian, tingkah laku dan tutur kata semasa membuat persembahan di hadapan VVIP dan yang akhir sekali ialah daripada Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa rojak, Yang Berhormat. Yang *last* sekali, ya.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Yang terakhir sekali... *[Ketawa]* Minta maaf. Ini secara automatik... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Disebabkan Yang Berhormat mewarisi budaya tersebut.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Saya pun tidak sedar... *[Ketawa]* Ya, yang terakhir sekali. Terima kasih atas peringatan Tuan Yang di-Pertua.

Yang terakhir sekali, Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin berharap agar sebuah institusi kesenian dapat diwujudkan seperti Akademi Seni Kebangsaan sebagai satu universiti. Yang Berhormat senator juga berharap agar bajet kementerian dapat ditambah memandangkan peruntukan sedia ada tidak mencukupi untuk menampung aktiviti-aktiviti seni budaya.

Tuan Yang di-Pertua, Akademi Seni Kebangsaan yang akan dinaiktarafkan sebagai sebuah universiti adalah juga merangkumi bidang kesenian. Kursus-kursus yang akan ditawarkan di bawah Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan iaitu ASWARA ialah Pengajian Warisan, Pengajian Seni Halus, Pengurusan Seni dan Teknologi, Teater, Menari, Muzik, Penulisan, Filem dan Video dan yang wajib akademi. Justeru, cadangan untuk mewujudkan sebuah institusi kesenian tersendiri di anggap tidak diperlukan pada masa ini. Setakat ini kerajaan telah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada keperluan peruntukan kementerian.

Dalam Bajet 2006, sebanyak RM309 juta telah diperuntukkan untuk belanja mengurus dan untuk belanja pembangunan adalah sebanyak RM151 juta. KeKKWa juga memohon peruntukan tambahan melalui kertas Kabinet dan kini sebanyak RM90 juta telah diluluskan. Jumlah bajet mengurus sehingga kini adalah sebanyak RM399 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan jumlah yang diperuntukkan adalah RM700 juta dan

ini tidak termasuk belanja mengurus. Setakat inilah jawapan-jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian...

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat, minta laluan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana soal bahasa 'rojak' tadi tetapi apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi saya bersetuju kerana kita kadang-kadang benda yang warisan, benda yang selepas kemerdekaan seperti FELDA, RISDA, FELCRA, itu tidak boleh diubah lagi. Kalau kita hendak ubah susah. Misalnya FELDA Taib Andak, kalau kita masukkan perkataan Melayu memang tidak boleh sebut, apa benda FELDA ini. LPKP Taib Andak, susah. Jadi, kena sebut FELDA Taib Andak sebab itu warisan.

Akan tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang sebut perkataan bahasa Inggeris, kependekan bahasa Inggeris untuk kementerian-kementerian. Kita kena selaraskan. Tolong beritahu Kabinet supaya jangan dicampuradukkan. Ada kementerian sebut KeKKWa, bunga kekwa bau harum, sedap. Bila sebut kekwa sahaja, harum, sedap. Kementerian itu *famous*, masyhur. KPWKM pun sedap Yang Berhormat Dato' Menteri kerana sebut KPWKM – wanita, keluarga, masyarakat.

Kalau sebut MITI, MECD, MOA orang kampung tidak faham, apa benda. Luar negara memang faham tetapi orang kampung tidak faham, jadi eloklah beritahu supaya perkara ini diselaraskan kerana hendak memperkasakan bahasa Melayu dan bahasa Kebangsaan, ini harus dibuat dahulu, kementerian harus buat dahulu, barulah orang lain boleh ikut. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih, memang nama-nama akronim Inggeris yang kita warisi daripada penjajah Inggeris memang sudah popular dan sedang digunakan secara berleluasa dan dengan seluasnya macam FELDA, RISDA dan sebagainya. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu bila kita hendak ambil nama singkat, jadi nama singkat ini juga kita ambil timbang iaitu nama itu bila disuarakan jangan menjanggalkan telinga seperti KeKKWa dan sebagainya. Saya beri misalan iaitu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), orang dengan macam 'katak', jadi saya harap bila kita ambil nama singkat, kita ambil semua daripada namanya dari nampak dan suaranya. Itulah sahaja dan saya sekali lagi mengucapkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pakai yang cantik dan yang manislah.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ya, cantik untuk nampak dan juga untuk dengar juga. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Selanjutnya sambil menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya menjemput beliau untuk menjawab dan menggulung perbahasan. Yang Berhormat memang ada sampai pukul 1.00 tetapi sekiranya Yang Berhormat berlarutan, maka Yang Berhormat terpaksa datang lagi pada sebelah petang. Itu peringatan saya, terima kasih.

**12.16 tgh.**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Satu hari satu malam pun saya sanggup datang ke Dewan Senat ini... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selepas ini dibahaskan KPWKM, dengan izin. Sesungguhnya KPWKM menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut untuk kementerian kami.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya, kerana Rancangan Malaysia Kesembilan telah memberi

penekanan kepada aspek pembangunan sosial di mana 37.5% daripada jumlah keseluruhan peruntukkan RMK-9 akan di agihkan kepada pembangunan sektor sosial, khususnya dari segi memupuk pembangunan keluarga dan masyarakat. Walaupun KPWKM cuma mendapat 0.3% sahaja daripada keseluruhan peruntukkan pembangunan sosial, kementerian akan memanfaatkan peruntukkan tersebut sebaik mungkin bagi tujuan pembangunan kumpulan sasar kementerian.

Saya juga turut berterima kasih kepada pihak kerajaan di atas pengiktirafan terhadap sumbangan wanita dalam aspek pembangunan sosial dan ekonomi negara. Ini dapat kita lihat melalui penekanan terhadap usaha yang akan diambil untuk terus memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan modal insan dan juga negara. KPWKM tidak akan teragak-agak untuk terus memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi bagi memperjuangkan agenda wanita, keluarga dan juga masyarakat di dalam arus pembangunan negara. Saya menaruh keyakinan perkara-perkara berkaitan KPWKM yang digariskan akan dapat mencapai sasaran di dalam tempoh rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah telah membangkitkan mengenai isu kepimpinan wanita di mana menurut beliau peratusan kepimpinan wanita masih rendah dan menghadapi masalah *glass ceiling*, dengan izin. Isu ini dan dasar 30% turut disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Azizah binti Abd. Samad. KPWKM amat menyedari perkara ini serta kepentingannya dan dengan sebab itu KKPWKM meletakkan agenda peningkatan penyertaan wanita dalam kepimpinan atau membuat keputusan sebagai salah satu agenda utama kementerian.

Kementerian telah pun mengemukakan memorandum Jemaah Menteri mengenai wanita di peringkat membuat keputusan di sektor awam pada 4 Ogos 2004. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Kabinet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan dasar 30% wanita seperti mana yang diminta oleh kementerian di peringkat pembuat keputusan pada 25 Ogos 2004 sempena pelancaran sambutan Hari Wanita 2004 anjuran KPWKM. Sejak dari itu, kementerian terus memperjuangkan penglibatan wanita di persada kepimpinan negara. Dasar ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah satu kuota kerana kerajaan tidak bermaksud untuk menghadkan kepada angka 30% sahaja tetapi boleh melepasi angka itu bergantung pada kebolehan dan keupayaan wanita sendiri.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Satu saat sahaja, Yang Berhormat. Wanita juga dilantik bukan kerana untuk memenuhi kuota semata-mata tetapi berdasarkan kebolehan, kualiti dan kelayakan mereka. Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi tentang kebolehan wanita. Tetapi saya lihat ketiga-tiga menteri, setiausaha politiknya terdiri daripada lelaki, apakah wanita sendiri tidak percaya kepada wanita.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Betul bijak laksanakan soalan yang diajukan kepada saya. Saya tidak mampu untuk menjawab untuk kedua-dua menteri yang lain, tetapi bagi diri saya dan saya percaya mungkin ini juga pendapat kedua-dua menteri wanita yang lain, tetapi kepada saya, ini adalah suatu keputusan yang bijak mengambil seorang lelaki menjadi Setiausaha Politik di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini kerana apa Yang Berhormat, sebab hari ini kalau kita tengok di persada politik negara yang memegang tampuk membuat keputusan ialah kaum bapa.

Kepada saya, apabila dilantik seorang lelaki, maka mungkin ia mewakili kami di kementerian untuk bersama-sama dengan kaum bapa untuk mengatakan visi dan misi kementerian kami supaya masanya sudah tiba terutamanya dalam bidang politik, wanita diberi laluan yang lebih mudah kepada wanita yang berkebolehan.

Selepas ini Yang Berhormat, saya rasa apabila persada telah pun disiapkan, insya-Allah tidak jadi masalah untuk saya di kementerian untuk melantik seorang wanita

sebagai setiausaha politik, tetapi buat masa ini, saya rasa memang itu keputusan yang cantik dan bijak dengan izin, *we are not apologetic about it*, Yang Berhormat. Saya rasa mungkin seorang lelaki boleh memahami hati seorang lelaki yang lain, tetapi kenapa dalam bidang politik susah sangat wanita untuk diberi laluan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya merasakan bahawa Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini telah banyak membawa perubahan kepada kaum wanita sehingga kadang-kadang mereka pula yang didiskriminasikan sekarang ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sebenarnya bahawa masalah yang dihadapi oleh kaum wanita berpunca dari kaum lelaki. Masalah lelaki itu yang perlu diselesaikan dahulu. Jika sekiranya masalah lelaki tidak diselesaikan, tidak selesailah masalah wanita.

Saya bukan menuntut wujudkan kementerian lelaki, sebab itu saya betulkan. Media sebut saya yang minta. Saya tidak minta. Saya cuma minta kementerian Yang Berhormat beri tumpuan juga kepada kaum lelaki sekurang-kurangnya diwujudkan jabatan lelaki dan kalau diwujudkan.

Saya minta jangan dilantik perempuan sebagai ketua pengarah, lelaki yang menjadi pengarahnya sebab lelaki yang tahu masalah lelaki untuk kebaikan wanita. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa buat masa ini, tidak adalah keperluan untuk mewujudkan satu jabatan khusus untuk kaum lelaki. Sebenarnya tidak menjadi masalah di Malaysia ini, kalau lelaki itu berazam untuk menghayati masalah yang dihadapi oleh wanita, sekali gus mereka akan mampu untuk menjadi rakan saksama dengan wanita. Tidak jadi masalah. Cuma dalam minda mereka, *mindset* mereka, dengan izin, sama ada hendak buat perubahan atau tidak. Kalau kita ada sepuluh jabatan pun yang kita dedikasikan kepada kaum bapa, tetapi dalam hati mereka, sikap mereka tidak mahu berubah tidak akan ada perubahan, tetapi kalau mereka mahu berubah insya-Allah semuanya boleh berlaku.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kepada saya, memang susah kami di kementerian apabila kita mengadakan program-program untuk menentukan kaum bapa turut serta. Mereka mencari pelbagai helah untuk bersama-sama kami, tetapi alhamdulillah, sejak dua tahun kebelakangan ini, apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawa masuk di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya nampak ada perubahan apabila kita mampu untuk memasuki kepimpinan kaum bapa di beberapa jawatankuasa yang ada di bawah kementerian dan saya nampak bahawa alhamdulillah ada pertukaran positif dengan respons yang telah ditunjuk terutamanya di peringkat akar umbi. Saya harap bahawa trend ini akan dapat kita tingkatkan lagi di kementerian.

Seperti mana yang saya katakan tadi, pada akhirnya terpulanglah kepada kaum bapa di Malaysia ini. Sebab kalau mereka tidak perubahan, saya khawatir nanti satu hari, memang betul wanita tinggalkan kaum bapa di belakang, dalam perjuangan membangunkan negara. Hari ini pun, Yang Berhormat, kalau kita tengok lebih kurang 47% daripada tenaga kerja di Malaysia adalah terdiri dari wanita. Kalau itu tidak digunakan sebagai satu petanda bahawa kalau tidak ada perubahan dengan kaum bapa, maka risikonya akan ditanggung bukan hanya di keluarga tetapi juga pembangunan negara nanti.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia Kesembilan meletakkan *emphasis* ataupun fokus yang amat kuat sekali di atas pembangunan modal insan dan separuh daripada modal insan di Malaysia ini adalah wanita. Modal insan ini sudah pun meletakkan lebih kurang wanita di tahap yang sama dengan lelaki. Ia memberi peluang untuk wanita berperanan lebih dalam soal ini.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya dengan adanya penekanan terhadap modal insan dan *k-society* ini, maka sememangnya kaum lelaki harus berwaspada supaya mereka tidak akan dilangkau oleh prestasi daripada wanita sebab 65% masuk universiti wanita juga - dana intelek kepada wanita. Sebenarnya ialah untuk kaum lelaki meningkatkan prestasi mereka, betul atau tidak Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Memang betul Yang Berhormat. Saya harap bahawa dengan kehadiran Yang Berhormat di Dewan Negara ini, Yang Berhormat dan Senator-senator wanita yang lain akan menggunakan masa keemasan ini untuk memberi sedikit sebanyak penerangan atau peringatan kepada semua yang ada di sini bahawa kalau kaum bapa tidak sanggup untuk membuat perubahan sikap dan menentukan wanita menjadi rakan saksama, saya rasa bahawa kita akan menghadapi risiko yang berbahaya terutama dalam pembangunan negara.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat kerana saya difahamkan bahawa Yang Berhormat adalah di antara Ahli Senat yang mengambil berat tentang isu wanita terutama dalam penyertaan mereka dalam bidang ekonomi. Jadi saya hendak mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada semua Senator wanita yang ada yang terus memperjuangkan untuk wanita... [Tepuk] Khususnya kepada Ahli Senat kaum bapa yang menggunakan pentas ini untuk memberi ruang dan peluang kepada isu-isu wanita, keluarga dan masyarakat, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Mereka hebat sebab mereka tidak takut dengan kehadiran wanita dalam pembangunan negara.

Hanya lelaki, Tuan Yang di-Pertua, yang dengan izin, *insecure*, mereka yang tidak mempunyai keyakinan diri mereka sendiri yang takut dengan kehadiran wanita dalam mana-mana arena pun. Seorang lelaki yang berhemah tinggi yang mempunyai keyakinan diri mereka sendiri, yang beragama dan bertradisi budaya kita akan memberi semangat kepada kaum wanita yang ada. Saya hendak kata lagi sekali hanya lelaki yang tidak mempunyai...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Minta laluan, mohon laluan...

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** ..Keyakinan diri sahaja yang takut dengan kehadiran wanita di dalam mana-mana bidang pun.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Negara banyak lelaki tetapi tidak ada lelaki cauvinis.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan. Saya cuma untuk tujuan rekod, saya sebenarnya adalah pembela kuat kepada golongan wanita.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya bagi pihak semua wanita yang ada ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat adalah di antara hero kami di Senat ini, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dasar 30% ini sebenarnya sedikit sebanyak telah menampakkan kesan positif di mana telah ada wanita yang dilantik ke jawatan-jawatan penting yang belum pernah dipegang oleh wanita sebelum ini.

Umpamanya jawatan Gabenor Bank Negara, Hakim Besar Malaya, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Setiausaha Kerajaan Negeri, Naib Canselor Universiti Malaya, Timbalan Ketua Polis Negeri dan juga Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur. Ini adalah tanda positif bahawa dengan izin, *glass ceiling* telah mula dipecahkan, namun begitu Kementerian akan meneruskan usaha supaya sasaran 30% dapat dicapai dalam masa yang lebih cepat. Antara inisiatif yang sedang dijalankan oleh Kementerian ialah menggubal pelan tindakan dasar 30% wanita di peringkat membuat keputusan bukan sahaja bagi sektor awam tetapi juga bagi menarik minat sektor swasta untuk mengikut jejak langkah kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu telah membangkitkan tentang diskriminasi dan kekangan dari segi perundangan yang menghalang penglibatan wanita dengan lebih besar dalam bidang ekonomi dan meminta supaya perkara ini dikaji semula semasa tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Pihak Kementerian menyambut baik saranan Ahli Yang Berhormat di mana langkah berterusan akan diambil oleh Kementerian bagi meneliti dan menyemak undang-undang untuk memastikan tiada unsur diskriminasi terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah pula membangkitkan mengenai eksploitasi wanita di mana wanita dijadikan bahan iklan dan promosi sebagai tarikan atau alat untuk menjual satu-satu barangan atau jenama. Beliau mencadangkan supaya kementerian menetapkan satu dasar supaya wanita tidak lagi dieksploitasi sebegitu rupa kerana ia menjejaskan dan tidak memberi penghormatan terhadap maruah wanita Malaysia. Kementerian sedar dan prihatin terhadap isu eksploitasi wanita seperti pemaparan imej negatif wanita dalam media iklan dan peragaan. Dengan sebab itu kementerian telah menubuhkan Panel Perunding Media bagi mengenal pasti isu-isu dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran TV dan Radio Awam dan Swasta di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Walaupun tiada dasar khusus bagi menangani isu ini perkara melibatkan eksploitasi wanita telah diambil kira dalam dasar wanita negara dan strategi-strategi berkenaan telah digariskan dalam Pelan Tindakan Dasar Wanita. Garis panduan penyiaran dan kod pengiklanan yang telah diwujudkan oleh kerajaan adalah atas rasa tanggungjawab dan kepekaan kerajaan terhadap kehendak masyarakat, tatasusila dan sosiobudaya negara serta hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu bangsa yang bertamadun, berbudaya maju dan bermoral tinggi.

Selaras dengan kod yang diwujudkan, garis panduan tentang penyertaan wanita dalam iklan telah dijelaskan iaitu pengiklan tidak boleh mengeksploitasikan kaum wanita apabila promosi barangan mereka. Kementerian sedang meneliti garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Radio...

**Tuan Ismail Kassim:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** ... Radio Televisyen Malaysia dan Lembaga Penapisan Filem.

**Tuan Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri atas laluan yang diberikan kepada saya. Yang Berhormat, pada pandangan peribadi saya, saya merasakan yang menyebabkan wanita ini dieksploitasi dalam sebarang bentuk pengiklanan barangan dan sebagainya adalah atas kehendak wanita sendiri sebab naluri semula jadi wanita ini kebanyakannya mereka lebih memilih untuk mengejar glamor, maka sebab itulah walaupun memang kita tidak hendak tonjol wanita pun kita boleh tonjol lelaki. Banyak juga lelaki yang boleh menjadi tarikan kalau kita hendak dijadikan sebagai bahan promosi dan sebagainya tetapi sebab wanita sendiri yang mendorong ke arah mengejar kemasyhuran, nama dan sebagainya maka sebab itulah dorongan-dorongan itu menyebabkan pemilihan itu dibuat oleh lelaki untuk memilih wanita sebagai bahan promosi dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua saya sudah semestinyalah tidak setuju langsung dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa wanita mengejar glamor, sebenarnya itu tidak betul dan tidak benar. Cuma apa yang saya difahamkan bahawa memang betul dan cuma satu apa Yang Berhormat kata betul ialah pada akhirnya terpulang kepada tuan tubuh itu sendiri. Sebab itu perlunya kita ada mungkin kempen-kempen kesedaran ataupun ibu bapa kaum keluarga boleh memainkan peranan bahawa sebenarnya untuk mencari kemasyhuran dalam dunia ini itu bukan caranya. Namun begitu kalau kita cakap tentang eksploitasi Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hanya membabitkan wanita sebenarnya.

Kalau hari ini kita tengok ramai pun digunakan kaum bapa untuk menjual pelbagai barangan. Adakah itu bermakna bahawa kaum bapa juga mengejar glamor? Sebenarnya ini membabitkan hanya segelintir sahaja manusia lelaki dan wanita yang mungkin ada alasan-alasan mereka sendiri, mungkin ada yang hendak mencari rezeki dan lain-lain. Cuma ini sebagai peringatan terutama kepada mereka yang dalam bidang pengiklanan supaya jangan mengeksploitasikan sama ada lelaki atau wanita atau kanak-kanak atau orang tua. Mana-manalah sebab kalau kita hendak jual barang itu kalau barang itu dia memang mempunyai kualiti yang tinggi dan ada keperluan tidak payah kita hendak guna sesiapa pun untuk menjual barang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus telah membangkitkan masalah penceraian di kalangan pasangan Islam di mana beliau ingin mengetahui punca dan langkah-langkah menangani masalah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelbagai faktor yang menyebabkannya terutama alasan tidak ada persefahaman dan masalah kewangan. Oleh itu pengetahuan mengenai perkahwinan dan keibubapaan penting diterapkan agar institusi keluarga dapat dipertahankan. Antara langkah baru yang diperkenalkan oleh kementerian adalah kursus pra perkahwinan *Smart Start*, yang diluluskan oleh kerajaan baru-baru ini.

Bagi tahun ini sebanyak 150 kursus akan dijalankan oleh LPPKN dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan yang terpilih melibatkan 7,500 orang atau 3,750 pasangan bakal pengantin dan pasangan baru berkahwin yang berminat. Program ini akan diperluaskan ke seluruh negara dengan mekanisme pelaksanaan yang lebih luas dan menyeluruh. Selain itu kementerian melalui agensi di bawahnya iaitu LPPKN, JPW iaitu Jabatan Pembangunan Wanita dan juga JKM iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, mempunyai kaunselor dan Pegawai Pembangunan Masyarakat yang ditetapkan di setiap negeri bagi membantu individu yang memerlukan perkhidmatan runding cara dan kaunseling kekeluargaan.

Oleh yang demikian pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga boleh mendapatkan khidmat nasihat kaunseling yang disediakan oleh kementerian ataupun dari mana-mana agensi profesional yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob telah membangkitkan...

**Tuan M. Munusamy:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada masa sekarang, kes-kes penceraian daripada masyarakat India juga meningkat. Adakah kementerian juga mengadakan kursus-kursus pra perkahwinan bagi masyarakat India. Adakah satu skim dijalankan dalam kementerian ini. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan, sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkaitan juga dengan kursus pra perkahwinan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan pihak Jabatan Agama di setiap negeri supaya kursus-kursus ini dapat dilaksanakan, diwajibkan kepada pasangan-pasangan yang akan berkahwin. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Tuan Yang di-Pertua saya juga minta laluan sedikit. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri menganjurkan kursus-kursus kepada semua lelaki mana-mana bangsa pun, sesiapa yang hendak berkahwin dengan perempuan Thailand.

Ini menyebabkan, menimbulkan banyak masalah. Tidak kiralah lelaki India kah, Cina kah, Siam kah, Melayu kah sebab mungkin untuk Melayu, senang mengahwini di sana, daftar kahwin semua di sana. Apa yang menimbulkan masalah ialah apabila mereka kahwin bawa anak dara orang masuk ke sini, lepas itu ada anak, kemudian cerai begitu sahaja dan tinggallah si isteri yang status pun tidak tahu. Hendak balik kah, anak mereka di sini, jadi banyak isu yang timbul. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyuarakan rasa hati mereka dalam beberapa isu. Pertama saya hendak maklumkan bahawa kursus *Smart Start* ini dibuka kepada semua tidak kira mana-mana kaum, jadi kalau ada orang India pun yang minat itu tidak menjadi keberatan, mungkin saya akan tentukan bahawa melalui fokus India yang diunjurkan akan kita adakan kursus spesifik untuk kaum India.

Untuk menjawab soalan yang kedua, pada masa ini kursus *Smart Start* atau pra-perkahwinan ini tidak diwajibkan pada sesiapa. Hanya mereka yang minat untuk menghadiri kursus-kursus ini. Buat masa ini tidak ada perancangan kerajaan untuk mewajibkannya.

Bagi menjawab persoalan tentang lelaki Malaysia yang berkahwin dengan wanita Thailand, saya mengambil maklum apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini satu ingatanlah kepada wanita Thailand, bahawa apabila mereka hendak mengatakan *yes*, dengan izin, kepada lelaki tidak kiralah di mana-mana pun mesti berhati-hati. Jangan dengan begitu mudah sekali diperdaya tidak kiralah lelaki itu datang daripada mana. Supaya ada peringatan kepada mereka pun sama untuk tidak begitu senangnya mengikuti apa yang diminta oleh mana-mana lelaki pun.

Saya rasa ada perlu kursus yang diadakan untuk mereka pun sama, tetapi buat masa ini memang tidak adalah kursus yang kita cadang, khas untuk lelaki Malaysia yang hendak kahwin dengan wanita Thai. Malah kalau boleh kita di sini biarlah, kalau boleh saya rasa lebih elok kita kahwin orang yang ada di Malaysia ini kerana seperti mana yang kita tahu, banyak lagi yang mencari jodoh lelaki dan wanita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak Siam pun, carilah Siam lokal lah.

**Tuan Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dan pandangan Yang Berhormat sekali gus, kerana saya rasakan perkahwinan dengan wanita Thailand ini kebanyakannya diasaskan kepada keseronokan dulu. Percintaan itu pun timbul kerana seronok, tetapi bila...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana ada perkahwinan di bina di atas keseronokan.

**Tuan Ismail Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, prioritinya, keutamaannya Tuan Yang di-Pertua. Jadi keutamaannya diasaskan pada keseronokan. Keseronokan dapat dinikmati bila dalam keadaan segar. Bila keadaan dah layu ditinggalkanlah...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua minta izin, ini jelas menunjukkan betapa kurangnya, apa hendak kata pun tidak tahulah, susah hendak kata. Kaum lelaki, saya rasa kita semua fahamlah kesian mereka ini Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya ingat lepas ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kena jumpa Yang Berhormatlah, kena bagi *refresher course* kepada Yang Berhormat tentang tugas dan tanggungjawab seorang suami dalam perkahwinan itu. Mungkin Kelab Senator akan hendak menganjurkan kursus ini, kita di kementerian, *no problem* bagi sahaja notis 24 jam, kita akan siap, kita bagi kursus *refresher course* kepada semua Ahli Senat kaum bapa, terutama Ahli Yang Berhormat kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob telah membangkitkan mengenai pembangunan modal insan di mana bagi menjayakan teras kedua dengan melahirkan masyarakat Malaysia yang memiliki kekuatan moral, beliau ingin mengetahui apakah perubahan dasar dan strategi kementerian agar peranan ibu bapa dan keluarga dapat ditingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang menggubal Dasar Pembangunan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak, bagi menyediakan rangka kerja dasar untuk pembangunan strategi dan program masa hadapan bagi meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak dengan memberi penekanan kepada perlindungan, pembangunan dan penyertaan mereka, selaras dengan konvensyen mengenai hak kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil beberapa langkah dan strategi penting untuk mengukuhkan keluarga, kerana pengukuhan institusi keluarga boleh menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan modal insan dan memantapkan lagi institusi perkahwinan.

Antara langkah baru yang diambil oleh kementerian ialah kursus keibubapaan di tempat kerja iaitu dengan izin, *parenting at work*. Buat permulaan kursus ini akan dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan dan akan diperluaskan ke sektor swasta dan komuniti. Selain itu melalui LPKN akan meneruskan aktiviti latihan dan pendidikan melalui kem-kem permata kasih yang ditujukan kepada golongan remaja. Antara objektif modul ini adalah untuk memupuk nilai dan etika serta ciri-ciri keperibadian remaja yang sihat, inovatif, produktif, kompetitif dan berdaya tahan menghadapi cabaran terutama gaya hidup yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk M. Ratnam telah menyentuh mengenai program untuk ibu tunggal di kalangan kaum India. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha bagi membantu golongan ibu tunggal agar mereka sekeluarga mampu untuk menikmati kualiti hidup yang sempurna. Untuk mendapat maklumat berkenaan golongan ibu tunggal di negara ini, pihak kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah menjalankan program pendaftaran ibu tunggal. Daripada 29,850 orang ibu tunggal yang memberi maklum balas kepada kementerian, seramai 1,258 orang ibu tunggal atau 4.2% terdiri daripada kaum India. Berdasarkan pengumpulan maklumat tersebut, program latihan kemahiran telah diadakan yang dinamakan *Sutra Sari* iaitu program jahitan untuk wanita.

Peringkat pertama program ini telah disertai oleh seramai 850 wanita India termasuk ibu tunggal daripada sembilan negeri. Memandangkan sambutan yang menggalakkan terhadap program ini begitu baik, peringkat kedua program *Sutra Sari* akan melibatkan kaum India dan lebih banyak kawasan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan tersebut sejumlah peruntukkan disalurkan melalui bantuan khas perbendaharaan bagi membiayai program-program yang dilaksanakan. Dari tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM9,437,664 telah disalurkan kepada pihak NGO bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita dan keluarga dengan pengkhususan kepada ibu-ibu tunggal. Seramai 72,037 orang peserta berbilang bangsa telah pun mendapat manfaat daripada program-program yang dianjurkan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Pandangan, saranan dan teguran ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dalam melaksanakan program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Sekiranya ada terdapat soalan-soalan Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, saya harap akan dapat kemukakan selepas ini, dan saya memohon untuk menjawab secara bertulis. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh beri saya satu peluang? Sebelum menteri meninggalkan Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah peraturan mesyuarat apa pun saya tidak tahu. Apa maksud Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Maksud saya hendak bertanya tentang matlamat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemukakan.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih. Akhir-akhir ini saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua, ada semacam kehairahan kepada kementerian ini khususnya menteri untuk menjurai perjuangan persamaan *gender*. Apa yang saya bimbang, kehairahan ini menyebabkan kementerian ini lupa, tanggungjawabnya yang besar terhadap keluarga dan masyarakat. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan hadir Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kepada saya bahawa sesungguhnya keraguan saya itu tidak berasas sebenarnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak cari imbalan, *seeking balance*.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kerana menyuarakan rasa bimbang Yang Berhormat supaya dapat saya memberi penjelasan. Yang Berhormat tidak perlu kluatir bahawa kami di kementerian akan membawa sesuatu

perubahan ataupun program-program yang dijalankan yang akan menjejaskan mana-mana pihak.

Sebenarnya, Yang Berhormat, ada perlunya kita memberi penekanan kepada isu kesaksamaan *gender* ini kerana kalau kita lihat, banyak daripada masalah yang dihadapi oleh masyarakat sama ada dalam individunya sendiri ataupun keluarga ataupun masyarakat berpunca kepada ketidaksamaan di antara lelaki dan wanita. Apabila kita cakap, Yang Berhormat, tentang isu *gender* ini, ia tidak bermaksud bahawa hanya tumpuan diberi kepada wanita. Itu adalah satu salah anggapan yang berlaku hanya di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Bila kita bercakap pasal *gender*, ramai yang beranggapan bahawa hanya kita melihat kepentingan wanita sahaja. Tidak, Yang Berhormat. Malah kalau kita di dalam Kementerian, salah satu isu yang kita sedang mengawasi ialah isu kenapa misal katanya kenapa pelajar lelaki kita di universiti begitu kurang. Kerana itu pun menjadi satu isu *gender*. Sebab, Yang Berhormat, isu *gender* ini bukan hanya dari segi peluang tetapi misal kata isu keganasan, salah satu sebab yang diberi, yang diakui sebagai salah satu punca keganasan ialah kerana ketidakseimbangan *gender*.

Dalam erti kata begini, misal kata kalau seorang lelaki itu dia ganas atau dia pukul kepada wanita, itu adalah kerana dia merasakan bahawa dia mempunyai kuasa atas wanita itu. Sebab itu dia berani memukul atau mengganas terhadap wanita. Itu adalah satu isu kesaksamaan *gender*. Kalau dia rasa bahawa kita sama... "you ada hak, saya pun ada hak". Lelaki ada hak, wanita pun ada hak, perkara itu tidak akan berlaku. Cuma saya faham kekhuatiran Yang Berhormat, insya-Allah kita tidak akan membuat sesuatu yang akan membawa ketidakadilan kepada mana-mana pihak pun. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat, sebenarnya lahirnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2001. Selama lebih kurang empat tahun pengkhususan diberi kepada isu wanita dan juga keluarga, tetapi sejak tahun 2004, Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Pembangunan Masyarakat barulah dimasukkan di bawah naungan Kementerian. Jadi isu yang lain – kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, isu kebajikan, isu sosial – baru hanya berumur dua tahun di bawah kementerian.

Namun begitu Kementerian tidak mengabaikan tugas dan tanggungjawab kita. Malah kalau Yang Berhormat lihat sejak kebelakangan ini, terutama setahun kebelakangan ini banyak program telah pun dipertingkatkan untuk kumpulan sasar yang lain di peringkat akar umbi.

Saya harap bahawa Yang Berhormat balik selepas ini tidaklah rasa kluatir bahawa kita akan mengabaikan terutamanya untuk kaum bapa. Tidak, Yang Berhormat. Sebab kita di kementerian, walaupun kita memperjuangkan untuk wanita, Yang Berhormat, kita tidak lupa acuan Malaysia iaitu kita mengambil kira perjuangan kita, tradisi kita dan agama kita. Walaupun kita hendak meluncur ke hadapan, tetapi kita berlandaskan kepada ajaran agama dan budaya kita yang ada di Malaysia ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada perkataan Inggeris, mungkin berasal dari perkataan Perancis. Perkataannya ialah *touché*. Kementerian Pengangkutan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Touché* itu... Izinkan saya...

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Berpedang kemudian siapa yang kalah ialah siapa yang terkena hujung pedang itu, dia *touché*. Bermakna bila kita bertikam lidah dalam Dewan, siapa yang menang itu, *touché*. Silakan.

**12.55 tgh.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tahniah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin memohon maaf bagi pihak Menteri Pengangkutan kerana beliau tidak dapat bersama kita pada petang ini kerana beliau ada urusan di luar negara. Saya mohon maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semalam ada Ahli Yang Berhormat yang begitu minat tetapi kini Yang Berhormat mohon maaf kerana Menteri Yang Berhormat berada di luar negara. Ya?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya, saya. Saya faham. Saya cuba hendak mewakili Yang Berhormat Menteri untuk menjawab perkara yang telah disentuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh cuba, Yang Berhormat. Perlembagaan Negara berkehendakkan Yang Berhormat mewakili Menteri.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari pandangan, teguran dan saranan ini, kita berharap Kementerian Pengangkutan dapat menjalankan tugas dan menentukan segala program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dapat berjalan dengan lancar demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Senator telah pun menyentuh mengenai perkara pemberhentian pekerja MAS, misalnya Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali dan Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah dan Tuan Ismail Kassim. Adalah dimaklumkan bahawa cadangan pemberhentian pekerja MAS untuk makluman Dewan ini, pada 22 Mei 2006 MAS telah menawarkan sebanyak 18,027 pelawaan kepada pekerja-pekerjanya yang layak untuk menerima MSS. Semua pekerja yang ditawarkan MSS akan diberi sehingga 7 Jun 2006 untuk membuat pilihan.

Mereka yang layak adalah pekerja tetap, warganegara Malaysia dan telah disahkan dalam jawatan. Sehingga 29 Mei 2006 iaitu kelmarin, 1,955 orang telah menyahut MSS ini. Memandangkan MSS ini merupakan satu pilihan kepada pekerja MAS, adalah dijangkakan seramai 3,000 sehingga 5,000 pekerja akan menerima pelawaan tersebut.

Untuk makluman Dewan ini, bagi pekerja yang telah diluluskan untuk mendapat MSS dan menerima bayaran berasaskan kepada gaji bulanan semasa iaitu dari satu ke tiga bulan bagi setiap tahun perkhidmatan dalam syarikat, bayaran *one-off*, dengan izin, untuk kemudahan kesihatan sebanyak RM2,000 bagi setiap pekerja dan pembayaran balik ke atas cuti tahunan yang tidak digunakan oleh pekerja. Di samping itu kemudahan hospital kakitangan, pasangan dan tanggungan akan diberikan untuk tempoh 12 bulan dari tarikh penerimaan MSS beserta penggunaan satu tiket *complimentary travel* yang perlu digunakan sebelum 31 Disember 2006.

Bagi pekerja-pekerja yang telah memilih untuk mendapatkan MSS, pihak MAS sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat penerbangan asing untuk menempatkan pekerja-pekerja MAS dalam syarikat berkenaan di samping mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling dari Kementerian Sumber Manusia. Contohnya MAS sedang mengadakan perbincangan dengan *Qatar Airways, Crew Secondment Programme*, dengan izin, bagi tempoh setahun. Dalam...

**Tuan Ismail Kassim:** Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin sedikit penjelasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perlu cepat, ada 20 saat lagi.

**Tuan Ismail Kassim:** 20 saat. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, adakah MSS ini melibatkan semua bidang pekerjaan termasuk teknikal?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jawab di sebelah petanglah sebab kalau hendak mula jawab pun tidak sempurna. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Kementerian Pengangkutan untuk sambung berucap. Silakan Yang Berhormat.

**2.31 ptg.**

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita rehat tadi Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim ada menanya sama ada Skim Pelepasan Sepakat ini melibatkan semua kakitangan. Memang Skim MSS ini atau Skim Pelepasan Sepakat ini melibatkan semua kakitangan dari peringkat kakitangan sokongan, kakitangan eksekutif dan juga urusan atasan yang telah memenuhi syarat-syarat yang saya sebutkan awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah sebenarnya kakitangan yang menerima Skim ini masih tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak. Proses pelawaan MSS kepada kakitangan MAS akan hanya selesai pada 30 Julai 2006.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa ahli Yang Berhormat ada menyatakan apakah yang berlaku sekiranya kakitangan yang berpengalaman menerima pelawaan MSS yang ditawarkan oleh pihak pengurusan dan berkemungkinan meninggalkan syarikat. Seperti yang telah dimaklumkan, MSS merupakan satu pilihan di mana pekerja dan majikan perlu menyetujui skim tersebut. Jika pekerja telah menerima skim tersebut, Ketua Jabatan perlu mengesyorkan sama ada pekerja tersebut adalah dilepaskan atau sebaliknya. Syor-syor yang dikemukakan akan disemak dan ditentukan oleh panel yang dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi MAS.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir berhubung isu pemberian LCCT kepada Air Asia dan menganggap pembinaan *Low Cost Carrier Terminal* sebagai satu pembaziran, berdasarkan kapasiti KLIA 25 juta penumpang belum dimaksimumkan penggunaannya.

Makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada trafik penumpang di KLIA pada 2005, yang mencecah 23.1 juta orang serta penambahan pesat jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan penerbangan tambang murah di negara ini. Kapasiti terhadap maksimum KLIA dijangka dicapai menjelang tahun 2006. Oleh itu, keputusan kerajaan membina LCCT adalah wajar bagi menampung pertumbuhan pesat penumpang tersebut. Di samping menangani pertumbuhan jumlah penumpang di KLIA, pembinaan LCCT juga dapat memenuhi keperluan pengendalian LCC yang berbeza berbanding dengan *full service carrier*. Sebagai contoh, operasi LCC memerlukan *turn around* dalam masa 20 minit dan dengan itu ia memerlukan...

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Boleh saya selesaikan ayat ini? *Turn around* 20 minit dan dengan itu ia memerlukan kemudahan dan cara pengendalian yang berbeza.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, masalah yang saya hendak kemukakan di sini ialah soal pembinaan LCC. Kita menyediakan, makna kerajaan memperuntukkan lebih kurang RM3.5 bilion untuk membina KLIA. Satu jumlah yang besar dan pandangan hari ini, KLIA masih tidak diguna, di *utilized*, digunakan sepenuhnya lagi.

Adakah kerajaan begitu mempunyai wang yang banyak, sekarang kita hendak buat pula LCC? Sebab KLIA dibina, direka 100 tahun untuk *expansion*. Jadi makna dia, untuk *manage* dua lapangan terbang, makna dia kosnya amat tinggi, tetapi berbeza kalau

sekiranya LCC itu letaknya bersebelah dengan KLIA, seperti mana lapangan terbang di Sydney, Australia. *International Airport, Domestic Airport* sebelah menyebelah.

Apabila kita buat LCC yang jaraknya jauh daripada KLIA, kita membelanjakan wang yang banyak. Kemudahan apa kita hendak beri apabila kita hendak adakan *connecting flight*? Bagaimana dengan *transport* daripada LCC ke KLIA lagi. Jadi perkara-perkara ini menimbulkan pertanyaan orang. Rancangan yang macam mana Kementerian Pengangkutan buat dalam memberi kemudahan pengangkutan udara ini? KLIA tidak begitu, sebab itu kita hendak Menteri mai jawab, tetapi Menteri tiada. KLIA tidak digunakan sepenuhnya lagi, kita buat lagi, kita belanjakan lagi LCC. LCC hari ini tidak tara mana. Berapa banyak lagi kita hendak kena belanja? Hal-hal yang macam ini menimbulkan banyak pertanyaan, soal MAS, AirAsia dan sebagainya ini. Itu dahulu saya hendak bertanya. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat cukup prihatin mengenai perancangan kerajaan mengenai tadi tetapi saya harap Yang Berhormat memahami apa yang saya telah jelaskan tadi bahawa KLIA, *full capacity* nya ialah untuk menampung 'berjuta' penumpang. Pada tahun 2005, jumlah penumpang yang menggunakan KLIA adalah 23.1 juta dan pada tahun 2006 dijangka penggunaan KLIA ini akan meningkat kepada 25 juta kalau kita melihat ke unjuran jumlah penumpang-penumpang yang bertambah. Saya pun percaya apabila Yang Berhormat menggunakan KLIA semasa sebelum LCCT ini di bina, kita nampak KLIA adalah begitu sesak sekali.

Saya harap Yang Berhormat faham mengenai angka-angka yang saya bagi tadi. Adalah tidak betul dan tidak benar bahawa KLIA adalah penggunaan masih kurang. Memang sudah sampai ke tahap yang telah disasarkan. Dan oleh itu, ada juga perancangan untuk menentukan bahawa kemudahan-kemudahan di KLIA juga ditambah. Jadi mengenai apakah perancangan-perancangan Kementerian untuk menentukan bahawa penumpang-penumpang tidak ada masalah apabila mereka menggunakan LCCT untuk menyambung *transit passengers*, ini pun kita sudah ada perancangan. Memang MBP mengadakan kemudahan *transport* secara percuma dari LCCT kepada KLIA dan KLIA kepada LCCT.

Ini mungkin kita telah kaji dan kita tidak timbang dan ia sekarang telah dilaksanakan. Semua ini telah diambil kira oleh kementerian. Kita juga memahami bahawa matlamat kerajaan adalah menentukan KLIA menjadi suatu hab di dalam tahun ini. Maka untuk kita mencapai matlamat itu, perkhidmatan-perkhidmatan di KLIA haruslah diberi dengan cukup cekap sekali. Inilah, kita telah ambil kira dan telah pun dilaksanakan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Hamzah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang sedikit penjelasan Yang Berhormat buat terhadap soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus tadi. Yang Berhormat mengatakan hari ini kapasiti untuk KLIA sudah mencapai hampir 23 juta penumpang keseluruhannya.

Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah kriteria yang kementerian buat sebelum kita merancang untuk membangunkan satu *airport* yang begitu canggih, yang begitu besar dan selama ini apabila saya menggunakan KLIA itu, saya tengok daripada kawasan-kawasan *baggage* yang ada tidak banyak pun penumpang-penumpang yang menunggu dan sebagainya.

Akan tetapi Yang Berhormat kata sudah sampai 23 juta. Ini bermakna rancangan yang kementerian buat yang selama ini yang mengatakan kita boleh menampung sehingga ke tahun kalau tidak silap sayalah 2025. Ini yang dibuat dahulu dalam perancangan dahulu, jadi kriteria apa yang dibuat sehinggalah baru sahaja buka sudah kata sudah *almost full capacity*. Sebab itu kita kena buat *expansion* lagi. Saya hendak tanyalah kementerian ini menggunakan konsultan daripada mana? Apakah kalau kita menggunakan konsultan daripada luar, kalau sehingga akhirnya kita terpaksa buat *expansion* dalam masa yang begitu singkat.

Saya juga hendak tanya dengan kementerian, bila kita hendak merancang semula, hendak buat struktur yang baru terhadap industri penerbangan MAS dan AirAsia, konsultan mana yang kita guna juga? Supaya kita tidak mahu soalan-soalan ini timbul kemudian nanti seolah-olah kementerian ini adalah suatu kementerian yang langsung tidak mengambil kira tentang *limitation* terhadap sesuatu perancangan yang kita buat.

Inilah penjelasan yang saya ingin Yang Berhormat terangkan kepada kita semua di Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada hendak tambah sedikit apa Yang Berhormat Datuk Hamzah Zainuddin katakan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Boleh saya jawab soalan Yang Berhormat .....

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tidak, sama, sama.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Sama.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Cuma, Tuan Yang di-Pertua, masalahnya dalam minggu lepas apabila kita membahaskan usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku, kita mendapat jawapan di Dewan ini bahawa utiliti atau kegunaan di *airport* itu hanya 14 juta tetapi hari ini kita telah dimaklumkan 23 juta, jadi ini suatu fakta yang bercanggah. Itu sebab kita tidak faham dengan tindak tanduk yang dilaksanakan oleh kementerian ini.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab yang itu dahulu. Saya tidak tahu macam mana Yang Berhormat dapat faktor 14 juta ini. Siapa yang memberikan maklumat kepada Yang Berhormat? Kerana saya di sini ada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri apabila dia menjawab dia tidak ada menyebut kapasiti 14 juta, jadi saya fikir Yang Berhormat tersilap mengenai angka. Yang ada menyebut 14 juta adalah seorang ahli Senator yang menyebut jumlah penumpang adalah 14 juta, 16 juta dan sebagainya.

Mungkin Yang Berhormat silap fikir yang di sebelah sini yang bercakap 14 juta, jadi inilah jawab Timbalan Menteri yang ada di tangan saya tidak ada sebut 14 juta kerana angka yang saya sebut adalah angka yang betul dan kita dapat.

Mengenai soalan tadi dari rakan saya Datuk Hamzah, memang kalau kita lihat sepintas lalu, kementerian tidak ada perancangan tetapi saya fikir Yang Berhormat pun faham bahawa KLIA yang dibangunkan sekarang ialah *phase* yang pertama. Kita ada beberapa *phase* yang kita akan bangunkan dengan peringkat demi peringkat supaya kita tidak perlu membelanjakan wang begitu banyak untuk membina *airport* yang besar yang kita akan gunakan sehingga tahun 2025.

Inilah sebabnya yang *phase* pertama ini telah pun dapat hampir penuh kapasitinya dan sekarang MAB telah merancang bagaimana hendak membesarkan lapangan terbang kita supaya kita dapat memenuhi kehendak penumpang-penumpang yang kian bertambah. Tetapi oleh kerana kejayaan AirAsia dalam meningkatkan jumlah penumpang yang sebelum wujudnya Air Asia tidak minat ataupun mampu untuk menggunakan kapal terbang.

Oleh itu jumlah peningkatan penumpang-penumpang nampak begitu ketara dari 2003 kepada 2004, 19% penumpang bertambah di KLIA. Inilah sebabnya kapasiti KLIA penuh lebih awal daripada yang dijangkakan. Saya harap Yang Berhormat faham penjelasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuma satu sahaja yang saya hendak tanyakan, sama unjuran yang dibuat oleh konsultan semasa mereka bentuk lapangan terbang KLIA dahulu mengambil kira penumpang-penumpang daripada AirAsia ataupun AirAsia tidak wujud lagi pada masa itu sehingga konsultan tidak mengambil kira penumpang-penumpang daripada AirAsia yang menyebabkan unjuran yang dibuat pada masa itu mungkin 10 atau 15 tahun kemudian, tetapi pada masa sekarang telah pun mencapai tahapnya sebelum pada itu.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya, itulah sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak diambil kira.



Ini sebuah syarikat besar mengambil pekerja dari syarikat yang masih belum ada pengalaman terutamanya dari segala segi kejuruteraan dan sebagainya. Macam kita hendak menganggap syarikat besar ambil pekerja dari syarikat kecil. Ini yang kita fikirkan seolah-olah macam ada sesuatu yang perlu kita persoalkan dan kita perlukan penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya fikir apabila MAS mengambil seorang pegawai, ia tidak kira sama ada ia dari syarikat yang lebih kecil darinya. Yang penting ialah kemampuan seseorang itu yang dia fikir mampu untuk membantu MAS dalam menjalankan tugas seperti mana yang diharapkan oleh MAS.

Tadi pegawai saya ada beri maklumat mengenai jumlah penumpang yang di bawa oleh AirAsia iaitu pada tahun 2004 ialah 3 juta penumpang, tahun 2005 ialah 4.1 juta penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang membangkitkan sebarang kajian kemungkinan sebelum membuat keputusan terhadap pelan rasionalisasi MAS-AirAsia yang melibatkan kepentingan awam. Adalah dimaklumkan bahawa proses rasionalisasi yang dilaksanakan telah mengambil kira kedudukan perkhidmatan penerbangan domestik yang mengalami kerugian.

Proses rasionalisasi dilaksanakan bertujuan untuk memastikan syarikat-syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan kembali berdaya saing di samping menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh semua lapisan penumpang. Dalam hal ini kerajaan telah memutuskan bahawa proses rasionalisasi perlu dilaksanakan. Melalui proses ini seperti Yang Berhormat sedia maklum kerajaan telah memutuskan supaya MAS dan Air Asia masing-masing menyediakan perkhidmatan berdasarkan kepada perkhidmatan *premier* dan *low cost* yang telah dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan berhubung dengan sejauh manakah jaminan terhadap keselamatan terhadap pengguna yang menggunakan perkhidmatan AirAsia. Ingin saya maklumkan di sini bahawa pihak berkuasa Jabatan Penerbangan Awam Malaysia ataupun DCA sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan syarikat-syarikat penerbangan bukan AirAsia tetapi juga mana-mana syarikat penerbangan mematuhi syarat-syarat teknikal dan keselamatan yang telah ditetapkan seperti yang diperuntukkan oleh *International Civil Aviation Organization* ataupun ICAO.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah mengenai projek landasan elektrik berkembar di antara Rawang-Ipoh ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sebelum masuk *double tracking* boleh saya kembali kepada MAS semula? Terima kasih Yang Berhormat.

Pegawai Yang Berhormat berkata AirAsia tahun lepas ada lebih kurang lebih daripada 4 juta penumpang. Sebab itu kita terpaksa buat satu lagi LCCT. Saya hendak bertanya pertama LCCT yang kita hendak bangun ini apakah kapasitinya, adakah 4 juta ataupun 8 juta ataupun berapa jutalah saya hendak tanya untuk dalam tempoh masa yang terdekat 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun. Kalau kita tengok daripada kajian itu kita kata kita bangga kerana AirAsia lah yang menyebabkan kapasiti KLIA itu tiba-tiba menjadi satu angka yang besar.

Akan tetapi kalau kita sudah tarik 4 atau 5 juta pergi ke LCCT, maka unjuran kita yang asal pada KLIA itu telah turun kembali kerana angka 24 juta kalau sudah kalau bawa keluar LCCT banyak yang pergi ke LCCT, bukan hanya Air Asia tetapi juga penerbangan yang lain maka angkanya akan menurun dan mungkin kembali kepada angka yang asal 17 atau 18 juta. Saya hendak tanya Yang Berhormat kembali satunya tadi soalnya LCCT itu berapa lama dan apakah unjuran konsultan dan siapakah konsultan yang kementerian lantik yang sehinggakan kita hari dipersoalkan macam-macam sehinggakan kita merasa kita buat LCCT tetapi dari segi servisnya akan juga bukan hanya memudahkan tetapi mungkin menyulitkan kepada penumpang-penumpang yang ingin membuat *connecting flights* di antara LCCT dan KLIA.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sekali lagi. Yang Berhormat, sambung kepada .....

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Biar saya jawab ....

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya tambah satu lagi soalan Yang Berhormat. Sekarang ini KLIA kapasitinya itu kerana laluan-laluan yang digunakan oleh MAS belum lagi diserahkan kepada AirAsia, lebih kurang 60 laluan yang kemudiannya akan diserahkan kepada AirAsia. Apabila MAS menyerahkan laluan-laluan yang telah dipersetujui ini kepada AirAsia bermakna penumpang-penumpang itu semuanya akan datang LCCT. Maknanya kesibukan di KLIA yang sedia ada ini akan bertambah lagi sunyi, berkurangan.

Tidakkah kita merasakan ini satu kerugian yang besar kepada KLIA dan Yang Berhormat tadi kata KLIA sekarang yang sudah penuh kapasitinya, yang pada sayalah sebenarnya penggunaannya tidak sampai separuh lagi kalau kita bandingkan dengan *airport* antarabangsa sama ada di Tokyo, Sydney atau di Singapura. Itu pertanyaan saya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Datuk Hamzah tadi, kita memang merancang dan menentukan bahawa pembinaan LCCT ini tidak akan menyulitkan penumpang. Kita akan menentukan perhubungan di antara LCCT dengan KLIA akan dijalankan dengan begitu licin dan lancar dan begitu juga daripada bandar kepada LCCT pun ada kemudahan-kemudahan pengangkutan disediakan khusus. Ini semua menentukan bahawa ia tidak akan menyulitkan tetapi memudahkan dan begitu supaya LCCT ini akan digunakan dengan sepenuhnya. Mengenai kapasiti LCCT, ini telah dijawab oleh rakan saya apabila dia menjawab iaitu 10 juta. Kita sasarkan ini cukup menampung 10 juta penumpang di LCCT kita sekarang. Mengenai unjuran-unjuran asal, memang unjuran asal kita masih memikirkan bahawa KLIA, penggunaannya memang mengikut unjuran yang kita sediakan dahulu.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang Berhormat minta laluan sebelum Yang Berhormat pergi ke tajuk yang lain. Cuma kemusykilan saya, saya difahamkan, saya hendak mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, minta izin. Saya juga ingin bertanya, saya nak ucapkan dengan Kementerian Pengangkutan, kepada pihak MAS yang begitu prihatin telah memberi ganjaran yang begitu baik untuk pekerja-pekerja yang mengambil VSS atau MSS, tetapi saya difahamkan bahawasanya kerajaan terpaksa mengeluarkan RM800 juta semata-mata untuk membayar kepada mereka ini. Adakah ini benar? Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Kos yang digunakan, kita belum dapat memastikan dengan tepat kerana kita belum pastikan berapa kakitangan MAS yang akan mengambil MSS, tetapi berapa kos yang digunakan untuk MSS ini, adalah akan menggunakan wang dalaman ataupun peruntukan dalaman MAS sendiri.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya mohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu simpati dengan Yang Berhormat. Kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir dalam Dewan Negara. Saya minta maaf, saya nak bercakap. Sebenarnya, soal MAS dan AirAsia, jawapan yang diberikan kurang meyakinkan kami. Saya nak minta maaf. Sebab ada sesuatu yang berlaku di antara Kementerian Pengangkutan, MAS dan AirAsia. Ada permainan silap mata. Saya tidak tahu di mana? Saya minta Yang Berhormat tolong siasat perkara ini. Jangan membodohkan kami, Ahli Dewan Negara.

Kami tahu, tapi jangan sampai kami bongkar segala-gala dalam Dewan ini. Saya minta Yang Berhormat, kami tanya dengan baik. Kami hendak jawapan yang meyakinkan kami. Tolonglah, sebab kami juga bertanggung jawab dengan rakyat. Apabila kami balik, seolah-olah kami ini bodoh. Rakyat mengatakan inilah Ahli Dewan Negara bodoh, tidak tahu. Saya kira, kita lihat daripada masalah yang remeh-temeh dan jangan bercakap soal MSS, soal VSS. Soal laluan yang diberikan oleh MAS kepada AirAsia. Adakah munasabah AirAsia ini syarikat swasta boleh terima 99 laluan, kalau MAS tidak lawan, tidak akan menguntungkan AirAsia. Siapa yang membuat keputusan untuk memberikan laluan ini kepada AirAsia? Kalau rugi, takkan AirAsia nak terima?

Yang kedua, kenapa Malaysia Airport Berhad ini, atau DCA apa sahaja, memberi kemudahan segala-galanya kepada AirAsia. Termasuk arahan daripada menteri. Sebab itu saya hendak menteri hadir. Kita hendak menteri beri jawapan. Sebab saya tahu di mana menteri ada *limit* dia. Saya minta maaf, saya tahu timbalan menteri ada yang tidak boleh jawab dan tidak ada kredibiliti dia. Siapa yang buat keputusan ini? Sudah tentu menteri beri arahan. Jaga AirAsia. Beri kemudahan. *Even maintenance* apa sahaja. Kalau hendak kata AirAsia hari ini, saya kata, kalau banding dengan MAS, Air Asia tidak ada lagi kejuruteraan muda yang boleh membanggakan AirAsia, yang boleh memberi keselamatan kepada AirAsia.

Hari ini kita hendak naik tanpa bantuan daripada MAS, Air Asia tidak boleh ada keselamatan menjamin keselamatan penumpang. Saya hendak beritahu Yang Berhormat. Jadi, saya minta inilah fakta-fakta yang kita hendak. Kita hendak jaga MAS punya syarikat, GLC, syarikat kerajaan. Duit rakyat. Swasta ini, AirAsia. Dia akan buat duit, macam syarikat-syarikat yang lain semua. Jadi inilah Yang Berhormat. Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat. Saya minta maaf Yang Berhormat, tetapi, saya minta Yang Berhormat, kalau tidak boleh jawab hari ini pun, balik, kalau ada yang silap, ada yang lemah, ada kesalahan, ada main silap mata, tolong selesaikan. Tidak payah kita bincang, sebab semua Ahli Dewan Negara sudah tahu, apa yang berlaku Yang Berhormat. Tidak payah ada *first layer, second layer*.

Taklimat daripada AirAsia, kita semua sudah dengar. Taklimat daripada MAS kita sudah dengar. Taklimat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kedua-dua Timbalan Menteri, kita sudah dengar. Saya hendak beritahu dalam Dewan yang mulia ini, bagi pihak diri saya, saya tidak meyakinkan ada permainan di belakang tabir. Saya minta ini sahajalah. Yang Berhormat, tolong balik, sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri supaya bawa dalam Kabinet, kalau yang tidak betul, diperbetulkan. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah selalu datang ke Dewan ini sejak tahun 1990. Saya melihat prestasi senator sekarang cukup hebat... [*Tepuk*] Tidak ada timbul perkara kita hendak membodohkan sesiapa, kerana bagi kita, kita juga bertanggungjawab untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat. Apabila saya balik kampung, saya pun dipersoalkan oleh rakyat. Apa ini berlaku, saya perlu memperjelaskan. Saya harap jangan ada, Yang Berhormat ini memikirkan apa-apa jenis atau bentuk-bentuk jawapan yang kita bagi, bukanlah itu bertujuan untuk membodohkan sesiapa. Kalau itulah gambaran yang Yang Berhormat dapat, saya mohon maaf. Kerana kadang-kadang, kita juga manusia, silap dan mungkin maklumat yang di depan kita pun tidak cukup, tetapi tidak ada niat kita untuk merendahkan kedudukan Senator. Kita hormat Senator, khasnya kumpulan yang sekarang ini cukup aktif dalam perbincangan ataupun bila-bila masa.

Yang kedua..

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, laluan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Saya hendak jawab banyak soalan-soalan yang dikemukakan ini. Saya hendak menjelaskan dahulu, lepas itu saya akan bagi laluan kepada kedua-dua Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Kalau saya sambung Yang Berhormat..

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tolong bagi saya peluang menjawab.

Bagi Kementerian Pengangkutan dan juga bagi menteri, kita tidak akan membuat apa-apa keputusan untuk mengorbankan keselamatan penumpang-penumpang. Saya harap andaian bahawa ada main silap mata di dalam kementerian mungkin ada gambaran yang dibuat pihak-pihak yang tertentu.

Akan tetapi saya beri jaminan di sini bahawa kita, pihak DCA yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan undang-undang. Menentukan bahawa sama ada kepada Air Asia ataupun kepada MAS, keperluan-keperluan keselamatan tidak akan dikorbankan kerana ia akan membawa malapetaka kepada negara kita. Kita juga,

DCA, memerlukan menjalankan tugas dengan cekap, dengan betul. Kerana bukan hanya Kementerian Pengangkutan yang akan mengaudit apa yang dijalankan oleh DCA, tetapi juga badan-badan yang diberi tanggungjawab oleh ICO iaitu *International Aviation Organization* itu tadi. Kita kena memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak ini. Kalau kita ada silap mata di kementerian, saya pasti kita tidak dapat main silap mata di tempat-tempat yang lain di dunia. Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat semua faham mengenai perkara ini.

Yang ketiga, kita juga memikirkan tentang MAS kerana MAS adalah satu kebanggaan bagi Malaysia, yang membawa bendera Malaysia. Jadi sebab itulah kerajaan berusaha mencari jalan bagaimana hendak menentukan MAS dapat terus mengibarkan bendera Malaysia dengan bangganya dan kemudian dapat keuntungannya.

Itulah sebabnya, kerajaan membuat keputusan bahawa satu *rationalisation programme* dijalankan. Apabila program ini dijalankan, kerajaan memberi kuasa kepada MAS dan AirAsia untuk berbincang, manakah laluan-laluan yang masih MAS dapat uruskan dan mana-mana laluan yang MAS sedia serahkan kepada AirAsia. Kebanyakan keputusan telah dibuat, tetapi mereka masih berbincang. Bagaimana mereka dapat menjalankan perniagaan supaya Air Asia dengan MAS ini akan membantu antara satu sama lain.

Kita hendak mereka ini *complementing each other* supaya kedua-duanya dapat membantu satu sama lain. Dengan ini, kita mengharap kedua-dua ini juga dapat untung. Jadi siapa yang menentukan laluan itu telah ditentukan selepas perbincangan AirAsia dengan MAS dan kerajaan memikirkan keputusan mereka itu adalah atas keputusan komersial maka kita terima apa yang diputuskan oleh kedua pihak itu.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih. Yang ini adalah dikatakan mengelirukan sebab Yang Berhormat katakan bahawa keputusan dari segi *rationalization of roads, roads rationalization* tadi adalah dengan izin, berasaskan persetujuan dua pihak. Inilah jawapan yang didengar sebelum ini tetapi bila kami mengadakan dialog dengan AirAsia dan satu lagi dengan MAS keesokan harinya, AirAsia berkata bahawa dari segi laluan ini dia kata dia tidak ambil apa-apa pun. Sama seperti asal MAS dapat seperti asal yang mereka dapat dan kami dapat apa yang kami dapat, tetapi esoknya Yang Berhormat, Idris Jala, mengatakan bahawa kalau boleh dikatakan MAS inginkan balik, ini di antara contoh, MAS mahukan balik laluan mereka di *Airport* Senai sebab itu adalah laluan yang penting dan yang menguntungkan untuk mereka.

Di sini jelas menunjukkan bahawa MAS sebenarnya tidak berpuas hati dari segi pembahagian laluan iaitu yang kita hendak tahu, siapa yang membuat keputusan. Kalau dikatakan bahawa ini adalah hasil daripada persetujuan bersama, saya yakin ini tidak ada. Sebab itu yang ditimbulkan oleh sahabat saya tadi, saya fikir barangkali perlu sekarang ini bahawa Menteri Pengangkutan, MAS dan juga AirAsia.

Kita perlu berdialog bersama pula dengan ahli Dewan Negara, kalau tidak Air Asia kata begini esoknya MAS kata begitu. Sebab itu kita hairan bahawa AirAsia dengan kapasiti *aircraft* nya yang belum cukup. Dia hendak mengendalikan jumlah penumpang yang ramai di *Airport* Senai dan juga kargo yang dia sendiri tidak ada kemampuan dan dia sendiri tidak dibenarkan masuk ke Singapura, kenapa diberikan pada AirAsia?

Dan saya masih ingat dengan jelas bahawa Idris Jala telah mengatakan ia mahukan balik dan MAS mahukan balik laluan mereka di *Airport* Senai. Sebab itu saya kata, ini boleh dikatakan sebagai seolah-olah *double standard* sebab kita hendak membangunkan projek Johor Selatan yang mana *Airport* Senai seperti mana yang saya sudah katakan diserahkan kepada satu syarikat lain untuk mengendalikannya, untuk dijadikan sebagai *cargo hub* tetapi dengan AirAsia sebagai penerbangan tambang murah mana ada eksekutif hendak naik kapal terbang AirAsia. Pergi berjalan kaki dan sebagainya, sebab itu saya katakan bahawa yang ini yang kita rasa bahawa ada yang tidak kena

sebenarnya dan perlukan penjelasan tetapi kalau begini caranya Yang Berhormat tidak selesai, saya minta penjelasan kalau boleh ada perjumpaan MAS.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat, saya juga bersetuju dengan apa yang dicadangkan Yang Berhormat supaya satu perjumpaan diadakan supaya penjelasan yang tepat dan yang diberi tetapi memang seperti saya sebutkan tadi kita memberi peluang kepada kedua-dua syarikat untuk berbincang. Apabila dia atau perbincangan ini dapat dipersetujui kedua-dua pihak mereka akan membentangkan kepada kerajaan kerana di sinilah kalau perlu kerajaan mungkin menasihatkan atau perubahan untuk menyesuaikan keperluan-keperluan tempat-tempat tertentu, jadi inilah penjelasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat ini penjelasan yang terakhirlah, selepas itu Yang Berhormat menjawab dan pergi kepada perkara lain.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin penjelasan apakah pendirian kerajaan tentang apa yang saya bangkitkan dalam ucapan baru-baru ini berkenaan dengan pakaian pramugari Air Asia yang begitu menjolok mata tidak sesuai dengan dasar negara kita yang memperkenalkan dasar Islam Hadhari. Apakah kerajaan bercadang untuk memberi satu etika pakaian yang tidak menjolok mata dan sangat tidak sesuai dipakai oleh pramugari di AirAsia?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak beri peluang lagi sekali, saya kurang berpuas hati.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini berkaitan dengan apa, berkaitan dengan MAS kah tadi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** MAS dan AirAsia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin bertanya dalam perundingan antara MAS dan AirAsia di mana kedudukan MOT? Terlibat, kecuali, tidak terlibat? Nombor dua, adakah salah untuk saya mengatakan bahawa ada niat tertentu untuk menaikkan AirAsia yang pada saya, saya buat perbandingan sebagai kontraktor Kelas 'F' kepada kontraktor Kelas 'A' dalam keadaan Kelas 'F' dia memang buat kerja cukup elok tetapi apabila kita hendak beri dia, serta-merta untuk jadi Kelas 'A' akan berlaku kepincangan.

Yang ketiga, ada kemungkinan atau tidak apabila kerajaan membantu AirAsia menjadi satu syarikat gergasi yang besar dan akhirnya orang-orang yang berkepentingan dalam AirAsia ini akan menjual sahamnya dan kita pun baliklah kepada wal asal. Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, sebelum jawab saya hendak tambah sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak meyakinkan Yang Berhormat sahaja ada permainan di belakang. Satu sahaja saya hendak beri, untuk meyakinkan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat boleh bawa. AirAsia mendapat 99 laluan, kalau kita hendak jadi francais KFC pun kita kena adakan bayaran. AirAsia ambil 99 laluan ini tanpa bayaran satu sen pun pada MAS adakah ini juga adil Yang Berhormat?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat, maka tajuk ini sangat popular pada petang ini... [*Beberapa Ahli ketawa*] Pakaian dahulu. Setakat ini kementerian memikirkan pakaian yang digunakan oleh pegawai-pegawai di kedua-dua syarikat itu adalah cukup untuk dia dapat menjalankan tugas. Sebab dia menjolok mata, ini adalah perkara yang atau pemikiran atau dengan izin, *perception* bagi sesuatu pihak. Terima kasih ya.

Yang kedua, mengenai soalan yang ada silap mata tadi... [*Ketawa*] Terima kasihlah Yang Berhormat, nanti saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa ada pandangan dari beberapa Senator mungkin ada perkara yang tidak betul tetapi sebenarnya apabila kedua-dua pihak ini bincang mengenai laluan, mana yang akan diserahkan kepada AirAsia dan mana yang akan diteruskan oleh MAS adalah untuk kepada

kepentingan bersama. Cuma sekarang satu masalah yang dihadapi seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum bahawa MAS...[*Gangguan rakaman*] Yang di dalam...[*Gangguan rakaman*] *Domestic flight*. Jadi saya tidak mahu mengulang mengapa *rationalization* perlu diadakan kerana telah pun berapa kali diperjelaskan. Itulah sebabnya apa bayaran dan sebagainya memang ada syarat-syarat yang tertentu yang dikenakan oleh kerajaan kepada kedua-dua syarikat penerbangan ini.

Mengenai mana kedudukan MOT dalam perkara *rationalization* ini, ingin saya memaklumkan ada satu jawatankuasa penyelarasa ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan MOT adalah ahli kepada jawatankuasa tersebut dan jawatankuasa inilah yang akan memutuskan dan akan menentukan apalah akhirnya terjadi kepada *rationalization programme* ini. Mengenai anggapan-anggapan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi, saya harap anggapan itu tidak tepat.

Yang kedua, mengenai kemungkinan AirAsia pemegang saham yang menjual sahamnya, ini juga di luar bidang kuasa kerajaan. Cuma kerajaan menentukan bahawa hak milik Air Asia bagi rakyat tempatan tidak boleh kurang dari 51%. Ini kita pegang. Jadi inilah perkara-perkara yang akan saya jelaskan di sini. Mengenai projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang – Ipoh, bagi menjawab soalan tadi, sama ada maklum bahawa Projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang – Ipoh pada asalnya adalah merupakan projek di bawah DRB Hicom yang dipertanggungjawabkan untuk menyiapkannya pada Disember 2008 secara *design and build*, dengan izin.

Walau bagaimanapun, oleh kerana prestasi DRB Hicom yang tidak memuaskan serta kelewatan DRB Hicom untuk melaksanakan projek ini, pihak kerajaan telah pun menamatkan kontrak DRB Hicom. Seterusnya kerajaan telah mengeluarkan surat niat kepada UEM Wall untuk menyiapkan projek tersebut. Semasa penamatan kontrak kerja yang siap, DRB Hicom ialah sebanyak 80%. Berhubung dengan tuntutan dan perubahan kerja sebanyak RM700 juta yang dituntut oleh DRB Hicom, jumlah yang telah dipersetujui ialah sebanyak RM425 juta. Amaun ini berpandukan kepada kontrak yang sedia ada.

Memandangkan kedua-dua pihak telah bersetuju dengan jumlah yang tersebut, maka pelantikan timbang tara bebas adalah tidak.... [*Gangguan rakaman*] Merujuk mengenai isu tuntutan jumlah RM300 juta kepada Mitsui. Daripada Mitsui, perkara ini masih dalam pertimbangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya sempat jawab di sini. Mana-mana perkara yang tidak dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya dan beberapa pesanan dari Yang Berhormat Senator tadi saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

**3.22 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae yang telah mengambil bahagian aktif untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sepanjang perbahasan ke atas Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya akan menjelaskan persoalan ini mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menjelaskan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mengenai langkah-langkah yang menangani cabaran kepada minyak kelapa sawit negara. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, bagi menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri sawit negara, pelbagai langkah telah dan sedang diambil. Antaranya:

- (i) mempelbagaikan penggunaan minyak sawit termasuk penghasilan sumber-sumber bahan api baru yang boleh diperbaharui termasuk bio-diesel;
- (ii) meningkatkan program penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan produk-produk yang mempunyai nilai ditambah ataupun *value added* dengan izin, daripada bio-jisim sawit termasuk dengan izin, *medium density fibre board*, kertas dan produk-produk komposit;
- (iii) menggalakkan penghasilan produk-produk sampingan daripada minyak sawit seperti karotena, Vitamin E, produk farmaseutikal, oleo-kimia dan sebagainya;
- (iv) memperluaskan pasaran ke negara-negara pasaran baru, melalui penghantaran misi perdagangan dan teknikal ke negara-negara yang berpotensi untuk menjadi pengimport baru minyak sawit; dan
- (v) meningkatkan penyebaran maklumat yang tepat mengenai kelebihan produk sawit serta menangkis kempen untuk memburuk-burukkan produk berasaskan sawit;

**Dato' Rhina Bar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sentiasa membaca rencana-rencana dari Eropah dan Amerika Syarikat termasuk di Internet yang menyerang minyak sawit kita, khasnya yang menjejaskan kesihatan. Juga dikatakan hutan kita dimusnahkan supaya dapat kawasan untuk menanam pokok sawit. Jadi adakah kempen-kempen kerajaan untuk mempromosikan minyak sawit kita berkesan dan berjaya?

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rhina Bar di atas soalan tadi. Memang benar ada banyak tuduhan-tuduhan di atas minyak sawit kita. Dahulu dikatakan menjejaskan jantung dan meningkatkan kolesterol di dalam darah. Ini dibuktikan tidak benar oleh kerana minyak sawit bebas dari asid lemak *trans* dengan izin, *trans fatty acid*. Dia tidak akan memudaratkan kesihatan. Dahulu dikata kita membinasakan rimba hujan ataupun *rainforest* kita dengan izin, dan menjejaskan hidupan liar khasnya orang hutan. Ini pun tidak benar oleh kerana kita tidak memperluaskan kawasan untuk tanam pokok sawit. Ia ditanam di tempat yang sedia ada dan di ladang-ladang getah lama dan juga kawasan-kawasan tanah yang ditinggalkan ataupun *abandon lands*, dengan izin. Syarikat-syarikat minyak sawit kita, estet-estet besar melalui penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D meningkatkan pengeluaran atau *yield* menggunakan klon-klon baru daripada tiap-tiap estetnya.

Baru-baru ini pun ada satu tohmahan bahawa susu bayi yang mengandungi minyak sawit akan menjejaskan perkembangan tulang bayi. Ini pun tidak benar Tuan Yang di-Pertua dan telah dibuktikan tidak benar oleh panel pakar sains, bahawa tuduhan ini tidak ada asas. Oleh kerana demikian, saya percaya semua langkah-langkah yang diambil oleh majlis mempromosikan minyak sawit atau MPOC begitu berkesan seperti mereka pun sudah ambil iklan di surat-surat khabar antarabangsa. Baru-baru ini ada satu iklan penuh muka di *New York Times* membanteras semua tuduhan-tuduhan ini.

Dan juga baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, MPOC pun telah menganjur satu seminar yang bertajuk "*Symposium on Sustainable Palm Oil*" di London pada 18 Mei iaitu simposium di atas minyak sawit yang mapan. Buktinya bahawa semua langkah-langkah ini ada berkesan ialah harga minyak sawit masih stabil dan permintaan atau *demand* masih tinggi dari 12 juta tan pada tahun 2000 ke 18.6 juta tan pada tahun 2005 yang membawa hasil kepada negara lebih kurang RM28.6 bilion pada tahun 2005. Boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae supaya kerajaan memperkenalkan biodiesel sebagai bahan bakar alternatif kepada petroleum diesel.

Suka saya menjelaskan bahawa kerajaan telah pun melancarkan dasar *bio-fuel* negara yang bermatlamat:

- (i) untuk menghasilkan sumber pertumbuhan baru ekonomi negara;
- (ii) mewujudkan permintaan baru bagi minyak sawit;
- (iii) meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan estet sawit, dan
- (iv) menstabilkan harga minyak sawit di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan bidang bioteknologi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae supaya turut merangkumi negeri Sabah.

Suka saya menjelaskan bahawa penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut melibatkan negeri Sabah. Buktinya stesen penyelidikan MPOB telah ditubuhkan di Lahad Datu. Objektif penubuhan stesen penyelidikan MPOB di Lahad Datu adalah:

- (i) untuk menyediakan perkhidmatan setempat;
- (ii) meluaskan program biak bakar di Sabah;
- (iii) mengembangkan dan memperluaskan aktiviti penyelidikan biologi di atas variasi tanah dan iklim di Sabah;
- (iv) menyalurkan sumber maklumat melalui pemindahan teknologi, dan
- (v) melaksanakan aktiviti pelesenan dan kuat kuasa industri sawit.

Beberapa projek usaha sama dalam bidang bioteknologi telah dan sedang dijalankan di Sabah. Ini termasuk projek kultur tisu atau *tissue culture*, dengan izin, dan aktiviti biak bakar dan genetik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan mengkaji dan menilai ulasan dan saranan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari semasa ke semasa. Untuk memastikan KPPK dapat terus menyumbang kepada pencapaian pembangunan sosioekonomi yang telah digariskan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

### 3.32 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi pihak kementerian, ucapan terima kasih yang khusus kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad yang meminta supaya kerajaan mempertimbangkan semula cadangan supaya Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang pada masa sekarang di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dipindahkan di bawah kawalan Suruhanjaya Sekuriti (SS).

Yang Berhormat berpandangan langkah ini kurang sesuai kerana SC yang akan memberi perhatian khas ataupun konsentrasi ke atas syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham dan dikhuatiri ia akan memberi kesan ke atas pemantauan 700,000 buah syarikat yang berdaftar dengan SSM pada masa ini. Syarikat-syarikat kecil ini merupakan syarikat yang perlu memberi perhatian yang sewajarnya untuk terus berkembang. Beliau memohon agar kerajaan melihat semula sama ada tindakan selanjutnya dapat dipertimbangkan semula dan ambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedar pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penggabungan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan di Parlimen pada 31 Mac 2006 dan Kementerian akur kepada keputusan kerajaan sekiranya ianya akan membawa kepada faedah serta berjaya mencapai objektif memajukan perniagaan dan syarikat di negara ini.

Dalam masa yang sama Kementerian mengambil maklum dan mengalu-alukan pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad mengenai penggabungan SSM dan SS ini dipertimbangkan semula atas beberapa alasan yang telah pun dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mungkin ada menyentuh perkara-perkara yang sedikit-sebanyak berkaitan dengan Kementerian ini. Kementerian juga akan sentiasa mengambil tindakan terhadap pandangan dan idea daripada Ahli-ahli Yang Berhormat serta mengalu-alukan input-input bernas, pandangan serta sokongan padu demi menjamin pembangunan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh. Jadi itu sahaja jawapan yang dapat saya sampaikan pada petang ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ringkas, tiga minit sahaja. Silakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri...*[Tepuk]* Untuk menjawab dan turut mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kesihatan... *[Tepuk]* Silakan Yang Berhormat.

**3.36 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati sekalian.

Jelas kepada saya kemiskinan menjadi tajuk yang sangat mendapat perhatian seperti yang ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin, Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff serta Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu. Kerajaan berharap menjelang tahun 2010 kadar kemiskinan akan tinggal di tahap 2.85%. Manakala kemiskinan tegar dapat dihapuskan keseluruhannya. Ini adalah satu tugas yang kita semua patut hadapi dengan tegas dan sabar.

Mengikut perangkaan terbaru yang dikeluarkan oleh unit Perancang Ekonomi JPM, kadar kemiskinan negara adalah 5.7% meliputi 311,268 isi rumah. Pecahannya di bandar terdapat 91,615 isi rumah dan di luar bandar terdapat 219,606 isi rumah. Manakala kadar kemiskinan tegar negara meliputi 67,328 isi rumah. Pecahannya di bandar terdapat 14,012 isi rumah dan di luar bandar terdapat 33,226 isi rumah. Dalam hal ini KKLW setakat ini telah dapat menyelesaikan masalah melalui program PPRT di mana 414,525 telah menerima faedah dan bagi program bantuan rumah melibatkan 21,800 peserta yang menerima manfaat kepada 150,00 penerima faedah. Ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM596 juta.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar pendapatan golongan kaya dan miskin melebar daripada 0.45% pada tahun 1999 kepada 0.62% pada tahun 2004. Maka oleh itu kerajaan akan terus berusaha mempelbagaikan program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan supaya jurang ini dapat dirapatkan. Penekanan akan diberi kepada negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar yang tinggi terutama untuk masyarakat Orang Asli dan kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga sedar bahawa bekalan air luar bandar masih menjadi masalah. Di Semenanjung terdapat 5% iaitu 69,848 buah rumah yang masih belum mendapat bekalan air bersih. Sabah 55% mengandungi 150,287 rumah dan di Sarawak 57% mengandungi 145,551 buah rumah. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan KKLW ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diperuntukkan sebanyak RM1.206 bilion. Dengan peruntukan ini kerajaan berharap dapat menyelesaikan masalah 99% bekalan air bersih di semenanjung dan 90% bagi negeri Sabah dan Sarawak insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan elektrik di luar bandar juga terpaksa diselesaikan segera kerana di Sabah terdapat lebih kurang 90,350 atau 27% buah rumah yang masih bergelap. Manakala di Sarawak pula, sebanyak 65,800 ataupun 18% buah rumah yang belum menerima bekalan elektrik. Bahkan di semenanjung juga ada sebanyak 15,000 rumah iaitu 1% yang masih belum dapat bekalan elektrik. Insya-Allah, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan akan menyelesaikan masalah bekalan elektrik ini bagi seluruh negara.

Di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, 80% bagi negeri Sabah dan 90% bagi negeri Sarawak akan mendapat bekalan elektrik dan semenanjung 100% akan menerima bekalan elektriknya. Ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.025 bilion. Perkara-perkara yang disebutkan tadi juga adalah menjadi perkara-perkara yang dititikberatkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani. Cadangan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan diterima baik. KKLW akan mendapatkan nasihat dari pihak MARDI dalam bidang penghasilan produk halal. Insya-Allah dasar luar bandar juga akan turut menyumbang kepada.....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Menteri pergi ke fasal hab halal, ingin saya tanya berhubung dengan kawasan-kawasan yang masih lagi belum terdapat kemudahan air dan api. Adakah pihak kementerian telah mempunyai satu jalan penyelesaian yang mana terdapat penduduk bukan di dalam kawasan kampung tradisi ataupun kawasan-kawasan kampung, tetapi yang menggunakan tanah KTM atau Kereta api Tanah Melayu, telah membuat rumah-rumah.

Kereta api Tanah Melayu telah memberikan kelulusan untuk mereka mendirikan rumah yang hampir bertahun-tahun, berpuluh-puluh tahun, tetapi sehingga hari ini, mereka masih lagi belum dapat nikmat yang dirasakan oleh mereka-mereka yang berada di bandar. Selain daripada itu, adakah pihak kementerian telah mendapat satu jalan penyelesaian yang mana ladang-ladang hari ini juga tidak mendapat keistimewaan sebagaimana yang kita rasai hari ini, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah. Saya tadi telah terangkan, tetapi sini tidak melengkapkan *detail*, kerana ini adalah dasar. Kalau hendak *detail*, datang masalah ke kementerian dan saya akan uruskan satu persatu insya-Allah. Namun demikian masalah penduduk di kawasan tanah KTM ini adalah masalah setingan, saya yakin dan kalau kita menggalakkan ini dan memberikan segala kemudahan dan bantuan, mereka akan mendirikan rumah dari Perlis sampai ke Johor dan ini akan mendatangkan masalah yang lebih besar kepada kerajaan. Oleh sebab itu dalam apa jua tindakan kita mesti mempertimbangkan dan biarlah pertimbangan mengatasi perasaan, terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata penghuni-penghuni rumah yang dibina sepanjang kawasan KTM adalah kawasan setingan, tetapi setahu saya, mereka telah mendapat kelulusan ataupun kebenaran daripada pihak KTM untuk membina rumah di kawasan itu. Apabila mereka mendapat kebenaran, kadang-kadang pula sampai seperti Yang Berhormat tadi kata 20, 30 tahun dan mereka tidak menerima apa sahaja kemudahan-kemudahan elektrik dan air. Saya rasa kementerian perlu mengambil kira perkara ini sebab mereka bukan membina rumah tanpa kebenaran, tetapi mendapat kebenaran daripada pihak KTM, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati, jangan rasa saya tidak ada punyai perasaan. Oleh sebab ini urusan KTMB, mengapakah pula beban ini diletakkan ke kepala Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Namun demikian, kalau sekiranya ada permintaan, sudah tentu kita akan usahakan supaya penyelesaian daripada dibuat, terima kasih. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng supaya rakyat digalakkan berusaha dalam sektor perusahaan getah mengambil kesempatan di atas kenaikan harga getah sekarang ini.

Agensi FELCRA dan RISDA seperti biasa akan meneruskan usaha menggalakkan perusahaan penanaman getah. Contohnya dalam matlamat fizikal dan peruntukan tanaman semula berturut RISDA tahun 2006, sejumlah 97,684 hektar akan diusahakan dan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM93,002,800.

Dalam usaha menggalakkan menebang getah tua dan menggantikannya dengan tanaman getah muda, sebanyak RM46 juta diperuntukkan di kawasan seluas 20 ribu hektar. Bagi agensi FELCRA, di bawah projek pemulihan dan penyatuan tanah bagi tahun 2006 sahaja bagi seluruh negara seluas 10,077 hektar tanah akan diusahakan yang melibatkan hampir RM20 juta.

Mudah-mudahan pendapatan atau rezeki masyarakat luar bandar akan bertambah. Lebih-lebih lagi kalau mereka turut serta mengusahakannya. FELCRA juga akan membangunkan Pulau Banggi di Sabah dengan tanaman getah seluas 4,500 hektar. Peruntukan diperoleh ialah RM43,550 juta dan ini akan memberi faedah dan manfaat kepada 1000 peserta. Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan mencadangkan supaya bangunan KKLW di Putrajaya dinamakan dengan nama Tun Abdul Ghafar Baba. Pihak kementerian menghargai pandangan Yang Berhormat dan akan membawa perkara ini kepada pucuk pimpinan negara untuk pertimbangan selanjutnya.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar sangat menghargai ingatan dari Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad yang memandang berat tentang jurang digital antara bandar dan luar bandar. Kementerian sedar bahawa masyarakat luar bandar mesti diberi kemudahan untuk mendapat maklumat. Berkomunikasi melalui komputer dan *internet*. Mudah-mudahan mereka mendapat manfaat dari ilmu pengetahuan ICT untuk menambah peluang pendapatan yang diusahakannya menerusi pertanian, penternakan dan perniagaannya. Justeru itu pada tahun 2000 ini sahaja, 70 buah Medan InfoDesa atau MID, akan didirikan dengan peruntukan RM28.4 juta. Medan Info Desa yang sedia ada berjumlah 24 buah. Setiap Medan InfoDesa ini Tuan Yang di-Pertua, akan dibekalkan dengan 20 buah komputer. Ia juga mempunyai seorang pengurus dan empat orang jurulatih. Insya-Allah setiap daerah akan mendapat sebuah MID.

Di kawasan wilayah seperti KETENGAH di Terengganu dan KEJORA di Johor, terdapat 76 buah pusat literasi komputer dan 32 pusat ICT. Harapan kerajaan ialah untuk menghapuskan jurang digital di antara bandar dan luar bandar seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad. Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff telah menyentuh mengenai program Gerakan Daya Wawasan atau GDW, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak.

Ini merupakan program berterusan oleh KKLW atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana kementerian mendapati ianya merupakan pemangkin kepada pembangunan modal insan di kalangan penduduk luar bandar. Program GDW ini telah banyak memperlihatkan keupayaan orang luar bandar dalam usaha mengerakkan tambahan pendapatan dalam bidang-bidang seperti berikut:

- (i) pelancongan atau *homestay*;
- (ii) pertanian;
- (iii) penternakan;
- (iv) industri kampung secara komersial; dan
- (v) pengurusan teknologi maklumat.

Untuk memperkuat dan menggalakkan usaha-usaha baik ini, bahagian Ekonomi Desa turut membantu menyediakan peruntukan misalnya bagi tahun 2006 ini dalam bidang projek pertanian komersial sebanyak RM2.334 juta untuk gerai, bengkel dan kilang, peruntukan sebanyak RM16 juta disediakan dan sehingga bulan Mei 2006, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa atau SPED telah meluluskan pinjaman sebanyak RM13,974,854.87 untuk tujuan tersebut. Apakah projeknya? Iaitu pembuatan, perkhidmatan, penternakan, pertanian dan pelancongan. Orang luar bandar berusaha, negara bahagia Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masalah kampung Orang Asli mendapat perhatian dari Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu....

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Sila.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan dan terima kasih di atas segala usaha kerajaan untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar, khususnya dari segi pembangunan modal insan. Di antara perkara yang penting dalam pembangunan modal insan ialah kesihatan rakyat itu sendiri.

Selain daripada keperluan air, elektrik, rumah dan sebagainya adakah kerajaan memikirkan dari segi keperluan makanan seimbang yang rata-rata tidak dititik beratkan di masyarakat luar bandar dan ini merupakan satu aspek yang penting bagi kita membina minda yang cergas di kalangan masyarakat luar bandar. Apakah pihak Kementerian mengambil berat isu ini. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditimbulkan daripada awal ialah GDW. Yang Berhormat menyeleweng sedikit. Namun demikian saya jawab. Untuk menentukan pemakanan seimbang bagi saudara-saudara kita yang kurang bernasib baik, RM35 juta diperuntukkan bagi tahun 2006 ini, mudah-mudahan mereka mendapat peruntukan ini untuk mendapat makanan yang lebih baik. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kaum Orang Asli mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Hajah Samsiah binti Samsudin, Yang Berhormat Ismail bin Kassim dan juga Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu. Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat atas perhatian Yang Berhormat sekalian terhadap nasib Orang Asli kita. Yang Berhormat Dato' Musa bagi masyarakat Orang Asli yang telah terdedah kepada dunia luar dan bersedia menerima perubahan, ada di antara mereka telah maju dan berjaya sebagai pensyarah, guru, umpamanya Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu sendiri adalah guru kaunseling yang terbaik, jururawat, peguam dan pengusaha.

Walau bagaimanapun, bilangannya masih kecil tetapi tanda-tanda maju dan berjaya sudah ada. Syukur ini semua kerana usaha kerajaan yang tidak pernah jemu-jemu memberi perhatian kepada mereka. Yang masih menjadi penghalang kepada masyarakat Orang Asli ini ialah kerana tempat kediamannya yang berselerak jauh di pedalaman, khususnya 60% di kawasan pedalaman, 39% di kawasan pinggir dan 1% di kawasan bandar. Justeru itu mereka agak lambat untuk menerima idea-idea baru, jati dirinya rendah dan perasaan malu dan rendah diri tetap bersemadi di hati dan jiwa mereka.

Ini adalah di antara elemen-elemen penghalang kepada proses kemajuan mereka. Kerajaan akan mengambil tindakan proaktif untuk memajukan mereka dalam bidang pendidikan, ekonomi, pertanian, penternakan dan sosial. Kementerian juga akan turut bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang saling bantu-membantu demi untuk masyarakat Orang Asli. Adalah diharapkan pada tahun 2010 kerajaan dapat menghapuskan kemiskinan tegar di kalangan masyarakat Orang Asli ini. Untuk itu, guru-guru dari kaum Orang Asli yang seramai 212 orang akan ditempatkan mengajar di sekolah-sekolah di mana banyak kaum Orang Asli. Ini adalah dasar Kementerian Pelajaran untuk pengetahuan Yang Berhormat Hajah Samsiah.

Pada masa ini terdapat 8,774 anak-anak Orang Asli yang belajar di 31 buah sekolah menengah di seluruh Semenanjung dan 500 orang seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob. Ada 8,774 orang. Untuk menggalakkan anak-anak masyarakat Orang Asli terus maju dalam pelajaran, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dipertanggungjawabkan menyediakan:

- (i) kemudahan pengangkutan iaitu bas dari rumah ke sekolah;
- (ii) mengadakan kelas-kelas motivasi kepada pelajar-pelajar; dan

- (iii) terus menggalakkan mereka rajin datang ke sekolah, di samping itu menyediakan sarapan pagi dan makan tengah hari, khusus untuk pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman dan;
- (iv) menyediakan bantuan-bantuan lain bagi pelajar-pelajar yang tinggal di asrama.

Memang benar seperti kata Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim, kraf tangan Orang Asli kita amat tinggi mutunya dan ini boleh dapat dilihat dipamerkan di Pusat Kraf, Jalan Conley, Kuala Lumpur dan juga di Galeri Desa, di KLCC. Pengerusinya ada di sini, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga menerima baik pandangan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu supaya menubuhkan syarikat peladang untuk Orang Asli. Pada pendapat kementerian, pada peringkat ini eloklah bersabar dahulu dan benarkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dengan kerjasama FELCRA, RISDA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani beserta Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pertanian untuk turut membantu untuk memastikan mereka stabil dan kuat sebelum rancangan Yang Berhormat dilaksanakan.

Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Okey.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya simpati juga Orang Asli ini, wakilnya ada seorang tetapi saya rasa hendak tolong dia. Saya ingat dalam negara kita, Orang Asli ini tidak sampai 150 ribu orang. Kalau tengok Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya ingat peruntukan yang diberi kepada Orang Asli ini, tiap-tiap perancangan mesti ada RM200 atau RM300 juta.

Kalau kita kira dekat lebih daripada RM1 bilion tetapi kenapa masalah 150 ribu Orang Asli tidak boleh diselesaikan. Adakah kerana bantuan ataupun peruntukan yang diberi kepada Orang Asli ini hanya atas kertas sahaja tetapi bantuan tidak sampai kepada Orang Asli. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak baik buruk sangka. Kalau kita buat buruk sangka kita akan berdosa besar. Sebenarnya usaha pegawai-pegawai di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini berat dan ia terpaksa berulang alik ke dalam hutan dan kadang kalanya menerima telefon supaya orang sakit dari Kuala Lipis di bawa ke Gombak, dan sebagainya. Kalau sekiranya ada kesilapan, kementerian sedia menerima laporan dan kita akan bertindak. Setakat ini belum ada lagi. Kalau sekiranya duit yang hampir RM1 bilion ini dicurahkan kepada mereka, nescaya akan keluarlah duit syiling daripada telinga mereka, tetapi bukan cara itu untuk membangunkan masyarakat, kita terpaksa memikirkan apa jenis rumah yang kita hendak bina, apa ladang yang kita hendak dirikan dan apa pula bantuan-bantuan lain sehinggalah hari ini, anak-anaknya sudah menjadi profesor. Ada yang menjadi pensyarah kanan di Universiti Malaya, di USM dan sebagainya.

Oleh sebab itu pembangunan modal insan ini adalah penting ditekankan supaya masyarakat itu jangan diberi ikan tetapi diberi pancing...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** ...Mengulang kepada Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim. Memang kraf tangan Orang Asli kita bukan sahaja termasyhur di sini tetapi di antarabangsa, di persada antarabangsa memang masyhur dan kita akan galakkan. Kementerian dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan terus memberi galakan dan bantuan untuk memajukan industri kraf tangan Orang Asli ini. Kementerian juga menerima baik pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu supaya menubuhkan syarikat peladang untuk Orang Asli. Pada pendapat kementerian pada peringkat ini eloklah bersabar dahulu dan benarkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dengan kerjasama FELCRA, RISDA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani beserta Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pertanian turut membantu untuk memastikan mereka stabil dan kuat sebelum rancangan Yang Berhormat dapat dilaksanakan.

Hasrat Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu supaya mengubah atau menukar Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada Lembaga Kemajuan Orang Asli dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri juga adalah baik. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pernah duduk di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Perpaduan Negara pada masa dahulu.

Kalau sekiranya Yang Berhormat kurang yakin akan kesungguhan kementerian untuk memperjuangkan nasib masyarakat Orang Asli, insya-Allah saya akan kemukakan untuk perhatian, pertimbangan dan tindakan seterusnya orang pucuk pimpinan negara. Baik Orang Asli, baiklah bagi saya. Tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Semenjak tahun 2005, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah berusaha untuk memastikan dasar pemilikan tanah untuk Orang Asli tapi saya sendiri sedar tidaklah semudah itu kerana proses banyak bergantung daripada kesediaan oleh pihak kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung. Namun demikian, JHEOA telah menyediakan satu kertas cadangan bertajuk dasar dan kaedah pemilikan tanah Orang Asli untuk terus di bincang seterusnya kepada Mesyuarat Exco Luar Bandar (MEXCLUB) yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pembangunan luar bandar termasuk hal ehwal Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sekianlah jawapan daripada pihak KKLW bagi perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan Negara yang mulia ini. Sekiranya ada kesilapan dan ada yang tidak disentuh, saya bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar memohon maaf. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam ingatan saya, Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara tidak pernah mendengar ucapan mengenai Orang Asli yang sebegini khusus. Saya harap Yang Berhormat berpuas hati. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

**3.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Norraesah Mohamad kerana menyokong usaha Kementerian menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Ke arah itu Kementerian bertanggungjawab untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera sebagai satu mekanisme untuk memantapkan kerjaya pilihan tersebut yang akhirnya akan dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan jurang pendapatan di antara kaum. Dalam usaha tersebut MPPB bukan sahaja akan wujud sebagai tenaga profesional bumiputera malah penekanan akan diberi untuk menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan. Ini akan membuka peluang untuk bumiputera memperoleh pendapatan dan kekayaan yang lebih.

Dengan kata lain, keusahawanan merupakan salah satu usaha untuk membantu rakyat keluar daripada kemiskinan yang mereka hadapi itu. Ini sekali gus telah dapat memberi penjelasan kepada perkara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Senator Tay Puay Chuan dan Senator Siti Zailah Mohd. Yusoff. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk M. Ratnam kerana menyokong segala langkah kerajaan dalam memajukan bangsa Melayu.

Untuk melahirkan dan menjayakan seseorang usahawan, komponen terpenting yang perlu diserap dalam jati diri ialah budaya dan ilmu keusahawanan. Oleh itu, proses pembudayaan dan penerapan ilmu ini sememangnya menjadi teras utama Kementerian kerana ia bukanlah satu proses yang boleh berjaya dalam sekelip mata. Menerusi agensi Kementerian, seperti Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN, akan memainkan peranan sebagai *focal point* yang bertanggungjawab untuk menyemaikan budaya dan ilmu keusahawanan yang menekankan aspek praktikal.

Hal ini penting kerana dapat mewujudkan usahawan yang mampu berdikari, berilmu, bersaing di pasaran terbuka seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah, Senator Datuk Haji Rizuan dan Senator Ismail Kassim.

Justeru itu Kementerian akan mula melaksanakan program usahawan daripada *junior* - sekolah-sekolah rendah tahun ini bertujuan untuk memberi latihan keusahawanan kepada pelajar-pelajar di peringkat yang lebih awal. Kementerian juga menasaskan seramai 52,500 pelajar sekolah rendah akan menyertai program tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sementara itu, Kementerian telah melaksanakan juga Program Penerapan Budaya Keusahawanan di peringkat sekolah menengah melalui Program Usahawan Muda. Sehingga hari ini sebanyak 525 buah sekolah telah menyertai program Usahawan Muda dan seramai lebih daripada 56,000 pelajar telah menyertai program tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Kementerian juga menasaskan sebanyak 700 buah sekolah dan seramai 87,500 akan menyertai program tersebut menjelang akhir tahun 2006.

Selain itu program Keusahawanan Siswa di 18 buah universiti dan kolej universiti telah juga dilaksanakan bagi menggalakkan para siswazah melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Program tersebut merangkumi Program Pembangunan Usaha Siswa, Kursus Asas Keusahawanan Siswa dan Latihan Keusahawanan Siswa. Program-program berkenaan memberi pendedahan, pengetahuan dan pengalaman keusahawanan kepada pelajar-pelajar universiti. Ini termasuklah latihan praktikal, perkongsian pengalaman, penyediaan rancangan niaga dan yang bersangkutan kerja industri.

Mengenai saranan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah, Kementerian telah pun mewujudkan Majlis Pembudayaan Keusahawanan di IPTA yang berperanan untuk merangka strategi dan program keusahawanan siswa yang bersepadu di antara IPTA dan agensi-agensi kerajaan. Dalam usaha menangani isu pengangguran di kalangan siswazah, Kementerian telah melaksanakan skim siswazah yang menyediakan latihan keusahawanan dan kemudahan pinjaman perniagaan sehingga maksimum 250,000 di bawah Tabung Usahawan Siswazah.

Program Francais Siswazah pula, digalakkan penyertaan siswazah dalam perniagaan dengan bantuan pembiayaan modal sebanyak RM100,000. Manakala Program Inkubator Siswazah kita menyediakan kemudahan pejabat bimbingan keusahawanan untuk menggalakkan para siswazah menyertai sektor perniagaan. Kementerian juga telah merangka program perintis berpakej bagi melahirkan dan membangun usahawan dan vendor di kalangan graduan teknikal IPTA dan IPTS dalam bidang pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memantapkan keusahawanan bumiputera, Kementerian akan juga menyediakan persekitaran yang kondusif termasuk melalui kemudahan dan bantuan khidmat sokongan. Saya mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah agar memperuntukkan sebanyak 30% pinjaman kepada usahawan wanita. Kementerian saya sememangnya memberi keistimewaan kepada golongan wanita dengan 30% sekurang-kurangnya penyertaan dalam program dan peruntukan dana yang ditawarkan oleh Kementerian khusus untuk wanita. Untuk makluman Yang Berhormat, Bank SME telah pun wujud program khas yang dikenali sebagai Skim Usahawan Wanita yang menawarkan khidmat nasihat kepada usahawan wanita bagi mendapat pinjaman atau pembiayaan.

Mengenai teguran tentang kerenah birokrasi dan pekerja Bank SME yang gagal memainkan peranan mereka seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid dan Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Bank SME

telah mewujudkan pusat pembangunan perniagaan dan khidmat nasihat di seluruh negara bagi memberi nasihat serta bimbingan kepada pelanggan untuk mempercepatkan proses permohonan. Di samping itu sistem pengurusan telah disusun semula dengan memberi kuasa meluluskan pinjaman di peringkat cawangan bagi nilai pinjaman yang kurang dari RM250,000 bagi mempercepat dan mempermudah permohonan tersebut.

Selain daripada itu, Bank SME telah menyemak semula sistem penyampaian supaya keputusan dapat dibuat dengan cepat seperti berikut. Tujuh hari bekerja bagi pinjaman yang kurang daripada RM250 ribu, Insya-Allah. 14 hari bekerja bagi pinjaman yang kurang daripada RM1 juta, 45 hari bagi pembiayaan dan saiznya yang melebihi RM20 juta. Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga pertengahan Februari 2006, Bank SME telah meluluskan sebanyak 117 permohonan bernilai RM219.4 juta dan daripada sebanyak 813 permohonan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah telah juga menyarankan agar dirancarkan kembali usaha menghasilkan produk Satu Daerah Satu Industri. Dalam soal ini, sukalah saya maklumkan bahawa Kementerian adalah bertanggungjawab ke atas perkara berikut:

- (i) membangun produk SDSI atau Satu Daerah Satu Industri;
- (ii) melakukan usaha-usaha promosi dan pemasaran; dan
- (iii) memberi latihan keusahawanan kepada usahawan-usahawan SDSI.

Kita telah pun berjaya menjayakan *showcase* SDSI di peringkat kebangsaan pada 4 hingga 8 April yang lalu di Melaka yang melibatkan penyertaan sebanyak 206 usahawan SDSI dari 115 daerah di seluruh negara. *Showcase* berkenaan telah dapat meningkatkan kesedaran akan kepentingan jaringan perniagaan dan kualiti produk SDSI. Alhamdulillah hampir dua juta tempahan kontrak jualan tunai telah berjaya dihasilkan sepanjang *showcase* tersebut. Program SDSI ini akan diperluaskan di setiap negeri supaya lebih menyeluruh dan meliputi lebih banyak produk.

Dalam hal ini produk-produk keluaran Orang Asli sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Osman bin Bungsu akan dimasukkan juga dalam program promosi SDSI. Kementerian melalui agensinya, Ketua Jabatan Pembangunan Koperasi telah pun mengetengahkan produk-produk koperasi Orang Asli yang terpilih ke *showcase* SDSI peringkat Kebangsaan yang lalu dan mendapat sambutan yang amat baik. Sebagaimana saranan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah juga, Kementerian telah pun mewujudkan Program Pembangunan Vendor sebagai satu pendekatan untuk GLC bekerjasama dengan IKS bumiputera.

Suka saya maklumkan Dewan yang Mulia ini bahawa Kementerian telah pun mengadakan kerjasama strategik dengan sembilan GLC seperti berikut:

GLC	Nilai kerja diperoleh (RM)
Petronas	3.145 bilion
Proton	2.784 bilion
TNB	1.902 bilion
Modenas	115.58 juta
NADI @ Air Road	72.660 juta
Malaysia Airport Holding	Sedang diuruskan kementerian

Kereta api Tanah Melayu, UEM World, dan Composite Technology Resources Malaysia, kesemua ini empat GLC ini masih dalam rundingan bersama dengan kementerian dengan mereka. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya untuk membawa masuk 15 GLC lagi sebagai *anchor* di bawah Program Pembangunan Vendor.

Mengenai pertanyaan Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, suka saya memaklumkan bahawa program pembiayaan latihan khidmat bimbingan dan peluang-peluang perniagaan yang disediakan oleh kementerian adalah juga untuk usahawan dan bakal usahawan termasuk bekas-bekas tentera yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Kita juga ada menyediakan kursus empat bulan untuk bersara tetapi ini memerlukan mereka mohon bersara awal bagi tujuan tersebut. Di antara program yang telah dilaksanakan termasuklah program latihan galakan perniagaan, latihan perwujudan usahawan dan pemberian lesen untuk menjadi usahawan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengalu-alukan saranan Yang Berhormat Senator Ir. Hiang A Li, Senator Ismail Kassim, Senator Siti Zailah Mohd Yusoff mengenai penubuhan *One-Stop Centre*. Bagi memantapkan pembangunan usahawan suka saya maklumkan bahawa kementerian telah pun mewujudkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah yang terdapat di 25 daerah buat masa ini, berperanan sebagai *One-Stop Centre* untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang yang wujud di bawah MPUD kepada peringkat akar umbi serta mengenal pasti bidang-bidang baru yang boleh dibangunkan di daerah berkenaan.

Ianya merupakan satu mekanisme untuk membangunkan usahawan-usahawan dan memantau program-program keusahawanan yang dibangunkan di peringkat daerah. MPUD ini telah pun dilancar oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 22 Mei 2005 yang lalu. Urus setia MPUD telah kita pertanggungjawabkan kepada setiap pejabat MARA di daerah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Soon Tian Szu, Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyentuh mengenai mutu pengangkutan awam. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas dan teksi di seluruh negara.

Kementerian bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menyediakan pelan induk pengangkutan awam supaya lebih bersepadu, terancang dan teratur. Setakat ini kerajaan telah menyusun semula pengangkutan awam di Lembah Klang dan Pulau Pinang ke arah sistem yang lebih bersepadu dan berkualiti. Sehingga ini Rapid KL telah menyusun semula rangkaian laluan, kadar tambang dan pembelian bas-bas baru sebanyak 550 buah dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan di Kuala Lumpur. Kerajaan Pulau Pinang juga telah menyusun semula sistem pengangkutan awam baru-baru ini supaya ianya lebih cekap dan berkualiti.

**Puan Siti Zailah binti Yusoff:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertarik dengan sistem perkhidmatan awam Rapid KL yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan sebanyak 55 buah yang mengenakan tambang murah untuk seharian perjalanan. Apakah ini tidak memberi kesan kepada pengangkutan awam yang lain contohnya teksi dan sebagainya, bukankah ini menjadi daya saing yang tinggi terhadap pengangkutan awam yang lain. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Ia tidak akan memberi daya saing kerana Rapid KL dengan tambang murah sememangnya kita atur dan susun supaya ia boleh beri peluang ataupun kemudahan kepada pengguna. Sebab itu pengusaha sebagai teksi bukanlah pengusaha yang benar-benar usahawan yang boleh kita bangunkan. Itu hanyalah merupakan usahawan untuk sementara. Terima kasih.

Mengenai perkara yang dibangkit oleh Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mengenai perkhidmatan teksi di KLIA, kerajaan telah memberi konsesi kepada *Airport Limo* di mana sebanyak 1559 lesen telah dikeluarkan sejak tahun 1998. Sehingga kini *Airport*

*Limo* telah pun melesenkan sebanyak 1080 lesen tersebut bersasaran kepada keperluan dan permintaan di KLIA.

Di peringkat permulaan *Airport Limo* telah meminta syarikat-syarikat teksi melengkapkan perkhidmatan yang mana KLAS pada masa itu telah setuju mengadakan hubungan kerjasama dengan *Airport Limo*. Dengan pembukaan LCCT, bilangan penumpang di Terminal Utama KLIA telah berkurangan dan *Airport Limo* kini mampu beroperasi dengan baik. Maka kerajaan memutuskan supaya KLAS berpindah ke LCCT.

KLAS dijangka mampu beroperasi dengan baik di LCCT di mana mereka tidak perlu membayar apa-apa *charge* perkhidmatan lagi seperti mana sebelum ini. Selain itu, bilangan penumpang di LCCT juga adalah besar kira-kira 5,500 orang sehari dan dianggarkan bilangan penumpang akan meningkat pada kadar purata sebanyak 22% peratus setahun sehingga tahun 2010. Berkemungkinan kementerian akan membenarkan syarikat lain beroperasi di KLIA apabila *Airport Limo* telah berjaya melesenkan kesemua lesennya dan bila terdapat keperluan baru ke atas perkhidmatan teksi baru lesen KLIA.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat laluan. Yang Berhormat pertama saya ingin tahu di LCCT berapa jumlah permit baru yang dikeluarkan untuk teksi biasa beroperasi. Itu yang pertama.

Yang kedua, KLAS Service Sdn. Bhd. Mereka telah mendapat 102 permit baru untuk teksi mewah, dan mereka telah membayar deposit sebanyak satu juta untuk teksi mewah. Apabila mereka diarahkan keluar dari KLIA pergi ke LCCT, sedangkan mereka sudah menempah teksi mewah. Jadi apakah maksudnya apabila mereka berpindah ke LCCT di dalam keadaan penumpang di LCCT ini adalah penumpang penerbangan murah, apakah mereka hendak naik teksi mewah, itu yang menjadi masalah.

Sebab itu, enam syarikat ini, termasuklah *Auto Macro* dan sebagainya kena keluar dalam keadaan mereka bersaing pula dengan teksi yang akan dapat permit baru di LCCT maka ini menimbulkan lebih banyak masalah. Sebab itu tidak timbul persaingan dengan *Airport Limo* yang memonopoli di KLIA. Sebab masalahnya ialah *Airport Coach Bus* dan juga ERL pun menghadapi masalah yang sama. Jadi saya rasa tidak wajar mereka dikeluarkan untuk dipindahkan ke LCCT. Minta penjelasan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat, izinkan saya habiskan teks ini, dan saya akan cuba menjawab di akhir ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua kementerian sentiasa peka ke atas saranan Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam agar masyarakat India turut diberi bantuan dan kemudahan yang ditawarkan oleh kementerian ini. Berhubung dengan pinjaman perniagaan suka saya maklumkan bahawa bank SME mempunyai skim-skim pinjaman untuk membantu IKS termasuklah pemohon-pemohon dari masyarakat India. Dalam bidang latihan kemahiran pula, kementerian akan meneruskan dasar pengambilan pelajar keturunan India di pusat Giat MARA. Setakat April 2006, terdapat seramai 108 orang pelatih keturunan India di Giat MARA di seluruh negara.

Seterusnya pada masa ini, program-program latihan keusahawanan yang dilaksanakan oleh INSKEN adalah terbuka juga kepada masyarakat India bagi tujuan menyelaraskan pelaksanaan program latihan keusahawanan kepada masyarakat India. INSKEN telah mengadakan persetujuan kerjasama dengan Yayasan Strategi Sosial, sebuah badan bukan kerajaan yang mewakili masyarakat India. Pada 22 Mei 2006 yang lalu, melalui kerjasama tersebut, INSKEN akan memperuntukkan kuota sebanyak 3% bagi penyertaan masyarakat India termasuk belia India bagi program latihan keusahawanan yang dijalankan oleh INSKEN.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggunaan akronim bahasa Inggeris iaitu MECD sebagai pengenalan Kementerian seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, suka saya menegaskan bahawa kementerian tidak bermaksud mengetepikan bahasa Melayu. Umum mengetahui bahawa penggunaan bahasa Inggeris di kebanyakan negara luar. Oleh sebab program kementerian banyak melibatkan hubungan di peringkat antarabangsa penggunaan akronim "MECD" ini akan memudahkan pihak luar negara mengingati dan mengenali fungsi kementerian melalui akronim tersebut. Kalau tidak MECD kalau kita namakan Melayu ialah ia berbunyi KPUK, dulu KPUN,

Kementerian Pembangunan Usahawan, jadi bila ditambah koperasi dia jadi KPUK, jadi dia tidak *sound* komersial. Oleh sebab kementerian ini ke arah keusahawanan, jadi kita hendak bunyi ke komersial sebab itu kita guna MECD.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian pun akur dengan tekanan *branding* juga ya?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Ya, *branding* itu mustahak untuk kita bawa keluar negara. Penggunaan akronim MECD akan memudahkan pihak luar negara mengingati dan mengenali fungsi kementerian melalui akronim tersebut. Sehubungan itu, soal akronim tersebut tidak harus kita mempertikaikan, kerana yang penting ialah mengenai matlamat dan keberkesanan program-program pelaksanaan dan memberi manfaat kepada usahawan-usahawan bumiputera.

Bagi menjawab urusan teks tadi, bilangan teks di LCCT ialah sebanyak 600 buah yang dikeluarkan di LCCT sekarang ini. Tender untuk memperbaharui lesen-lesen itu akan dibuat selepas ini. Jadi, saya tidak berapa jelas dengan jawapan ini Yang Berhormat saya akan sediakan jawapan secara bertulis.

Sekian sahaja jawapan dari saya berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Semua pandangan dan cadangan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian. Bagi mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab pada hari ini, kementerian akan tetap memberi perhatian. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kini giliran Kementerian Pengajian Tinggi pula, yang diwakili oleh Timbalan Menterinya. Dan mengikut undang-undang induk negara, Perlembagaan Persekutuan, bunyinya;

*"Timbalan-Timbalan Menteri hendaklah membantu Menteri-Menteri pada menunaikan tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka, dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri-Menteri".*

Kemudian Fasal (5) dan (6) dalam Perkara 43,

*"...hendaklah terpakai bagi Timbalan Menteri sebagai mana peruntukan itu terpakai bagi Menteri-Menteri..."*

Kemudian bunyi pula,

*"Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Timbalan-Timbalan Menteri".*

Maka saya mempersilakan Yang Berhormat.

**4.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bersama-sama membahaskan dan memberikan pandangan dan cadangan untuk memartabatkan pengajian tinggi di bawah Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Susulan daripada ini, saya akan cuba memberi penjelasan dan maklum balas sebaik mungkin ke atas beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan hala tuju Pengajian Tinggi Negara. Mengenai laporan hala tuju Pengajian Tinggi Negara yang perlu dilaksanakan sebaik mungkin untuk mencapai matlamatnya, iaitu kecemerlangan pendidikan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi maka saya ingin maklumlah bahawa laporan ini telah diedarkan kepada pelbagai pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara.

Laporan ini juga telah dimuatkan dalam laman *web* kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian juga mengharapkan supaya semua Ahli Yang Berhormat dapat memberikan pandangan, ulasan atau pun cadangan terhadap laporan ini dalam tempoh tiga hingga empat bulan ini melalui laman *web* atau secara bertulis, supaya kementerian dapat membuat penambahbaikannya menjelang bulan September ini. Laporan ini akan menjadi

sebahagian daripada maklum balas untuk penggubalan Dasar Pengajian Tinggi Negara dan Akta Pengajian Tinggi Negara.

Pada masa ini, kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh ahli-ahli akademik, industri, pemimpin masyarakat dan pihak berkepentingan untuk mempertingkatkan dan menambah baik perakuan-perakuan yang dikemukakan.

Kementerian juga bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji *linkages*, dengan izin, di antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya dalam hubungan di antara sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi bagi pelaksanaan laporan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pengangguran siswazah, Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid telah mencadangkan supaya IPT dan kolej komuniti bekerjasama dengan industri untuk mengatasi masalah pengangguran siswazah, manakala Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu pula mempersoalkan apakah IPT tidak mampu melahirkan pelajar yang berkualiti atau bidang yang ditawarkan itu *outdated*, dengan izin, atau graduan terlalu memilih kerja.

Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin pula mencadangkan supaya sistem pendidikan berasaskan akademik sahaja perlu dikaji semula dan dimasukkan unsur inovasi dan kreatif dalam kurikulum pendidikan. Selain daripada itu, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad membangkitkan persoalan mengenai bagaimana kementerian menyelaras graduan kita supaya memenuhi keperluan pasaran semasa.

Saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa antara sebab berlakunya permasalahan pengangguran di kalangan siswazah kita termasuk beberapa unsur seperti yang saya senaraikan selanjutnya:

- (i) pertambahan bilangan siswazah dari setahun ke setahun berbanding dengan keupayaan penawaran pekerjaan di pasaran;
- (ii) siswazah kurang mengikuti latihan industri bagi persediaan memasuki pasaran pekerjaan; dan
- (iii) tahap kebolegunaan tenaga siswazah masih belum mantap dalam bidang-bidang tertentu terutamanya dalam *soft skills* seperti penguasaan Bahasa Inggeris, kemahiran berkomunikasi, inovasi, kreativiti, personaliti unggul dan keusahawanan.

Susulan daripada masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, pada 24 September hingga 7 Oktober tahun lalu, Majlis Tindakan Ekonomi Negara ataupun MTEN telah menjalankan pendaftaran siswazah menganggur secara besar-besaran bagi melihat profil siswazah menganggur dan profil mendapat pekerjaan serta gaji yang tidak setimpal dengan kelayakan sebenar. Berdasarkan pendaftaran ini, adalah didapati bahawa antara faktor-faktor yang menjejaskan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dari persepsi siswazah adalah seperti berikut:

- (i) tiada pengalaman kerja – ini yang paling utama sekali;
- (ii) lemah menguasai Bahasa Inggeris;
- (iii) ketidaksesuaian bidang pengajian;
- (iv) kerja tidak memenuhi *expectations*;
- (v) masalah penghijrahan dari tempat asal;
- (vi) kurang cekap untuk berkomunikasi;
- (vii) kurang berketerampilan; dan
- (viii) tidak aktif dalam kokurikulum.

Bagi mengatasi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, terdapat pelbagai langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kementerian ini dari masa ke semasa. Antara lain termasuk usaha memastikan semua program yang ditawarkan di IPT adalah bersesuaian dan relevan dengan keperluan setempat dan potensi kerjaya mengikut keadaan semasa dan akan datang. Sesuatu program itu akan disemak secara berterusan bagi memastikan kurikulum yang digubal adalah selari dan relevan dengan keperluan industri semasa.

Di samping itu kementerian turut mengadakan kursus *double degree*, dengan izin, membina keupayaan *soft skills* dan *hard skills*, dengan izin, melalui aktiviti kokurikulum, seminar dan persatuan bagi meningkatkan daya kepimpinan kemahiran berkomunikasi, interpersonal, keterampilan diri, pengucapan awam ataupun *public speaking*, dengan izin, dan sebagainya yang berkaitan dengan ketahanan mental dan fizikal di samping mengadakan kursus-kursus yang cenderung kepada keusahawanan, kursus persiapan menghadapi alam kerjaya, latihan industri di bawah program *internship* yang dijangka mengambil masa tiga hingga enam bulan supaya mereka ini akan menjadi lebih *marketable*, dengan izin dan dapat memenuhi kehendak pasaran kerjaya semasa.

Di samping itu usaha meningkatkan kerjasama dengan IPT luar negara juga merupakan salah satu usaha yang dikenal pasti, mewujudkan kerjasama di antara IPT, politeknik dan kolej komuniti dengan pihak industri juga diambil berat dengan menerusi beberapa saluran. Antara lain termasuk penubuhan Panel Penggubalan Kurikulum di mana panel yang berkenaan dianggotai oleh sektor swasta bagi memastikan kurikulum yang digubal itu dapat memenuhi keperluan di pasaran pekerjaan.

Kurikulum digubal untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berketerampilan dan berkemahiran. Ianya diatur dengan mengambil kira komponen-komponen atau unsur-unsur seperti pengetahuan dalam bidang yang diikuti, latihan industri dan juga aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan keyakinan diri, daya kreatif dan inovatif mengikut pengajian bidang masing-masing. Kurikulum ini sentiasa disemak semula bagi memastikan ianya sesuai dengan perkembangan ilmu dan juga keperluan industri serta keadaan atau cabaran sosial yang dihadapi oleh golongan pelajar. Nilai-nilai etika keusahawanan dan kreativiti sentiasa diambil kira sewaktu kurikulum diolah semula.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, usaha menubuhkan bahagian hubungan industri dan pengkomersialan di peringkat kementerian untuk memantapkan kerjasama dengan pakar industri atau *captain of industries*, dengan izin, terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialannya. Selain daripada itu, terdapat juga usaha menubuhkan Unit Alumni, Kerjaya dan Kaunseling di setiap IPT yang menjadi pusat sehati, *one-stop agency*, dengan izin dan penghubung di antara keperluan siswazah dengan keperluan industri.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad agar sistem pembelajaran kita mengambil kira kemahiran sektor swasta dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan di samping mengubahsuai kurikulum dengan mengambil kira elemen *invisible*, dengan izin. Maka ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian sentiasa menekankan *invisible curriculum*, dengan izin, dalam sistem pendidikan di IPT.

Kementerian sedar bahawa pelajar kita seharusnya diberikan motivasi untuk berdikari, bertanggungjawab dalam pembelajaran, mempunyai nilai-nilai yang baik dan tidak hanya bergantung kepada pensyarah semata-mata. Kementerian sentiasa cuba mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong kurikulum tidak ketara seperti aktiviti dalam kelas secara berkumpulan, tugas individu, kaedah pembelajaran, *problem based learning*, dengan izin, maklum balas dan penilaian oleh pensyarah yang membantu untuk membentuk graduan lebih berdikari, bertanggungjawab serta bermotivasi di dalam pengajian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memantapkannya lagi, kementerian melaksanakan usaha-usaha berikut:

- (i) menggubal dan menyemak serta menambah baik kurikulum dengan melibatkan sektor swasta; dan

- (ii) menerapkan elemen-elemen keusahawanan dan *soft skills*, dengan izin.

Di samping itu, kementerian telah menjadikan Kursus Perhubungan Etnik di IPTA dan Kursus Kenegaraan di IPTS sebagai subjek wajib untuk membolehkan pelajar-pelajar kita memahami dengan lebih mendalam tentang perhubungan sesama manusia supaya timbul kesedaran betapa pentingnya saling hormati-menghormati antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada soal kemasukan pelajar ke IPTA. Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu telah mencadangkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi memberi kelonggaran bagi kemasukan khas kepada anak Orang Asli ke IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti kerana bilangan mereka pada masa kini amatlah kecil. Mengenai perkara ini, suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan masih meneruskan pelaksanaan dasar pengambilan pelajar ke IPTA yang berdasarkan kepada sistem meritokrasi sejak sesi akademik tahun 2002 dan 2003.

Ini bermaksud, peluang adalah terbuka kepada semua dan mereka yang benar-benar layak sahaja yang akan dapat tempat untuk meneruskan pengajiannya ke IPTA. Mulai sesi akademik tahun 2006 dan tahun 2007, sistem meritokrasi akan mengambil kira pencapaian akademik sebanyak 90 peratus dan pencapaian kokurikulum sebanyak 10 peratus. Kementerian tidak menyediakan kuota khas kepada pemohon, sama ada mengikut kaum, negeri ataupun kriteria yang lain. Walau bagaimanapun, kerajaan faham, peka dan amat prihatin terhadap masalah Orang Asli.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan khas diberikan kepada pemohon dari kalangan Orang Asli yang memenuhi kelayakan minimum kemasukan ke IPTA. Bagi memastikan Orang Asli berdaya saing untuk memasuki IPTA, kerajaan sememangnya mempunyai pelbagai program untuk memajukan mereka dan antara lain termasuk usaha menempatkan mereka di sekolah berasrama penuh supaya dapat menumpukan perhatian kepada pembelajaran, memperluaskan pergaulan dan aktiviti serta dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan sepenuhnya.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah pun ada program khas seperti program kesedaran dan menyediakan kemudahan pembelajaran untuk membantu mempertingkatkan tahap pendidikan di kalangan mereka. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga sering melaksanakan program *outreach*, dengan izin kepada kaunselor dan penuntut sekolah menengah termasuk penuntut Orang Asli mengenai dasar dan cara memohon untuk memasuki IPTA. Dengan persediaan awal sebegini yang dilengkapkan kepada pelajar-pelajar Orang Asli, maka kementerian yakin Orang Asli akan dapat bersaing dengan penuntut ataupun pelajar yang lain untuk memasuki IPTA di bawah sistem meritokrasi ini.

Selain daripada itu, mereka juga diberi peluang ataupun pilihan lain untuk meneruskan pengajian di institusi latihan awam yang lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Pertanian, Institut Latihan Industri dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk M. Ratnam telah mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula penggunaan dua sistem berlainan dalam pengambilan pelajar ke IPTA, iaitu STPM dan Matrikulasi kerana ianya menimbulkan masalah kemasukan pelajar kaum India ke IPTA. Beliau juga menyatakan bahawa kemasukan pelajar kaum India ke IPTA selepas sistem meritokrasi diperkenalkan sebenarnya telah menjejaskan bilangan pelajar untuk mengikuti kursus kritikal seperti kejuruteraan, perubatan, pergigian, perakaunan dan farmasi. Mereka kurang minat dalam kursus yang ditawarkan seperti Sains Alam Sekitar dan Marin Biologi kerana kursus ini tidak popular kononnya dan prospek kerjanya adalah rendah. Ini adalah mengikut pandangan Yang Berhormat yang berkenaan.

Ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kerajaan melaksanakan pelbagai sistem peperiksaan untuk kemasukan ke IPTA adalah untuk memberi peluang kepada pelajar kita untuk membuat pilihan berdasarkan kepada kebolehan, keupayaan dan cita rasa mereka bagi meneruskan pengajian mereka. Sistem pelbagai ini juga telah diamalkan di negara-negara maju. Dalam erti kata lain, sistem sedemikian rupa sebenarnya bukanlah unik di negara kita.

Justeru itu, pengambilan pelajar ke IPTA adalah melalui program pengajian lepasan SPM atau setaraf dan lepasan STPM atau setaraf. Bagi program pengajian lepasan STPM atau setaraf, pihak kementerian mempunyai pelbagai mod kelayakan yang setaraf. Antaranya matrikulasi, diploma, *A-Level* dan STPM. Sistem meritokrasi yang dilaksanakan adalah untuk memastikan mereka yang layak sahaja mendapat tempat bagi meneruskan pengajian di IPTA terutamanya dalam jurusan khusus kritikal yang memerlukan mereka yang mempunyai tahap keputusan yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang tidak dapat bersaing untuk kursus kritikal ini sudah pasti pelajar ini akan ditawarkan kursus yang lain berdasarkan lapan pilihan kursus oleh pelajar yang berkenaan dan yang sesuai dengan kelulusan mereka seperti kursus sains alam sekitar dan *marine biology*. Saya percaya juga mempunyai prospek kerja yang tinggi kerana kerajaan ingin memastikan alam sekitar kita dapat dibangunkan secara mampan dan membangunkan pertanian berteknologi moden di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Yang Berhormat Ir. Hiang A Li telah membangkitkan masalah *brain drain*, dengan izin di mana ramai pelajar cemerlang tidak mendapat tempat di IPTA. Mereka melanjutkan pelajaran di luar negara dan terus berkhidmat di negara berkenaan. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mencadangkan agar mereka ini diberi lebih peluang lagi. Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ramai pelajar cemerlang lepasan SPM diberi peluang untuk mengikuti program persediaan seperti program matrikulasi di kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran atau program asasi di IPTA dan ada yang diberikan peluang untuk melanjutkan pelajarannya ke sekolah-sekolah anjuran KPM bagi tempoh satu hingga dua tahun.

Ini juga termasuk program persediaan yang disediakan oleh agensi penaja seperti JPA, MARA, Petronas dan sebagainya. Hanya pelajar yang lulus dengan baik dari program persediaan dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan akan ditawarkan tempat sama ada di IPTA ataupun IPT di luar negara untuk mengikuti program pengajian ijazah pertama dan tertakluk kepada bilangan yang disediakan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Dipersilakan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Lulusan SPM sebahagian besar daripada lepasan SPM boleh menyambung pelajaran dalam kursus matrikulasi ataupun kursus asas. Daripada melanjutkan dalam Tingkatan 6 sedangkan melanjutkan pelajaran dalam Tingkatan 6 dan mengambil STPM pun memberi peluang memasuki universiti. Populariti memasuki Tingkatan 6 ini semakin berkurangan adakah kerana *syllabus* nya tidak menarik ataupun tidak menampakkan peluang cerah pada masa hadapan. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya anggapan itu tidak semestinya tepat memandangkan bahawa setiap tahun terdapat pelajar-pelajar lulusan STPM yang cemerlang dalam peperiksaan STPM. Dan satu realiti yang mungkin kita kena hadapi sekarang adalah persaingan yang semakin sengit di kalangan pelajar-pelajar yang dimaksudkan, memandangkan bahawa semakin ramai pelajar yang berkebolehan melanjutkan pengajian ke Tingkatan 6 kalau berbanding dengan masa yang lampau.

Selain daripada itu ingin juga saya menyentuh serba sedikit tentang peluang pengajian yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar kita khususnya mereka yang berkelulusan SPM. Selain daripada tawaran tempat tiada di IPTA ataupun IPTS dan juga jurusan-jurusan yang saya maksudkan tadi, jangan lupa terdapat juga peluang pengajian di politeknik misalnya dan juga kolej-kolej komuniti serta IKBN iaitu Institut Kemahiran Belia Negara, di bawah jagaan Kementerian Belia dan Sukan. Ini pun merupakan salah satu *channel*, dengan izin ataupun satu pilihan bagi pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat memerlukan berapa banyak masa lagi?

**Datuk Ong Tee Keat:** Ada sedikit lagi, tetapi saya rasa terpanggil untuk menjawab dengan secara terperinci Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan sentiasa mempertingkatkan peluang untuk belajar di IPT, politeknik dan kolej komuniti dengan melaksanakan beberapa langkah yang saya kira amat relevan dan diharap membawa hasil yang diharap-harapkan. Antara lain termasuk usaha menambah kapasiti ataupun tempat di IPTA terutamanya bagi kursus kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi dan kejuruteraan, dengan menambah peruntukan pembangunan di samping menggalakkan IPTS mengendalikan kursus yang berkenaan.

Di samping itu usaha mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan sokongan serta menambah bilangan pensyarah di IPTA yang sedia ada di samping mempercepatkan pengambilan pelajar bagi IPTA yang baru. Untuk menampung keperluan pelajar-pelajar kita khususnya dari golongan yang miskin, kementerian juga menyediakan peruntukan pinjaman PTPTN yang mencukupi bagi menaja pelajar yang layak menyambung pengajian di IPTA ataupun di IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya selain daripada .....

**Tuan M. Munusamy:** Minta laluan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Silakan.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat tadi telah menyebutkan berkenaan dengan pinjaman daripada PTPTN, baru-baru ini saya dengar begitu payah untuk mendapat pinjaman dari PTPTN. Kadangkala mengambil masa sehingga enam bulan untuk mendapatkan kelulusan. Apa cadangan kementerian untuk memperbaiki keadaan ini?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalaulah terdapat kerendah yang telah disebutkan tadi, saya minta Yang Berhormat dapat membawa kes-kes yang berkenaan kepada saya, tetapi buat ketika ini memang pinjaman PTPTN ini tidak pernah dibekukan. Ianya diteruskan seperti sedia kala. Mungkin apa yang kita perlu mengatasi sekarang rintangan yang paling mencabar sekali tidak lain daripada kutipan balik bayaran pinjaman yang berkenaan khususnya dari mereka yang liat membayar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan juga membuka peluang baru untuk mereka melanjutkan pengajian di luar negara melalui persefahaman yang telah dimeterai di antara kerajaan kita dengan negara luar seperti Mesir dan Jamaica. Mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin supaya diwujudkan IPT yang khusus dalam bidang seni. Suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa pada masa ini kursus-kursus kesenian seperti di bidang teater dan muzik memang telah dilaksanakan di IPTA seperti di UiTM, UM, UPSI, UMS, UNIMAS dan USM dan kursus-kursus ini dijangka akan dipertingkatkan dan dimantapkan dari semasa ke semasa. Cadangan Yang Berhormat tetap akan diambil perhatian yang serius oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada IPTS, soal IPTS bumiputera. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah mencadangkan supaya diwujudkan skim penggabungan IPTS bumiputera yang bermasalah bagi menjamin kesinambungan kewujudan IPTS bumiputera di Malaysia. Manakala Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim menyarankan supaya suntikan dana diberikan kepada IPTS bumiputera yang mengalami masalah kewangan di samping menggalakkan GLC dan badan korporat menaja pelajar IPTS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menggalakkan penggabungan dua atau lebih syarikat IPTS bumiputera terutama IPTS kecil yang menghadapi masalah yang menunjukkan ciri-ciri yang boleh di baik pulih untuk mempertingkatkan keupayaan pembangunan dan kemajuan seperti modal, tenaga pengajar, infrastruktur dan sumber pembelajaran, pengurusan dan organisasi supaya dapat terus beroperasi.

Di samping itu kementerian juga menggalakkan kerjasama di kalangan mereka melalui pembentukan satu konsortium supaya dapat berkongsi kemahiran tenaga pengajar, memperkukuhkan lagi tadbir urus dan sumber seperti perpustakaan dan makmal komputer. Bagi menggalakkan penggabungan dan kerjasama dalam bentuk konsortium ini kerajaan bercadang menyediakan insentif dalam bentuk cukai dan pengecualian peraturan seperti pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah.

Kementerian mengambil perhatian terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan skim penggabungan bagi memantapkan lagi usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian termasuk usaha-usaha seperti berikut:

- (i) melaksanakan program gabungan kolej bersekutu di mana kolej bersekutu UiTM telah pun ditubuhkan pada 4 Ogos tahun lalu dengan melibatkan 20 buah IPTS dari seluruh negara yang menjalankan program secara usaha sama dengan UiTM seperti Diploma Perakaunan, Diploma Seni Lukis dan Seni Reka, Diploma Kejuruteraan Awam. IPTS tersebut adalah seperti Kolej Poly-Tech Mara, Cheras, Kuala Lumpur; Kolej SAL, Johor Bahru, Institut Teknologi Perak, Ipoh; Kolej IKIP, Kuantan dan Kolej Antarabangsa, Labuan; dan
- (ii) usaha menawarkan program pengajian kerjasama di antara IPTS dengan IPTA di mana sehingga 31 Disember 2005 juga merupakan salah satu usaha yang saya maksudkan. Setakat ini terdapat sebanyak 42 buah IPTS yang menawarkan program kerjasama dengan lapan buah IPTA tempatan dalam tiga bidang pengajian yang utama iaitu pengurusan perniagaan, teknologi maklumat dan kejuruteraan. IPTS tersebut termasuk Kolej SAL, Subang Jaya yang mengendalikan Diploma Teknologi Maklumat - UKM, Kolej IKIP Kuantan yang mengendalikan Diploma Perakaunan secara usaha sama dengan UiTM, Institut Profesional Baitulmal yang mengendalikan Diploma Sains Komputer secara kerjasama dengan UiTM dengan Kolej INPENS Shah Alam, Selangor yang mengendalikan kursus pra perakaunan secara usaha sama dengan UiTM.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada kolej komuniti. Yang Berhormat Datuk M. Ratnam telah mencadangkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi merangka strategi untuk menjadikan kolej komuniti sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kawasan luar bandar di samping menjadikannya suatu pusat pembelajaran sepanjang hayat kerana ianya mempunyai segala kemudahan dalam meningkatkan ilmu kemahiran.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kolej komuniti telah pun menjadi pusat kecemerlangan pendidikan setempat melalui peranannya sebagai hab ataupun pusat pembelajaran sepanjang hayat. Pelbagai program pengajian yang relevan dengan keperluan komuniti setempat telah pun ditawarkan. Sehingga 31 Mac tahun ini, sebanyak 20 jenis kursus sepenuh masa telah pun ditawarkan kepada 9,821 orang pelajar dan seterusnya telah melahirkan lulusan seramai 6,065 orang graduan.

Manakala bagi kursus pendek pula sehingga 31 Disember tahun lalu seramai 46,512 orang peserta telah pun mengikuti 1,324 kursus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perlu berapa banyak masa lagi?

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya cuba pendekkan. Terima kasih. Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab saya perlu menjemput Timbalan Perdana Menteri...

**Datuk Ong Tee Keat:** 5 minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk memantapkan lagi kedudukan Kolej Komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat. Setakat ini pihak kementerian telah pun berusaha untuk

menambah bilangan tenaga pengajar yang mahir dalam bidang-bidang yang tertentu di samping mempertingkatkan bilangan peserta untuk mengikuti kursus dalam bidang kemahiran tertentu, dengan melaksanakan promosi dengan lebih agresif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, buat tahun ini bagi sesi yang pertama sebanyak 4,650 tempat telah pun ditawarkan dan dijangka menjelang bulan Julai tahun ini bagi sesi yang kedua bilangan tempat yang sama juga akan ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pada soal modal insan kelas pertama mengenai strategi untuk mewujudkan modal insan kelas pertama dalam bidang sains dan teknologi, serta R&D bagi meningkatkan kualiti inovasi yang lebih kreatif sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaacob bin Haji Mohammad. Suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian sedang melaksanakan beberapa program, antara lain termasuk memberi penekanan kepada aktiviti pengkomersialan supaya penyelidikan di IPT relevan kepada keperluan pasaran semasa, dengan mewujudkan universiti penyelidikan bagi mempergiatkan lagi aktiviti R&D&C. 'C' itu untuk "commercial", dan menghasilkan tenaga mahir, penyelidik.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menggalakkan kerjasama R&D&C antara IPT tempatan dengan pihak industri juga di agenda pihak kementerian. Mewujudkan lebih banyak lagi pusat kecemerlangan dalam bidang yang mempunyai kekuatan ataupun bidang *niche*, dengan izin, di mana akan menjadikan IPT yang berkenaan sebagai pusat rujukan penyelidik tempatan dan luar negara. Usaha mewujudkan pengelompokan universiti dan taman pendidikan dalam konteks perkongsian sumber dan tenaga mahir di kalangan IPT juga dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian secara aktif dalam usaha memberikan pandangan dan saranan yang amat berguna untuk kementerian ini, agar mengambil tindakan yang sewajarnya demi memartabatkan pengajian tinggi negara. Sekiranya terdapat isu dan cadangan yang tidak sempat saya menjawab dengan secara terperinci, saya mohon maaf dan saya memberi jaminan bahawa kesemuanya akan saya maklumkan kepada Yang Berhormat yang berkenaan secara bertulis.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya ambil maklum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mohon menggulung pada pukul 5.30 petang. Adakah ini benar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:**  
[Mengangguk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jadi saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan, selepas itu pada pukul 5.30 petang saya akan mendahulukan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan sekiranya Yang Berhormat Menteri Kesihatan selesai menggulung ...

**5.05 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan hanya 15 minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Tuan Yang di-Pertua, pertama kali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh perkara-perkara yang ada hubung kait dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Hajah Azidah binti Abd. Samad telah menyentuh tentang isu Program Pengurangan Kemudaratan atau *Harm Reduction Programme*, dengan izin yang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Mengurangkan Kemudaratan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian ini terbagi kepada Program Terapi Gantian *Methadone* dan juga Program Penggantian Jarum Suntikan. Bagi Program Terapi Gantian, *Methadone*, program ini berada di penghujung fasa pertama pelaksanaannya. Fasa pertama atau fasa *apprentice* bagi program ini telah mula pada bulan Oktober 2005 sehingga bulan Mei 2006, dan ia melibatkan seramai 1,200 orang penagih dadah secara suntikan. Program tersebut meliputi empat zon iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Selatan manakala pelaksanaannya dilakukan di lapan buah hospital kerajaan, dua buah klinik kesihatan kerajaan dan lapan buah klinik swasta.

Bagi fasa pertama ini, peruntukan yang digunakan adalah sejumlah RM2.3 juta, di mana daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.67 juta telah digunakan untuk pembelian *methadone*. Manakala yang bakinya digunakan untuk pelaksanaan ujian air kencing dadah dan ujian darah iaitu HIV, Hepatitis 'B', Hepatitis 'C' dan *lever function test*. Program ini telah didapati sangat berjaya mencapai *retention rate*, dengan izin lebih daripada 90% terhadap para penagih yang menjalani program ini dan sambutannya menggalakkan daripada mereka yang terlibat dan para penagih dadah sendiri mengakui tentang keberkesanannya.

Didapati mereka begitu komited dalam menjalani program dan sentiasa mengikut jadual yang telah ditetapkan dan memberi kerjasama yang sungguh menggalakkan serta tidak mengulangi tabiat lama mereka. Program ini juga telah terbukti berjaya dilaksanakan di negara-negara yang lain seperti Australia dan Hong Kong malahan di negara Islam seperti di Iran. Program ini juga disokong kuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, *the United Nations Office on Drugs and Crime* dan *the United Nations for Aids*.

Disebabkan oleh pelaksanaan program ini yang telah menampakkan kejayaan yang begitu menggalakkan, program ini akan diteruskan dengan fasa kedua yang akan melibatkan kira-kira seramai 5,000 orang penagih dan akan dikembangkan kepada 14 buah hospital kerajaan, 10 buah klinik kesihatan dan beberapa buah klinik swasta yang akan dikenal pasti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini menjelang tahun 2010, Kementerian Kesihatan menyasarkan sekurang-kurangnya 15,000 hingga 20,000 penagih dadah secara suntikan dapat dilibatkan dalam program ini.

Bagi program pertukaran jarum pula program perintis telah bermula di tiga lokasi sejak Februari 2006 dan pada peringkat operasi program ini dilaksanakan oleh badan bukan kerajaan. Lokasi perintis bagi program tersebut ialah Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Dan setakat ini kira-kira seramai 1,167 penagih dadah telah terlibat dalam program ini dan menunjukkan respons yang positif terhadap program. Jika berjaya program ini akan diperluaskan.

Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati telah meminta kerajaan supaya dapat memantau amalan lokum pengamal perubatan yang telah diluluskan oleh pihak kementerian.

Bagi Program Pertukaran Jarum pula, program perintis telah bermula di tiga lokasi sejak Februari 2006 dan pada peringkat operasi, program ini dilaksanakan oleh badan bukan kerajaan. Lokasi perintis bagi program tersebut ialah Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Setakat ini, kira-kira seramai 1,167 penagih dadah telah terlibat dalam program ini dan menunjukkan respons yang positif terhadap program.

Jika berjaya, program ini akan diperluaskan. Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn telah meminta kerajaan supaya dapat memantau amalan lokum pengamal perubatan yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian. Berikutan kelulusan tersebut, dikhuatiri ramai doktor kerajaan akan menjalankan lokum di hospital dan klinik swasta dan secara tidak langsung, akan menyebabkan mutu perkhidmatan di hospital dan klinik kerajaan merosot serta menyebabkan kecuaiian ketika menjalankan rawatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan yang diberikan oleh Kementerian bagi pelaksanaan lokum ini antara lainnya adalah untuk mengekalkan pegawai perubatan supaya terus berkhidmat dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau amalan lokum yang dilakukan oleh pegawai perubatan kerajaan

bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan di hospital dan klinik kerajaan tidak terjejas. Sehubungan dengan itu, di peringkat hospital telah diwujudkan sebuah jawatankuasa yang dipanggil *Hospital Privilege Committee* yang di pengaruhi oleh pengarah hospital yang akan memantau pelaksanaan lokum yang dijamin oleh pengamal perubatan dan perigiian.

Di samping itu, sekiranya terdapat aduan berhubung dengan kecuaiian para pengamal perubatan, mereka yang mempunyai masalah mengenai perkara ini boleh mengemukakan aduan mereka kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Kesihatan Negeri atau pengarah hospital.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung gesaan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin yang meminta kerajaan supaya program *housemen* bagi doktor pelatih dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin di hospital-hospital kerajaan, ingin dijelaskan di sini bahawa program *housemen* yang diadakan di hospital-hospital di Malaysia adalah tidak selaras dengan program *housemen* yang terdapat di seluruh dunia. Ini kerana program tersebut adalah berbeza mengikut keperluan rakyat untuk setiap negara. Sebagai contoh, latihan sakit puan bagi program *housemen* di Malaysia adalah latihan wajib kerana kadar kelahiran yang tinggi di negara ini. Namun begitu, bagi negara-negara Eropah, latihan sakit puan adalah tidak wajib dalam program *housemen* kerana kadar kelahiran yang sangat rendah. Bahagian sumber manusia Kementerian Kesihatan tiada melaksanakan kajian mengenai kepuasan bekerja di kalangan doktor-doktor di sektor awam.

Walaupun kajian ini tidak dilakukan, Kementerian Kesihatan tetap prihatin dan mengambil berat akan kebajikan mereka dengan menyediakan pelbagai insentif kepada doktor-doktor seperti bayaran insentif perkhidmatan kritikal, bayaran insentif pegawai kesihatan awam, bayaran insentif pentadbiran hospital, bayaran pentadbiran insentif pakar, bayaran insentif wilayah dan sebagainya.

Menyentuh isu kekurangan doktor di negara ini sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu, Kementerian Kesihatan sememangnya menyedari bahawa terdapat kekurangan doktor di kebanyakan hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan kesihatan di negara ini tidak terjejas ekoran kekurangan doktor di hospital kerajaan. Bagi mengatasi kekurangan doktor, Kementerian Kesihatan telah mengambil pelbagai langkah.

Antaranya ialah melaksanakan dasar pelantikan kontrak secara automatik bagi doktor pakar dan doktor biasa yang telah mencapai umur persaraan wajib di mana doktor pakar boleh terus berkhidmat sehingga umur 65 tahun. Manakala, doktor biasa adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan. Mewujudkan lebih banyak jawatan-jawatan kenaikan pangkat, menambah baik skim perkhidmatan doktor seperti menaikkan elaun kepakaran klinikal yang dikecualikan daripada cukai, mengadakan pelbagai insentif kepada doktor seperti elaun pakar, elaun kerja di luar waktu bekerja yang telah dinaikkan daripada RM25 kepada RM110 kepada pegawai-pegawai perubatan dan insentif-insentif yang lain. Memberi kemudahan kepada doktor yang layak seperti pinjaman kenderaan, perumahan, komputer, kemudahan kuarters dan membenarkan doktor menjalankan lokum di hospital awam dan swasta, kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menambah kuota pengambilan pelajar dalam bidang perubatan dan juga mengajikan doktor kontrak.

Sehingga 17 Mei, terdapat seramai 680 orang pegawai perubatan dan pakar kontrak sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah ini, seramai 551 adalah orang warga asing dan seramai 130 adalah warganegara Malaysia dan sehingga kini juga, seramai 109 doktor kontrak ini telah ditamatkan perkhidmatan atas pelbagai sebab. Antaranya prestasi kerja yang tidak memuaskan, tidak hadir bertugas, masalah kesihatan, meninggal dunia dan sebagainya. Berhubung masalah pelajar perubatan yang enggan pulang ke Malaysia selepas tamat pengajian di luar negara, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tindakan terhadap mereka.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan mempunyai hak untuk mengambil tindakan bagi pelajar perubatan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang mempunyai ikatan perjanjian untuk berkhidmat dengan kerajaan selama 10 tahun selepas tamat pengajian di luar

negara. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat..... [Disampuk]

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** [Bangun]

**Datuk Dr. Chua Soi Lek** Sila.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan doktor kontrak daripada warga asing, doktor pakar. Yang dimaklumkan kepada Dewan ini melebihi daripada 551 orang. Jadi sejauh mana pemantauan yang dibuat terhadap doktor pakar asing ini dan apakah mempunyai bayaran elaun yang berbeza dengan doktor pakar tempatan sebab daripada aduan orang ramai, kita dapati bagaimana prestasi kerja.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Yang aduan itu cukuplah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, daripada ulasan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan perawatan penagih dadah melalui *methadone* menunjukkan impak yang positif. Mengikut rekod Antidadah Kebangsaan, terdapat hampir 300,000 penagih dadah hari ini. Bagaimana strategi Kementerian untuk menangani penagih-penagih dadah dengan menggunakan pendekatan *methadone* dalam tempoh RMK-9. Terima kasih.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. menyentuh kepada soal pegawai atau pengamal perubatan daripada warga asing, sebenarnya semua pegawai atau pengamal perubatan yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, prestasi mereka dipantau dan diperhatikan daripada jumlah yang sedia ada, memang ada yang tidak begitu memuaskan dari segi prestasi. Ada yang enggan menjalankan *on call* dengan izin. Ada yang lepas *on call* tidak datang berkhidmat kerana mereka berpendapat mereka layak untuk dapat dikatakan *off day* dengan izinnya. Ada yang langsung tidak bertugas walaupun mereka seharusnya bertugas. Maka dengan demikian, 109 telah ditamatkan perkhidmatan. Berkaitan dengan aduan bahawa mereka dibayar gaji yang berlainan dan sebenarnya lebih tinggi yang dikatakan kononnya adalah tidak benar.

Bayaran gaji klinikal itu adalah berasaskan kepada pengalaman mereka. Kalau pengalaman dia lebih dan sudah berkhidmat lama dalam sesuatu bidang, maka mereka layak menikmati sistem atau gaji yang lebih baik berbanding dengan pakar yang hanya mempunyai pengalaman yang terhad. Maka tidak timbul di mana mereka dibayar gaji yang lebih daripada gaji yang dibayar kepada rakyat kita, tidak benar. Berkaitan dengan soal terapi gantian *methadone*, sebenarnya soal rawatan dan usaha untuk memulihkan penagih dadah adalah satu yang rumit.

Ia merangkumi banyak aspek dan Kerajaan Pusat telah menimbulkan satu jawatankuasa yang di pengaruhi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri untuk menunjukkan komitmen kerajaan terhadap soal penagihan dadah. Antara usaha untuk menangani ini ialah soal terapi gantian menggunakan *methadone* dan ini hanya dibagi kepada penagih dadah suntikan kerana diperhatikan apabila yang merupakan penagih dadah suntikan diganti dengan *methadone* secara oral, mereka lazimnya selepas rawatan, tabiat mereka lebih dikatakan normal.

Soal jenayah lebih berkurangan, mereka dapat kembali kepada keluarga dan juga boleh bekerja. Program ini memang terbukti berjaya di negara-negara seperti saya sebutkan tadi di Australia dan Hong Kong, sebab itu program ini merupakan program perintis dan kita rasa bangga kerana program perintis ini sudah dapat sokongan yang baik dan memang menjadikan hasrat kami supaya ia diperluaskan dan mencapai sasaran iaitu sekurang-kurangnya 15,000 hingga 20,000. Kerana kita perhatikan daripada 300,000 penagih dadah, kajian yang dijalankan menunjukkan di negara kita mempunyai sekurang-

kurangnya ada 100,000 yang dikatakan penagih dadah suntikan. Kalau kita hendak berjaya kita kena mempertingkatkan dan memperluaskan program perintis ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah selesai ya?

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Sudah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat tadi Dewan telah bersetuju satu usul, bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menggulung perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan, dan usul tersebut telah diputuskan.

Sekarang saya akan mendahulukan penggulangan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi saya tidak kemukakan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan ini diputuskan lagi sehingga kementerian-kementerian yang lain menjawab dan menggulung. Dengan itu saya segala hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menggulung.

### 5.22 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan lebih awal daripada jadual giliran menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi sumbangan yang bermakna dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan menganggap semua pandangan, ulasan, cadangan dan juga teguran yang membina yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai input tambahan yang penting bagi memastikan kelancaran, pelaksanaan dan pencapaian segala matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri telah menjawab isu-isu spesifik yang menyentuh kementerian masing-masing dan beberapa orang menteri lain yang akan menyusuli 11 selepas ini. Maka saya akan menumpu kepada beberapa isu dan perkara yang menyentuh bidang tugas Jabatan Perdana Menteri dan juga menyentuh soal-soal dasar secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum Rancangan Malaysia Kesembilan telah digubal berasaskan kepada lima teras utama dan objektif misi nasional. Ianya adalah sebagai rangka kerja bagi mencapai agenda pembangunan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Bukan sahaja maju tetapi seimbang, saksama dan lebih bersatu padu. Seperti mana juga kita sedia maklum, Rancangan Malaysia Kesembilan ini dianggap sebagai rancangan fasa pertama dalam bahagian kedua, di mana dalam tempoh tiga rancangan Malaysia lima tahun, kita akan sampai kepada penghujung tahun 2020.

Oleh sebab pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan telah dibuat berasaskan kepada lima teras, jadi penggulangan saya pada hari ini Tuan Yang di-Pertua akan juga saya menjawab berasaskan kepada lima teras tersebut. Teras pertama, meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara.

Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan bahawa bagaimana pelaburan swasta yang disasarkan pada 11.2 peratus setahun dapat kita capai, memang benar peningkatan yang diharapkan dan peranan yang dimainkan oleh sektor swasta ini adalah merupakan sasaran yang agak tinggi, dan oleh itu kita perlu mengambil langkah-langkah dan pendekatan yang begitu positif bagi menentukan pertumbuhan dari segi pelaburan sektor swasta sama ada dalaman mahupun luaran akan dapat mencapai sasaran yang begitu besar. Pelaburan swasta akan dijana daripada pelaburan dalaman dan luar berfokus kepada industri yang mempunyai nilai tambah dan juga yang bercorak teknologi tinggi. Selain itu pelaburan dalam negeri oleh usahawan tempatan akan ditingkatkan khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana atau PKS. Manakala sumber pertumbuhan baru dalam sektor pengetahuan seperti ICT, bioteknologi, perkhidmatan berasaskan kemahiran serta pertanian baru akan terus digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada ciri ekonomi kita yang menggambarkan bahawa kita semakin hari semakin bergerak kepada ekonomi yang boleh disifatkan sebagai ekonomi yang mantap, ialah di mana sektor perkhidmatan ataupun *service sector* Tuan Yang di-Pertua lebih besar daripada sektor-sektor yang lain. Keadaan ini dapat kita lihat dari segi perkembangan negara kita, di mana pada peringkat awal kita mencapai kemerdekaan, sektor pertanian merupakan sektor yang utama. Selepas itu sektor perindustrian ataupun sektor industri mengambil alih dan kini kita lihat sektor perkhidmatan menyumbang 58 peratus kepada GDP negara. Ini salah satu daripada *characteristics* sebuah ekonomi yang ada kepada negara-negara maju, di mana sektor perkhidmatan atau *service sector* merupakan sektor yang terbesar dan mengikut ramalan kerajaan sektor ini akan berkembang lebih pesat daripada sektor-sektor yang lain mungkin sampai ke tahap 60 ataupun 70 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan sektor swasta memainkan peranan penting kerajaan akan terus membantu dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha memastikan supaya asas ekonomi makro, kekal kukuh.

Ini amat penting Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menggalakkan pelabur-pelabur dari luar melabur dalam negara kita. Salah satu daripada indikator yang mereka akan lihat ialah kestabilan dari segi pengurusan mikro negara. Kalau pengurusan mikro negara kita ini stabil, umpamanya defisit fiskal, defisit kerajaan berada di tahap yang munasabah dan semakin berkurangan. Kalau hutang negara dalam keadaan yang mampu diuruskan dengan baik, maka mereka akan lebih yakin terhadap negara kita.

Sebab itulah kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mengambil keputusan yang kita tahu tidak popular seperti menaikkan harga minyak dalam negara. Tetapi kalau tidak dikaji semula, walhal seluruh dunia telah membuat perubahan, maka ini boleh menjejaskan keyakinan terhadap pengurusan mikro ekonomi negara kita. Perkara ini bagi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, amat memahami, tetapi cabaran bagi kita ialah bagaimana kita hendak memberi kefahaman kepada rakyat jelata. Lebih-lebih lagi ada kumpulan-kumpulan tertentu Tuan Yang di-Pertua, yang suka dan asyik menggunakan isu ini berkali-kali, sampai hari Ahad baru ini pun ada juga, mereka berarak di sana-sini. Walhal isu ini sebenarnya adalah satu yang tidak dapat dielakkan oleh Kerajaan.

Jadi pengurusan ekonomi mikro adalah sangat penting Tuan Yang di-Pertua. Kedua adalah untuk memperbaiki lagi iklim pelaburan dengan memperkemaskan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, bila kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya dan Menteri-Menteri lain selalu sebut tentang sistem penyampaian, bukan bererti kita hendak menegur sektor awam secara berlebihan. Mungkin ada juga pihak di kalangan pegawai kerajaan yang merasakan tersinggung dengan teguran-teguran tersebut, tetapi hakikatnya, kita hendak bersaing dalam liga yang lebih besar, Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, *we have to compete with the big boys*, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu bersaing dengan negara-negara yang tertentu. Saya tak nak sebut mana negara, nanti jadi sensitif pula, tetapi kita nak *compete*, bersaing dengan negara-negara yang kita tahu kehebatan keadaan dalam negara tersebut. Kemampuan teknologi mereka dan juga kemampuan kewangan negara mereka. Kepakaran yang ada pada mereka. Jadi kalau kita tidak terus menekankan perkara ini, tidak terus melakukan penambahbaikan, maka kita akan menghadapi, kita akan tewas sebenarnya dalam persaingan global yang semakin hebat.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya harap bila kita sebut perkara ini, kita akan lihat secara positif. Bukanlah menidakkan kemampuan sektor awam dan tidak ada sesiapa pun yang boleh menafikan jasa perkhidmatan awam dalam konteks kejayaan negara kita. Mereka adalah merupakan sekumpulan yang telah menyumbang begitu besar kepada kejayaan negara kita tetapi soal sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita bukan hendak menoleh belakang, kita hendak melihat ke hadapan. Dengan izin, *we have to move forward*.

Dan bila kita hendak bergerak ke hadapan, kita memerlukan kepada kemampuan kita yang semakin meningkat dan teguran ini bukan sahaja kepada pegawai kerajaan, tetapi

juga kepada ahli-ahli pentadbiran pun Tuan Yang di-Pertua. Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, semua juga perlu menerima hakikat bahawa kita perlu ditegur dan juga *expectation*, aspirasi di kalangan rakyat. Bila kita sudah melatih rakyat, bila kita sudah memberi pendidikan kepada rakyat. Bila rakyat sudah menjadi golongan terpelajar, pemikiran mereka berbeza. Aspirasi mereka semakin tinggi. *Expectation* mereka begitu besar. Mereka tidak akan berpuas hati dengan layanan yang sambil lewa, ataupun kurang memuaskan. Mereka mengharapkan kepada perkhidmatan yang semakin baik dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, membangunkan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Berdaya saing dan berdaya maju, menyediakan prasarana seperti estet perindustrian, taman teknologi tinggi dan hab halal, memperluaskan akses kepada pembiayaan seperti bank SME, insentif geran latihan, penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan. Itulah di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan pelaburan FDI, *Foreign Direct Investment* dan juga pelaburan dari dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Lee Sing Choi, ingin mengetahui apakah langkah kontigensi yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kenaikan harga minyak. Tadi saya telah sebut apa punca kenaikan harga minyak dan sukacita saya mengulangi jaminan Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa harga petrol, diesel, LPG tidak akan dinaikkan sehingga akhir tahun ini sekurang-kurangnya. Kalau boleh lebih lama lagi, Insya-Allah... [Tepuk] Kalau boleh kita pertahankan, kita akan pertahankan. Supaya bila kita naik, walaupun naik besar sikit, naik sekali sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dia ada kala, naik sekali lebih baik daripada naik banyak kali, Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini, jadi sebab itulah, kalau kita boleh tipu rakyat Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh naik tiga kali. Naik sikit, tetapi banyak kali.

Akhirnya rakyat akan bayar lebih. Beban rakyat akan bertambah. Kita tidak mahu tipu rakyat, walaupun dieksploit oleh parti pembangkang, tak apalah, tetapi kita ini Kerajaan yang bertanggungjawab. Kita tidak mahu menipu rakyat, kita mahu membela rakyat... [Tepuk] Sebab itu kita naik sekali sahaja dan kita bagi jaminan. Tidak ada negara lain di dunia takkan naikkan harga minyak dalam negara sehingga akhir tahun, kita bagi jaminan. Kita Kerajaan Barisan Nasional, bagi jaminan Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Langkah yang akan kita ambil selanjutnya ialah untuk memberi pengguna tenaga alternatif. Sebab itulah kita telah mengeluarkan arahan kepada Petronas supaya membina 200 stesen gas asli seluruh negara dalam masa 2 tahun akan datang. Ini arahan Kabinet kepada Petronas. Sebab apabila pengguna ada alternatif, kalau dia rasakan harga minyak terlalu tinggi, dia boleh gunakan gas asli ataupun NGV. Yang mana harga NGV separuh daripada harga minyak. Harga minyak RM1.92 satu liter. Harga NGV, separuh. Kurang sedikit, separuh daripada itu. Jadi, ada alternatif, walaupun mereka kena belanja lebih besar sedikit untuk membeli dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *converter*, tetapi dari segi *running cost* adalah jauh lebih rendah.

Kalau ada sistem alternatif, kita gunakan NGV, natural gas, gas asli untuk penggunaan kenderaan dan penggunaan yang lain, saya percaya kita boleh mengurangkan beban harian. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu hakikat yang perlu saya sebutkan di sini bahawa di sebalik setiap kesusahan itu ada rahmatnya juga. Kini, Kerajaan selalu dikutuk oleh parti pembangkang, kerana harga minyak naik, tetapi bila harga getah naik, kita tak dapat pujian pula. Sepatutnya kalau gunakan prinsip yang sama, kalau kerajaan dipersalahkan kerana harga minyak naik, maka kerajaan patut dipuji bila harga getah naik.

Mana logiknya kalau parti pembangkang mengutuk kita walhal sebenarnya ini adalah luar kawalan kerajaan. Ini soal *world market* atau pasaran dunia, yang menentukan dan salah satu sebab mengapa harga getah naik begitu tinggi ialah kerana harga minyak membawa kepada kenaikan harga getah tiruan. Bila harga getah tiruan naik, permintaan untuk getah - *natural rubber* juga naik dan dengan ini kita pun mendapat rahmat. Kalau harga minyak berada diparas USD30 satu tong harga getah tidak mungkin berada di paras tinggi macam ini.

Sebab itulah dalam keadaan ini ada orang yang tidak susah. Ada orang yang riang, ada orang pergi potong getah naik kereta Proton dalam keadaan ini dan ada juga rancangan FELDA sepuluh ekar tanaman getah dengan baka yang baik pendapatannya RM13,000 sebulan Tuan Yang di-Pertua. RM13,000. Ini satu gambaran, keadaan yang sukar dipercayai oleh kita tetapi kita tidak sebut perkara ini. Jauh sekali parti pembangkang. Parti pembangkang dia tidak sebut langsung sebab ini juga kejayaan. Kenapa pekebun kecil di Baling tidak dengar mereka bunyi apa-apa. Sebab mereka dapat pendapatan yang jauh lebih tinggi. Ini rahmat daripada perubahan struktur pasaran dunia.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak memajukan *bio-diesel* sebab ini juga merupakan tenaga alternatif *bio-diesel*. Bila kita buat kilang *bio-diesel* yang sedang dibina dalam negara kita tentu sekali harga kelapa sawit akan naik dan prospek harga kelapa sawit adalah cukup baik dan hampir 110,000 peneroka FELDA seluruh negara akan dapat faedah. Tidak kira lagi pekebun-pekebun kecil, estet dan sebagainya. Jadi dalam keadaan harga minyak naik ada juga rahmat yang kita peroleh dan ini satu poin yang saya hendak sebutkan di sini, yang selalu sangat kita dengar sebab parti pembangkang eksploit perkara ini. Ke hulu ke hilir, berarak sana sini tapi hakikatnya keadaan ini juga memberi rahmat kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mengutarakan tentang isu pelaksanaan penswastaaan sisa pepejal yang dikatakan tidak menyeluruh. Sukacita saya maklumkan bahawa penswastaaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang diguna pakai pada masa sekarang ini ialah merupakan *interim solution*. Unit Perancang Ekonomi telah diarah oleh kerajaan untuk merundingkan perkara ini dengan syarikat konsesi iaitu Alam Flora dan *Southern Waste Management* untuk memuktamadkan perjanjian penswastaaan dengan kaedah bersepadu iaitu aktiviti kutipan, pengangkutan dan pelupusan sisa pepejal akan dicantumkan di bawah satu perjanjian atau *agreement*, yang bersepadu.

Pada masa ini kerajaan telah menggubal dasar bagi menentukan hala tuju perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di negara ini. Kerajaan amat serius dalam menangani isu mengenai alam sekitar, sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet pengurusan sisa pepejal dan alam sekitar telah ditubuhkan. Antaranya untuk meneliti rang undang-undang kawal selia serta penguatkuasaan ke atas aktiviti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, teras kedua meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Ahli-ahli Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, dan Datuk Soon Tian Szu ingin mendapat penjelasan mengenai isu siswazah menganggur. Untuk makluman sidang Dewan jumlah keluaran siswazah telah meningkat daripada 45,000 orang pada tahun 2000 kepada 85,000 orang setahun pada tahun 2005. Mengikut kajian pengesanan graduan bagi IPTA pada tahun 2005, seramai 32% belum lagi mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian.

Namun begitu lazimnya peratusan ini akan berkurangan memandangkan kebanyakan mereka mula mendapat pekerjaan selepas tempoh tersebut. Kita dapati antara faktor pengangguran di kalangan siswazah ialah wujudnya ketidaksepadanan ataupun *mismatching* antara keluaran institusi pengajian tinggi dengan keperluan pasaran sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti. Perkara ini juga berpunca daripada kurangnya kemahiran dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *soft skills* di kalangan siswazah seperti kebolehan berkomunikasi, penguasaan bahasa Inggeris, keupayaan menyelesaikan masalah dan bekerja secara berpasukan.

Untuk mengatasi hal ini, IPT akan merangka program akademik dan membangunkan kurikulum berdasarkan keperluan pasaran bagi memastikan siswazah berupaya mendapat pekerjaan. Pelajar akan diberi pendedahan awal bagi persekitaran tempat kerja melalui program seperti sangkutan bagi tempoh minimum empat bulan dengan sokongan aktif daripada pihak industri dan majikan.

Untuk menjayakan usaha ini saya menyarankan pihak swasta agar lebih bersifat terbuka untuk menerima siswazah-siswazah kita dan dengan harapan tidak payahlah mengenakan syarat-syarat tertentu. Ini terpulang kepada mereka bila ada temu duga, tapi bila saya semak akhbar-akhbar, saya lihat ada juga majikan yang muatkan dalam

pengiklanan mereka, mereka berkehendakkan siswazah yang pandai berbahasa Mandarin Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya tidak payahlah ada syarat-syarat sebegini terpulung kepada mereka. Bila sudah sebut berbahasa Mandarin bererti bahawa itu dengan sendirinya menggambarkan ada *bias* dari segi penerimaan pihak majikan kepada siswazah-siswazah kita. Kita biarlah bersifat terbuka dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua kita terima semua sebab walaupun syarikat itu kepunyaan bukan bumiputera, tetapi kalau mereka ambil siswazah bumiputera, mereka pun akan taat dan setia kepada majikan mereka. Ini adalah hakikat yang sebenarnya. Jadi kalau ada unsur-unsur sebegini eloklah tidak diteruskan lagi tapi pada masa sekarang ini masih ada dalam akhbar-akhbar pengiklanan seperti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain berminat mengetahui mengenai langkah-langkah kerajaan bagi mengurangkan bilangan pekerja asing. Perkara ini memang sudah kita sedar tetapi tidak semudahnya Tuan Yang di-Pertua untuk menangani masalah ini kerana pada masa sekarang ini kita mempunyai 1.8 juta pekerja asing yang sah, yang tanpa izin atau PATI, *estimate* kita Tuan Yang di-Pertua dalam lingkungan 300,000 hingga 400,000 tapi sudah banyak berkurangan sejak usaha-usaha yang telah kita lakukan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan buku kita sebut sasaran 1.5 juta, dan kita akan berusaha tapi tidak semudahnya kerana tidak ada alternatif ladang kita umpamanya hendak mengait buah, orang kita tidak berminat Tuan Yang di-Pertua. Kita buat macam mana pun masih payah lagi. Lepas itu pembantu rumah. Ini pun satu hal juga. Kalau suami isteri bekerja dia mesti cari seorang pembantu rumah. Kalau tidak bagi pembantu rumah wanita akan mogok. Kalau wanita mogok suami pun susah. Tidak semudahnya *the practicalities*. Jadi kita akan cuba macam mana pun melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menggalakkan industri beralih untuk teknologi pengeluaran yang berlebihan berintensifkan modal menerusi peningkatan automasi pengkomputeran contohnya dalam bidang pemborongan Tuan Yang di-Pertua, *Industrialised Building System* (IBS) daripada menggunakan sistem kepala yang tradisional, kita buat IBS. Kalau kita buat *Industrial Building System*, kita boleh mengurangkan penggunaan pekerja-pekerja asing;
- (ii) meningkatkan penawaran tenaga buruh tempatan, menggalakkan penyertaan lebih aktif tenaga kerja wanita dan pesara yang masih mampu menyumbang perkhidmatan mereka. Bagi tujuan ini kerajaan sedang meneliti semula Akta Kerja 1955 untuk meminda undang-undang berkaitan kerja separuh masa;
- (iii) meningkatkan produktiviti sumber tenaga kerja untuk mengurangkan penggunaan pekerja asing. Dalam konteks ini kerajaan terus menumpukan kepada usaha-usaha peningkatan produktiviti tenaga kerja melalui latihan-latihan semula, menggalakkan peningkatan kecekapan pengurusan dengan menggunakan teknologi terkini dan memodenkan sektor pertanian serta memperbaiki teknik pengurusan ladang yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menghargai pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad tentang peranan wanita dan penyertaan wanita dalam pembangunan negara.

Perkara ini saya telah pun jelaskan, tetapi terbukti bahawa pertimbangan kerajaan dalam hal membela nasib wanita dan membuka peluang seluas-luasnya terhadap sumbangan mereka semakin hari semakin jelas semakin nyata. Beberapa jawatan penting yang dahulunya merupakan kubu kuat kaum lelaki, sudah pun dikuasai oleh wanita. Ini saya percaya trend ini akan berterusan dan matlamat kerajaan untuk memberi peluang 30%

kepada wanita dalam jawatan-jawatan *decision making* dalam kerajaan perkhidmatan awam saya percaya, walaupun kita tidak ada *time frame*, tetapi nampaknya dari sehari ke sehari kemaraannya agak ketara Tuan Yang di-Pertua. Saya optimis sebenarnya wanita akan mencapai sasaran ini, saya lebih khuatir kepada kaum lelaki sebenarnya dalam hal ini. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ingin mengetahui program khusus untuk kumpulan umur di bawah 15 tahun yang telah meninggalkan sekolah dan tidak mempunyai kelayakan minimum. Kerajaan mengakui memang wujudnya keciciran di kalangan pelajar sekolah adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan anak-anak kita mendapat sekurang-kurangnya 11 tahun tempoh pendidikan.

Enam tahun sekolah rendah, lima tahun sekolah menengah. Masih ada yang telah tercicir dari arus persekolahan, sistem persekolahan kita. Mengapa dan kenapa? Ini satu daripada cabaran kita dan mungkin kita sebagai pemimpin perlu memainkan peranan untuk meningkatkan lagi kesedaran walaupun sudah tinggi, tetapi masih ada lagi di kalangan masyarakat kita yang melihat anak-anak mereka ini dengan sikap yang lama bahawa anak ini adalah punca menyumbang kepada keluarga mereka dari segi pendapatan.

Maknanya mereka melihat anak mereka sebagai tenaga kerja, tenaga buruh kalau hendak sebut pun boleh. Tidak lebih daripada itu. Mereka tidak lihat anak mereka kalau diberi pendidikan yang sewajarnya akan menjadi orang ilmunan yang akan memberikan sumbangan yang lebih besar lagi. Sikap seperti ini mestilah kita kikis di kalangan masyarakat kita walaupun kerajaan sudah buat macam-macam usaha seperti menyediakan prasarana pendidikan yang lebih baik, dana pelajar miskin dan sebagainya, tetapi kita masih berdepan dengan masalah keciciran. Tuan Yang di-Pertua, teras ketiga menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff membangkitkan isu mengenai usaha kerajaan yang dikatakan kurang berkesan dalam mengatasi kemiskinan di negara ini dan beliau juga meminta penjelasan sama ada kajian dibuat mengenai pendapatan isi rumah dan ingin tahu jumlah penduduk berpendapatan melebihi RM3000 sebulan. Saya suka menyebut di dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa *track records* kita dalam membasmi kemiskinan adalah merupakan yang terbaik di kalangan negara-negara sedang membangun... [Tepuk]

Ini nampak jelas kalau saya baca di sini Tuan Yang di-Pertua perangkaan seperti berikut. Bagi tahun 1970, kita mula tahun 1970 hampir separuh daripada isi rumah di Malaysia di kategori sebagai warga miskin. Tahun 1990, kadar kemiskinan berkurangan kepada 14.9%. Pada tahun 2004, kadar kemiskinannya hanya 5.7%. Walaupun kaedah perkiraan kemiskinan telah dikaji semula dan ditingkatkan tahapnya, tetapi kadar kemiskinan kita dapat kurangkan kepada 5.7% dan seperti mana yang kita tahu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dalam masa lima tahun lagi kita hendak kurangkan kepada 2.8%. Begitu juga dengan kadar kemiskinan tegar, pada tahun 1990, kita lihat kadar kemiskinan tegar berada pada 3.9%.

Pada tahun 2004, kadar kemiskinan tegar hanya 1.2% dan kita telah membuat satu komitmen politik yang kukuh iaitu akan dihapuskan dalam akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi inilah prestasi kita dalam usaha pembasmian kemiskinan. Berdasarkan kepada kajian pendapatan isi rumah, pada tahun 2004 dianggarkan sebanyak 35.7% menerima pendapatan melebihi RM3000 sebulan. Ini menunjukkan lebih ramai rakyat Malaysia termasuk dalam golongan berpendapatan menengah dan tinggi. Selanjutnya ingin saya jelaskan bahawa pencapaian pemilikan modal saham bumiputera yang kurang memberangsangkan adalah berpunca daripada beberapa faktor.

Antaranya sumber kewangan yang terhad, dasar yang lebih liberal berkaitan pemilikan ekuiti, ketirisan dalam pelaksanaan di bawah program pembangunan kerajaan, masalah sikap segelintir usahawan bumiputera itu sendiri yang mementingkan keuntungan jang pendek. Walaupun, kaum bumiputera tidak mencapai sepenuhnya sasaran tersebut, kemajuan yang dicapai oleh kaum bumiputera sebenarnya adalah besar kerana dari segi jumlah sebenar pemilikan modal saham bumiputera telah naik daripada RM63 bilion pada

tahun 2000 kepada RM100 bilion pada tahun 2004. Satu peningkatan pada kadar 12.3% setahun berbanding 11.8% bagi bukan bumiputera dalam tempoh yang sama.

Usaha meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat terus diberi penekanan oleh kerajaan dalam memperkenalkan dan melaksanakan langkah-langkah seperti pemilikan harta bumiputera di kawasan bandar dan pewujudan masyarakat sains dan teknologi bumiputera. Pada masa yang sama, pelaksanaan fasa kedua, Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera atau MPPB2 untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor pertumbuhan baru akan diteruskan. Berkaitan isu pemantauan yang telah dibangkitkan, badan bertindak pelaksanaan negara atau BBPM yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditubuhkan untuk memastikan program dan projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang mempunyai impak yang tinggi dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditentukan.

Ini termasuk program pembasmian kemiskinan dan MPPB2. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Datuk M. Ratnam, kerajaan telah melaksanakan kebanyakan rancangan-rancangan telah dikemukakan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti etnik kaum India kepada 3% menjelang tahun 2020. Walaupun peratusan pemilikan etnik India kurang daripada 2%, modal saham etnik India dalam satu korporat sebenarnya telah meningkat kepada RM1,256,000,000 dalam tempoh 2000 hingga 2004. Jelasnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah menyasarkan pemilikan ekuiti oleh kumpulan etnik India kepada 3% menjelang tahun 2020.

Tambahan lagi antara program yang sedang dan akan dijalankan bagi membantu meningkatkan penyertaan etnik India dalam semua sektor ekonomi termasuklah latihan keusahawanan melalui penubuhan pusat putera dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bagi usaha melatih belia etnik India dalam bidang kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah prihatin ataupun membangkitkan pertanyaan mengapa Negeri Sembilan dan Melaka tidak dimasukkan dalam pembangunan koridor. Untuk penjelasan, kedua-dua negeri sebenarnya sedang menikmati kesan limpahan yang tinggi daripada pembangunan Lembah Klang. Dengan sendirinya – mengikut penjana pertumbuhan yang tinggi di Lembah Klang, kita dapat melihat bahawa pertumbuhan menghalu lebih kepada Negeri Sembilan dan Melaka daripada Utara ataupun ke Timur. Oleh itu, dengan sendirinya Negeri Sembilan dan Melaka akan maju tetapi kawasan-kawasan lain seperti negeri-negeri Pantai Timur, negeri-negeri sebelah Utara, di Sabah dan Sarawak memerlukan satu inisiatif baru kalaulah kita hendak mencapai keseimbangan dari segi pembangunan.

Ahli Yang Berhormat Dato' Wan Ahmad Farid bertanya tentang Koridor Pantai Timur dan pada masa sekarang ini kerajaan telah pun menetapkan Petronas untuk menjadi peneraju pembangunan Koridor Pantai Timur dan Petronas sedang merangka satu bentuk pelan bagi menjayakan pembangunan wilayah Pantai Timur.

Teras keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah meningkatkan taraf dan kemampuan kualiti hidup. Ahli Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng membangkitkan isu pengangkutan awam yang dikatakan perlu diperbaiki. Kerajaan amat bersetuju dan sebenarnya kita hendak gunakan dana yang dapat kita selamatkan melalui kenaikan harga minyak itu sebanyak RM4.4 bilion untuk melakukan penambahbaikan kepada sistem pengangkutan awam tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, harga minyak terus meningkat dan RM4 bilion itu hampir terhapus.

Kita terpaksa memikir mungkin dengan BFI, dengan peruntukan dana yang lain untuk melakukan perkara ini tetapi peningkatan kepada sistem pengangkutan awam terutama sekali di bandar-bandar utama perlu dilakukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Teras kelima – mengukuhkan keupayaan institusi pelaksanaan. Ahli Yang Berhormat Datuk M. Ratnam dan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi mengalu-alukan penubuhan badan bertindak pelaksanaan negara dan badan bertindak ini telah pun mengadakan beberapa mesyuarat dan antaranya kita lihat bahawa kelemahan-kelemahan

yang telah dikenal pasti kita akan cuba elakkan. Salah satu daripada kelemahan ialah tidak ada perancangan dari segi pelaksanaan, tidak ada *proper planning*.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak buat sesuatu projek tetapi tidak ambil kira cukup ataupun tidak bekalan air di kawasan berkenaan. Ada ketika projek sudah siap, bekalan air tidak cukup, jadi rumah tidak dapat dipenuhi, diisi, kena tunggu pula peruntukan untuk meng *upgrade* kan punca bekalan air. Itu satu contoh. Lagipun kita perlu menjelaskan kepada kerajaan-kerajaan negeri, mereka perlu memberi kerjasama, ada kecenderungan kerajaan negeri memberi tanah yang tidak begitu sesuai kepada Kerajaan Pusat kerana mengharapkan Kerajaan Pusat membelanjakan pembangunan prasarana yang diharapkan oleh kerajaan negeri.

Kerajaan negeri pun pandai juga, Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh juga menumpang atas projek Kerajaan Pusat tetapi ini bererti bahawa perbelanjaan kos melambung tinggi. Kita pun mengharapkan ada juga fahaman, *understanding* dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya berilah kita tanah-tanah yang lebih baik supaya kalau kita dapat menjimatkan peruntukan pembangunan kita boleh belanja lebih untuk pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, RM200 bilion. Sektor sosial diperuntukkan sebanyak 37.5%, keselamatan 10.6%, sektor ekonomi 44.9%, sektor pentadbiran am sebanyak 6.9%. Salah satu daripada perkara yang perlu saya bangkitkan di sini ialah jumlah pelaburan swasta yang dijangkakan meningkat pada kadar 11.2%, kalau kita terjemahkan dalam bentuk dana sebenarnya ialah sebanyak RM310 bilion untuk tempoh 5 tahun. Ini merupakan satu dana yang agak besar dan kita terpaksa berusaha supaya sasaran ini akan tercapai RM310 bilion dari luar negara dan dari dalam negara perlu dijana untuk mencapai pertumbuhan 6% yang telah disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi soal integriti, memerangi rasuah, penyelewengan dan sebagainya, perkara ini akan terus diberi tumpuan oleh kerajaan, Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan ditingkatkan kemampuannya dan kita juga akan meneruskan usaha-usaha pencegahan supaya tahap integriti di dalam perkhidmatan dapat terus diperkukuhkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan serta mengemukakan pandangan saranan untuk perhatian pihak kerajaan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, boleh? Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri, dalam ucapan tadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri ada tiga perkara yang kita bangkit di dalam Dewan ini, saya minta perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Seri sendiri iaitu tentang:

- (i) syarikat-syarikat milik kerajaan iaitu GLC. Kita lihat banyak pelaburan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang pertama, yang kedua?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang kedua, iaitu

- (ii) tentang salah satu syarikat GLC yang menjadi masalah ialah TNB sendiri, yang mana terpaksa menaikkan tarif dan membebankan rakyat; dan
- (iii) tentang MAS dan AirAsia. Kebanyakan hujah-hujah yang kita bawa di dalam Dewan ini tetapi kurang meyakinkan kita Ahli-ahli Dewan Negara.

Itu tiga perkara yang saya minta perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ambil perhatian kepada ketiga-tiga perkara ini, tetapi tentang TNB

sebenarnya apabila kita mengkaji kadar tarif yang baru ini kita telah meningkatkan jumlah isi rumah yang dikecualikan daripada kenaikan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan yang dikemukakan oleh TNB ialah untuk mengecualikan isi rumah yang menggunakan 150 kilowatt ke bawah tetapi Kabinet memutuskan dinaikkan kepada 200 kilowatt. Dengan, ini 59% isi rumah terkecuali. Sebab itulah kita terpaksa mengimbangi dengan tiga *stake holders*, Tuan Yang di-Pertua, satu TNB, yang kedua adalah pelabur kepada pasaran kita sebab TNB merupakan satu syarikat yang besar *market capitalization* nya; dan ketiga ialah rakyat sendiri.

Kita kena buat keputusan yang seimbang, *balance* antara ketiga-tiga pertimbangan ataupun dimensi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersama-sama mendukung misi penting ini, misi nasional, misi kita bersama. Semoga Rancangan Malaysia Kesembilan dapat membina tamadun demi menjulang martabat negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan telah mengikuti penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang terpaksa mengambil pendekatan yang global dan makro, maka tidak dapat dijawab dengan secara terperinci soal-soal GLC dan seperti dan sebagainya kerana sasaran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah membina tamadun menjulang martabat bangsa. Maka kita telah mengikuti penggulungan oleh Timbalan Perdana Menteri, hal-hal lain di bawah Jabatan Perdana Menteri akan dijawab dan digulung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri kelak.

Dewan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dengan rendah diri membebaskan beliau untuk menjalankan tugas.... [Tepuk]

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sila.

#### 6.11 ptg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi mengenai sistem penyampaian atau *delivery system*, dengan izin. Beliau telah meminta kaunter-kaunter perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dibuka pada hari Sabtu untuk memudahkan rakyat Malaysia berurusan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa berusaha mempertingkatkan produktiviti serta sistem penyampaian atau *delivery system*. Sungguhpun kementerian belum bercadang membuka kaunter-kaunter perkhidmatan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia pada hari Sabtu, namun walau bagaimanapun kementerian akan bersedia berbuat demikian sekiranya dapat keperluan yang mendesak sebagaimana permohonan MyKad pada hujung tahun 2005.

Selain cadangan membuka kaunter perkhidmatan pada hari Sabtu, pihak Kementerian sentiasa berusaha agar sistem penyampaian bagi jabatan-jabatan di bawahnya lebih efisien dan dipermudahkan. Antara langkah yang telah dan sedang diambil ialah penambahbaikan sistem maklumat dan komunikasi yang membolehkan orang awam berurusan tanpa pergi ke kaunter dengan menggunakan teknologi kiosk dan *internet*.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah membangkitkan mengenai dasar pengambilan pekerja asing dan mengemukakan soalan, sampai bilakah dasar pengambilan pekerja asing akan diteruskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pekerja asing yang diguna pakai sekarang merupakan dasar yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKKPA) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-menteri Kabinet yang berkenaan.

Oleh yang demikian, sebarang perubahan ke atas dasar pekerja asing adalah berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat JKKPA. Di situ pengambilan pekerja asing melalui pusat kelulusan setempat yang dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2005 mewajibkan majikan berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) Kementerian Sumber Manusia sebelum membuat permohonan bagi mendapat pekerja asing. Mana-mana majikan yang tidak mengemukakan *Job Clearing System* atau JCS, ketika membuat permohonan pekerja asing tidak akan dilayan.

*Job Clearing System* adalah perkhidmatan berasaskan komputer yang dikendalikan oleh JTKSM untuk membantu rakyat tempatan mencari pekerjaan. Majikan perlu mendapatkan perakuan daripada JTKSM bagi mengesahkan majikan telah menggunakan perkhidmatan JCS untuk mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu. Untuk mendapatkan surat perakuan pendaftaran, majikan hendaklah memaklumkan kekosongan jawatan di dalam JCS sama ada secara *online* atau hadir di mana-mana pejabat tenaga kerja yang berdekatan. JTKSM akan mengeluarkan surat perakuan pendaftaran JCS setelah berpuas hati majikan telah melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan pekerja tempatan atau selepas 30 hari majikan mendaftar untuk mendapatkan pekerja tempatan melalui sistem ini. Oleh yang demikian, JTKSM boleh memantau keperluan sepenuh tenaga kerja di kawasan tersebut dan memastikan ruang pekerjaan bagi rakyat tempatan tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, inilah jawapan daripada saya. Akhirnya saya mengucapkan terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada maklumat yang kita peroleh tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan terdapat 400,000 orang PATI pada masa ini. Saya percaya sehingga RMK-9 jumlah PATI ini akan bertambah. Soalan saya, saya ingin mengucapkan syabas kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen, walaupun dengan tenaga penguat kuasanya begitu kurang tetapi beban tugas yang begitu berat apakah pandangan Yang Berhormat untuk merangka strategi yang lebih efektif dengan menambahkan lagi pegawai-pegawai penguatkuasaan dengan memberi perlindungan kerana risiko di dalam menjalankan tugas penguatkuasaan ini agak besar. Apa pandang Yang Berhormat?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah pun sudah dan sedang diambil oleh Kementerian ini. Walaupun penguat kuasa Imigresen Malaysia tidak mencukupi tetapi kita sudah memohon supaya boleh mendapatkan lebih ramai penguat kuasa Imigresen pada masa yang akan datang. Buat sementara ini, Kementerian ini telah menurunkan kuasa kepada anggota RELA supaya mereka boleh menjalankan tugas untuk menangkap PATI dan dengan kerjasama dari pihak agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, ramai PATI pun telah ditangkap.

Di samping itu, kita pun telah memberi kuasa kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen supaya mereka pun boleh menjalankan tugas operasi untuk menangkap PATI. Ini adalah usaha-usaha yang kita telah jalankan. Saya berharap jika mendapat kerjasama daripada orang ramai, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat, tangkapan PATI akan dijalankan secara baik dan berjaya.

Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak Kementerian ini akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertuan *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Belia dan Sukan.

**6.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan belia dan sukan semasa membahaskan usul Rancangan Malaysia Kesembilan mulai 18 hingga 25 Mei 2006 lalu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam supaya diperuntukkan tabung ekonomi belia kepada masyarakat India. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa skim tabung ekonomi belia telah dimulakan pada tahun 1988. Tabung ini telah dibekukan sementara pada tahun 2000 dan telah diaktifkan semula pada bulan April 2006 ini.

Semua warganegara Malaysia termasuk mereka dari keturunan India adalah layak memohon dana dari skim tabung ekonomi belia ini dengan syarat mereka memenuhi kelayakan seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun hingga 40 tahun pada masa membuat permohonan;
- (ii) menjalankan peniaga sepenuh masa;
- (iii) wajib mengikuti kursus-kursus peniaga yang ditetapkan;
- (iv) pemohon mesti menjadi ahli persatuan belia;
- (v) telah memiliki peniaga yang didaftar;
- (vi) menyediakan dua orang penjamin; dan
- (vii) keutamaan diberikan kepada belia lepasan Institut Kemahiran Belia Negara.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, semua belia Malaysia yang menepati syarat-syarat di atas boleh menyertai skim tabung ini dengan mendaftar dan memohon secara *on line* melalui portal Majlis Penggalakan Ekonomi Belia (MPEB) iaitu [www.mpeb.gov.my](http://www.mpeb.gov.my). Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kemudahan *internet* mereka boleh berhubung dengan mana-mana Pejabat Belia dan Sukan di peringkat daerah dan negeri untuk mendapatkan bantuan cetakan borang permohonan.

Pada tahun 2006 ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM40 juta bagi skim ini melalui perwujudan tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi. Sehingga bulan Mei 2006, seramai 375 orang telah mendaftar secara *on line* di dalam skim ini yang terdiri daripada 280 lelaki dan 95 perempuan dari pelbagai bangsa iaitu daripada:

- |       |                  |   |               |
|-------|------------------|---|---------------|
| (i)   | Melayu           | - | 275 orang;    |
| (ii)  | Cina             | - | 11 orang;     |
| (iii) | India            | - | 48 orang; dan |
| (iv)  | lain-lain bangsa | - | 23 orang      |

Kebanyakan mereka yang telah memohon untuk membuat pinjaman dari skim ini adalah terdiri daripada mereka yang ingin memulakan dan membesarkan perniagaan, menambah modal dan juga membeli peralatan berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Soon Tian Szu menanyakan, apakah cara yang lebih berkesan bagi membanteras gejala penyalahgunaan dadah di kalangan belia. Kementerian sentiasa bekerjasama rapat dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam menggerakkan program belia benci dadah dan kempen 'Anda pilih sengsara atau bahagia' di seluruh negara.

Selain daripada AADK, kementerian juga telah mendapat sokongan daripada 24 buah IPT dalam melaksanakan kempen ini. Bagi program belia benci dadah, sebanyak 92 buah Majlis Belia Daerah di seluruh negara telah terlibat melaksanakan program ini sepanjang tahun 2005 dengan jumlah penyertaan seramai 100,000 orang. Dengan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, baik daripada agensi-agensi kerajaan seperti AADK, Polis Diraja Malaysia dan badan-badan NGO seperti PEMADAM,

PENGASIH, PENDAMAI dan SAHABAT, mahu pun masyarakat secara yang menyeluruh, kementerian ini merasakan program-program seperti ini dapat menyumbang ke arah mencegah ke arah penyalahgunaan dadah di kalangan belia.

Tuan Yang di-Pertua, saranan dari Yang Berhormat Senator Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin supaya KBS menggalakkan belia-belia di Malaysia untuk menceburi bidang pertanian. Ingin saya maklumkan bahawa bermula pada tahun 2002 hingga 2005, KBS telah pun melaksanakan beberapa program bagi menggalakkan dan menarik minat golongan belia menyertai bidang pertanian sebagai kerjaya.

Antara program tersebut ialah:

- (i) Seminar peluang-peluang perniagaan tani;
- (ii) Kursus-kursus teknikal pertanian;
- (iii) Kursus-kursus keusahawanan landskap;
- (iv) Program bantuan projek belia tani.

Bagi tahun 2006, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM660,000 telah diperuntukkan bagi program-program belia tani yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) seminar belia tani kebangsaan;
- (ii) seminar peluang-peluang perniagaan tani peringkat negeri;
- (iii) promosi program pembangunan belia tani;
- (iv) kursus-kursus pengurusan landskap;
- (v) kursus-kursus pengurusan pertanian komersial dan teknikal;  
dan
- (vi) bantuan projek belia tani.

Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat Senator Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak menyatakan, mengapakah program-program yang telah dilaksanakan dan keberkesanan dalam menangani budaya negatif di kalangan belia di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, menyedari bahawa betapa perlunya golongan belia dihindarkan dari sebarang gejala sosial dan unsur negatif, Kementerian Belia Dan Sukan telah melaksanakan berbagai-bagai program berbentuk preventif yang sesuai, mudah dan berkesan serta yang boleh diterima oleh golongan belia dan remaja masa kini.

Antara program-program tersebut termasuk program rakan muda dan program pembangunan belia yang berteraskan kepada konsep 3K iaitu:

- (i) kepimpinan;
- (ii) kemahiran; dan
- (iii) keusahawanan serta program sukan massa, yang dilaksanakan ke atas pelbagai peringkat kelompok masyarakat termasuk belia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan yang dicadangkan oleh kerajaan untuk melaksanakan program-program pembangunan sektor belia yang menyeluruh dan merangkumi pelbagai kementerian ialah sebanyak RM5.46 bilion. Program-program tersebut termasuklah:

- (i) untuk menjalankan latihan-latihan kepimpinan;
- (ii) kemahiran;
- (iii) perniagaan dan pengurusan;
- (iv) pembangunan keusahawanan rakan muda;
- (v) serta juga program-program pencegahan dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain menanyakan untuk menjadikan belia di negara kita cemerlang dalam pelbagai bidang adakah kajian dibuat tentang kaedah dan cara pemikiran belia-belia di negara pada masa kini.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) di bawah Kementerian Belia Dan Sukan telah menjalankan kajian berkaitan sikap dan perkara-perkara yang boleh mendorong ke arah kecemerlangan belia. Kajian yang telah dibuat melibatkan seramai 4,087 responden yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian.

Hasil penemuan yang boleh dijadikan sebagai asas untuk mentafsir kaedah serta cara pemikiran belia di kalangan belia di negara kita hari ini adalah seperti berikut:

- (i) ciri-ciri kepimpinan yang ada di dalam diri belia. Positif (83.8%), negatif (16.2%);
- (ii) motivasi dan matlamat harian. Belia yang bermotivasi (87.7%), yang tidak bermotivasi (12.3%);
- (iii) kaedah penyelesaian masalah – Berfikir dengan cara kreatif dan positif (87.8%), tiada berfikiran kreatif dan positif (12.2%);
- (iv) jenis bacaan yang menjadi pilihan – Berilmiah (22.5%), tidak berilmiah iaitu hiburan (77.5%);
- (v) penglibatan belia dalam persatuan dan kelab. – Yang terlibat dalam persatuan (9.1%) dengan izin, tidak terlibat dalam persatuan dan kelab (90.9%); dan
- (vi) kegiatan dalam aktiviti sukan dan kecergasan. Yang terlibat dalam sukan (14.7%), tidak terlibat (85.3%).

Tuan Yang di-Pertua, melihat kajian yang telah dijalankan ini, Kementerian Belia dan Sukan memang telah mempunyai strategi-strategi yang digunakan untuk memastikan bahawa belia-belia yang kurang aktif dapat kita menarik untuk mereka masuk ke pertubuhan-pertubuhan belia dan melalui Akta Pembangunan Pertubuhan Belia yang sedang digubal sekarang ini, KBS (Kementerian Belia Dan Sukan) akan mempunyai lebih ruang dan peluang untuk mengawal selia dan memantau dan mengaktifkan penglibatan belia dalam persatuan dan meningkatkan aktiviti belia di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat senator Dato' Dr. Chin Fook Weng yang menanyakan umur golongan belia 15 tahun yang tercicir di arus pendidikan yang telah disentuh oleh Timbalan Perdana Menteri tadi, saya ingin membuat tambahan sedikit berhubung dengan strategi yang telah digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan di mana Kementerian Belia dan Sukan mengambil berat dan telah pun mengambil daya usaha untuk menarik golongan yang tercicir ini dengan memberi peluang kepada mereka menyertai program-program kementerian melalui lima strategi atau langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mempermudah mereka menyertai program-program pembangunan belia seperti program latihan kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran;
- (ii) meningkatkan daya tarikan program dengan membangunkan semula pendekatan dan modul latihan supaya memenuhi cita rasa belia;
- (iii) memperbanyakkan peluang-peluang untuk menyertai dalam semua program pembangunan belia melalui penambahan bilangan program yang dilaksanakan terutama di peringkat akar umbi;
- (iv) meningkatkan promosi dan publisiti program-program aktiviti belia; dan

- (v) melaksanakan program-program secara bekerjasama dengan NGO dan persatuan-persatuan belia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui Bahagian Pembangunan Kemahiran menyediakan pelbagai program kepada belia untuk mengikuti latihan kemahiran sama ada di dalam atau di luar Institut Kemahiran Belia Negara iaitu bagi belia-belia tercicir mereka berharap mereka boleh menjalankan latihan kemahiran tidak formal iaitu di hujung minggu dan juga mengambil kursus-kursus pendek yang dianjurkan oleh IKBN.

Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan seramai 12,343 belia telah mengikuti kursus-kursus kemahiran melalui Program Latihan Kemahiran tidak formal. Selain dari itu kementerian juga telah melaksanakan satu lagi program lain yang dinamakan Program Citra. Program ini bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai patriotisme, semangat kesukarelawan dan memberi pendedahan kepada fungsi dan peranan pertubuhan belia serta latihan kemahiran kepada para peserta iaitu para belia.

Tuan Yang di-Pertua, peringatan daripada Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati berhubung dengan supaya belia memaksimumkan penggunaan kemudahan asas yang disediakan pada masa kini. Kementerian amat berterima kasih terhadap saranan dan peringatan oleh Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini terhadap pelbagai program dan aktiviti pembangunan belia yang dijalankan di premis-premis dan kemudahan-kemudahan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Untuk memaksimumkan kemudahan-kemudahan ini, kementerian akan menambahkan lagi aktiviti-aktiviti seperti pertandingan sukan, kursus kepimpinan, kursus kemahiran, kursus keusahawanan, kursus pentadbiran dan pengurusan persatuan, kursus bina insan dan motivasi.

Saya mengambil kesempatan ini juga menyeru masyarakat setempat juga digalakkan untuk menempah dan mengguna kemudahan-kemudahan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Keterangan lanjut mengenai kemudahan-kemudahan yang terdapat di bawah kementerian ini bolehlah didapati dengan melayari *website* <http://kbs.gov.my> dan juga melalui Pusat-pusat Sumber Belia yang akan dibina di semua premis di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas saranan, pandangan serta teguran yang dibuat yang perbendaharaan peranan dan bidang tugas Kementerian Belia dan Sukan di sepanjang perbincangan usul Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini. Saya yakin bahawa semua saranan, pandangan serta teguran tersebut adalah dibuat atas hasrat ingin memperkasakan lagi belia dalam negara kita selaras dengan wawasan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Seterusnya Kementerian Penerangan. Silakan Yang Berhormat.

**6.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini. Pasti semua pandangan, cadangan dan teguran akan diberi perhatian oleh kami di Kementerian Penerangan.

Cadangan Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor agar media elektronik memainkan peranan membina minda penonton, sukacita saya memaklumkan bahawa inilah sebenarnya peranan yang dilaksanakan oleh media elektronik kerajaan selama ini selain berfungsi menyebarkan berita dan maklumat. Media elektronik di mana RTM adalah satu daripada peneraju utamanya juga turut berusaha membina minda masyarakat agar dapat memahami kehendak dan dasar kerajaan dan seterusnya menyokong wawasan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Kementerian Penerangan bertanggungjawab mengawal selia dan mengawasi stesen media elektronik kerajaan iaitu RTM yang telah melaksanakan peranannya sebagai penyampai maklumat kerajaan. Usaha membina masyarakat bukan sahaja dilaksanakan

melalui berita dan pelbagai bentuk rancangan bicarawara di radio dan TV untuk semua peringkat pendengar dan penonton malah juga turut diterapkan secara halus melalui slot drama, tayangan gambar, sketsa, lipur ria atau dengan izin, *gape show* dan juga siaran lagu serta persembahan hiburan.

Saya juga ingin membetulkan tanggapan sesetengah pihak yang menganggap siaran TV terlalu sinonim dengan hiburan semata-mata sedangkan menurut statistik terkini RTM, menunjukkan kedua-dua rangkaian iaitu RTM1 dan RTM2 hanya menyiarkan 6% rancangan hiburan berbanding dengan 30% rancangan berunsurkan pendidikan, 26% drama dan 14% berita. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Penerangan sentiasa memastikan persembahan rancangan hiburan yang disiarkan melalui RTM adalah berkualiti dan menerapkan berbagai-bagai *message* yang boleh membangunkan minda masyarakat.

Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mencadangkan supaya Kementerian Penerangan memberi penjelasan tentang Rancangan Malaysia Kesembilan rancangan yang disiarkan dari masa ke semasa supaya dapat dihayati sepenuhnya oleh rakyat umum agar Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Berita Hal Ehwal Semasa Jabatan Penyiaran Malaysia telah menyusun program yang khusus tentang Rancangan Malaysia Kesembilan bagi dihayati sepenuhnya oleh masyarakat umum. Antara program yang telah disiarkan dan dalam perancangan adalah seperti berikut:

- Menyiarkan petikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan semasa Rancangan Malaysia Kesembilan dalam siaran berita TV berita radio setiap hari.
- Menjemput tetamu dalam Rancangan *Selamat Pagi Malaysia* dan *Hello On Two* yang membincangkan teras-teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan.
- Mengadakan perbincangan tokoh-tokoh ekonomi, aktivis sosial dan sebagainya dalam *Bicarawara* bagi membincangkan pelbagai tajuk yang menyentuh Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini termasuklah dalam Rancangan *Debat Perdana* yang akan kita adakan semula melalui 12 rancangan isu semasa, *Rancangan Bersama Menteri*, *Bicara Siswa*, *Fast Forward* termasuk juga *Info Fokus Mandarin* dan *Info Fokus Tamil*.
- Kami juga membuat kapsul-kapsul berkaitan dengan lima teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya mengenai sektor ekonomi dan pembangunan sosial.
- Membuat liputan khas dengan memberi keutamaan kepada skop aktiviti Rancangan Malaysia Kesembilan dengan menumpukan kepada bioteknologi, modal insan, pembangunan antara Wilayah, peluang pekerjaan dan pendidikan selaras dengan hasrat misi nasional.
- Membuat analisis berita TV dan radio berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Rancangan Malaysia Kesembilan melalui rancangan *Business Malaysia* dan *Warta Niaga* Berita Radio.
- Memberi perhatian kepada isu-isu semasa jangka panjang dan jangka pendek yang ada kaitan dengan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang. Ini bagi memastikan pelaksanaan aktiviti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dapat diterima dan dimanfaatkan oleh rakyat.

Saranan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd. Puad supaya berita melalui RTM dipertingkatkan kualitinya dan berita yang disiarkan perlu ada tindakan susulan seperti mana yang dilakukan oleh TV swasta. Bagi kami, kami sedar, RTM sedar akan persaingan dengan TV swasta. Namun sebagai sebuah agensi kerajaan berita RTM tidak boleh mengabaikan pertanggungjawaban kami sebagai penyampai maklumat dasar-dasar kerajaan kepada orang ramai.

Selepas penjenamaan semula RTM pada bulan April 2004, RTM telah membuat perubahan kepada siaran beritanya dengan memastikan olahan kandungan berita yang lebih mantap dan berkualiti di samping memberikan penekanan kepada cara bagaimana maklumat-maklumat negara hendak disampaikan serta menyiarkan berita-berita yang boleh menarik perhatian umum dalam dan luar negeri. Berita RTM juga, Tuan Yang di-Pertua turut memastikan agar laporan susulan dibuat terhadap beberapa isu menyentuh kepentingan umum seperti mendapatkan maklum balas dari agensi kerajaan dan pihak-pihak berkuasa berkaitan.

Bagaimanapun tindakan susulan itu dipastikan tidak disensasikan kerana semata-mata untuk mengutip derma melalui SMS umpamanya kerana semata-mata mahu mendapatkan perhatian umum. Dalam hal ini RTM sentiasa mendapatkan kerjasama dari semua pihak khususnya jabatan dan agensi kerajaan yang mempunyai kaitan terus dengan kepentingan umum dalam memberikan penjelasan sesuatu isu yang berbangkit. Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang memang banyak bercakap di Dewan ini juga telah meminta supaya rancangan Dari Parlimen perlu disiarkan lebih awal memandangkan ianya semakin diterima dan diminati masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat rancangan *Dari Parlimen* kini disiarkan oleh RTM pada jam 11.30 malam pada hari Isnin hingga Khamis semasa Dewan Rakyat atau Dewan Negara, Dewan yang mulia ini bersidang. Cadangan untuk diawalkan masa siarannya pada masa sekarang masih belum dapat dipenuhi memandangkan kepadatan program-program yang telah disusun di mana masa antara jam 9.00 hingga jam 11.00 malam Tuan Yang di-Pertua adalah merupakan *Jajaran Jati Diri* yang baru kita perkenalkan dan pengenalan rancangan-rancangan menerusi jajaran ini juga telah mendapat sambutan penonton yang amat menggalakkan.

Walau bagaimanapun tidak mustahil atas saranan Yang Berhormat untuk kita sentiasa melihat keperluan untuk merubah masa apatah lagi jika Yang Berhormat balik awal daripada pukul 11.30 malam dan kita akan ubah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada dua perkara hampir sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kassim berkaitan tentang pentingnya media penyiaran khususnya RTM supaya memperbanyakkan siaran berkaitan budaya Melayu dan budaya negara ke arah menyemai rasa cinta kepada kebudayaan negara.

Sukacita saya maklumkan bahawa RTM memang sentiasa memupuk dan menggalakkan perkembangan seni dan budaya negara bagi program-program yang disiarkan melalui pelbagai pendekatan secara khusus atau diselitkan melalui rancangan sedia ada seperti *Selamat Pagi Malaysia*, *Anjung Budi*, *Salam Pantai Timur* dan rancangan hiburan khas termasuk semasa musim perayaan utama yang mana kebudayaan-kebudayaan kaum tertentu ditonjolkan. Sebagai contoh Pesta Gawai dan Pesta Kaamatan dan tentu sahaja kami bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia apatah lagi menteri ada di sini dan seorang yang cukup proaktif dan cukup ramai pelancong-pelancong baru masuk ke negara kita atas usaha peribadi beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin lagi agar diwujudkan kerjasama antarabangsa bagi pertukaran bahan-bahan budaya seperti filem dan tayangan. Ingin saya maklumkan bahawa keunikan budaya khususnya budaya Asia memang telah dapat dipaparkan melalui pembelian filem dari negara-negara berkenaan dan ditayangkan dari RTM yang juga terlibat dalam penerbitan bersama beberapa rancangan hiburan dengan stesen-stesen TV Indonesia, Brunei dan Singapura pada setiap tahun yang bukan sahaja memaparkan artis dari negara masing-masing tetapi juga turut menyelitkan persembahan kebudayaan, melibatkan produk-produk pelancongan dalam negara ini untuk dipaparkan melalui siaran media elektronik

negara berkenaan bagi menarik pelancong-pelancong dari negara berkenaan untuk terus datang ke Malaysia.

Ini tentunya juga mendapat restu daripada Menteri Pelancongan kita. RTM juga ada menghantar krew penerbitan untuk pergi ke negara-negara tertentu meninjau keunikan budaya sesuatu masyarakat yang disiarkan melalui rancangan Panorama atau melalui program pertukaran berita *Asia Visions*. RTM akan mempergiatkan lagi usaha sedemikian melalui rangkaian kerjasama yang sedia terjalin degan stesen-stesen penyiaran di peringkat antarabangsa.

Menyentuh cadangan Yang Berhormat Senator Ismail Kassim agar artis-artis yang terlibat dengan rancangan-rancangan terbitan RTM, yang perlu mematuhi garis panduan persembahan yang telah ditetapkan RTM, saya ingin memberi jaminan di Dewan yang mulia ini aspek-aspek pakaian, penampilan di khalayak ramai dan tatacara persembahan memang dipantau setiap kali persembahan dilakukan.

Cadangan Yang Berhormat yang cukup prihatin terhadap artis-artis ini terutama artis wanita agar diadakan kursus protokol di kalangan artis-artis agar mereka bijak berkomunikasi dan tahu tatacara menyebut nama jawatan, tetamu khas, VVIP sebagai contohnya memang amat dialu-alukan oleh Kementerian Penerangan. Namun kursus-kursus seperti itu perlulah dianjurkan juga oleh Persatuan Penyanyi-Pemuzik-Penulis Lagu Tanah Air atau PAPITA. Kita menyeru PAPITA juga mengadakan kursus untuk ahli-ahli mereka, kita menyeru juga karyawan dan seniman di mana salah seorang orang yang berada di garis hadapan seniman seperti Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin sendiri seharusnya lebih peka untuk mengadakan kursus-kursus protokol ini diadakan untuk ahli-ahli mereka.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Jins Shamsudin mengesyorkan supaya Kementerian Penerangan mengambil alih beberapa peranan yang bersesuaian dengannya dalam bidang tugas di kementerian yang lain khususnya berkaitan komunikasi. Memang kementerian mengakui terdapat beberapa tugas yang berkaitan dengan komunikasi yang diselaraskan oleh kementerian lain namun begitu Kementerian Penerangan pada masa ini tidak bercadang untuk mengambil alih peranan kementerian lain yang berkaitan dengan komunikasi kerana kami percaya bahawa keputusan yang telah diambil dan keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kuasa mutlak beliau, beliau telah fikirkan dengan semasak-masaknya dan oleh itu pihak kerajaan dalam meletakkan peranan atau bidang kuasa tertentu kepada kementerian-kementerian yang terlibat adalah bersesuaian dengan akta sedia ada serta keupayaan kementerian berkenaan dalam melaksanakan dasar kerajaan dalam bidang kuasanya sebagai sebuah agensi...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat laluan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat satu isu yang timbul di sini dan saya tidak pasti kepada kementerian mana yang perlu diajukan persoalan ini ialah keperluan mewujudkan media konsul ini. Pemimpin ataupun orang-orang politik kebiasaannya dia akan membawa masalah rakyat kepada media untuk disiarkan supaya dapat diselesaikan masalah ini dengan segera tetapi apabila media pula mengeluarkan cerita-cerita yang tidak tepat yang kadang-kadang menjatuhkan maruah seseorang pemimpin ataupun ahli politik. Maka ahli politik itu tidak ada media untuk membuat aduan sebenarnya apatah lagi kalau berita-berita itu tidak tepat.

Saya berharap kalau boleh Kementerian Penerangan dapat membawa isu ini iaitu tentang mewujudkan pekerja konsul ini iaitu di mana kita hendak mengadu sebenarnya jika sebenarnya TV ataupun surat khabar mengeluarkan berita-berita yang tidak tepat mengenai pembangunan yang berlaku di kawasan tertentu dan saya harap ini harus menjadi perhatian.

Yang kedua Yang Berhormat, saya sebenarnya minggu lepas bila mendengar taklimat Yang Berhormat Menteri Penerangan di Parlimen ini dan dia ada menyebut dia

kata mungkin sebab saya ini jarang menonton RTM. Saya ambil itu sebagai satu cabaranlah, jadi Tuan Yang di-Pertua dalam tempoh seminggu ini memang saya tengok RTM sahaja saya tidak tengok TV3 pun, baik Warta Berita pun saya tidak hendak.

Masa saya di rumah hari Jumaat itu saya letak dua TV di depan saya, hendak tengok ada perbezaan dari segi berita atau tidak dan saya dapati memang tidak ada banyak beza sebenarnya pun cuma waktu dia, mungkin waktu ini keluar dekat RTM, dua minit selepas itu keluar dalam TV3. Mungkin Tuan Yang di-Pertua masalahnya ialah hendak menukar *attitude* kita ini hendak berpindah daripada hendak menengok TV3 kepada RTM. Itu yang menjadi masalah sebenarnya. Kadang-kadang kita rasa rugi hendak tukar suis itu daripada TV3 kepada RTM kita rasa macam rugi tetapi sebenarnya bila dibiasakan boleh sebenarnya.

Dan saya bukanlah hendak memuji RTM pada hari ini, nanti dia rasa dia ini pula, tapi memang saya rasakan RTM banyak perubahan Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil contoh baru-baru ini saya menghadiri pertandingan Debat Komuniti Bestari peringkat akhir negeri Johor, saya tengok pendebatan itu menggunakan kaedah di dewan di parlimen kita, pendebat boleh mencelah, minta laluan, seperti di Parlimen dan cukup menarik dan saya tengok orang ramai menyaksikan itu adalah terhibur dan minda mereka terbuka. Saya rasa ini adalah pujian yang perlulah saya beri kepada Kementerian Penerangan, tetapi bukan hari ini sahaja hendak memuji, kalau hendak kena tegur, kena tegur juga. Tetapi tahniahlah kepada RTM. Terima kasih.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya berpendapat memang tidak ada perbezaan banyak di antara TV3 dan RTM, malah saya berpendapat kualiti di bawah menteri yang baru, timbalan menteri yang baru, kualiti RTM memang kira bertambah baik dan bertambah tinggi... [Tepuk]

Cuma pada pandangan saya, yang kalahnya RTM itu, ialah dari segi, sebagai contoh dari segi beritanya, pembaca berita itu sahaja. Menteri RTM *handsome*, Timbalan Menteri *handsome*, fasal apa tidak boleh ambil pembaca berita yang *handsome* macam Timbalan Menteri. Begitu juga dengan wanitanya. Sebab yang pentingnya RTM hendak menarik penonton, penonton hendak melihat sesuatu yang cantik, yang *handsome* itu yang dibuat oleh TV3. Jadi kalau RTM boleh buat macam itu, saya rasa Dr. Puad tidak akan teragak-agak untuk *switch* daripada TV3 ke RTM. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tersanjung dengan..., bukan saya secara peribadi, RTM, Kementerian Penerangan terasa tersanjung di atas lontaran pandangan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad dan juga Senator Tuan Haji Tajul Urus tadi terhadap keprihatinan mereka tentang wajah-wajah baru yang mewarnai RTM itu sendiri.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad menyarankan agar media *consult* ini diwujudkan bagi memantau tentang rasa ketidakpuasan hati ahli-ahli politik terutamanya Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara yang apabila kampung mereka atau kawasan mereka dipaparkan yang begitu bobrok bentuknya, saya terjemahkan begitu buruk bentuknya... yang faham Menteri Pelancongan sebab isterinya orang Indonesia. Kebobrokan ini digambarkan seolah-olah wakil rakyat, terutamanya wakil rakyat yang mempunyai kawasan. Ahli Dewan Rakyat dan insya-Allah Ahli Dewan Negara satu hari juga akan ada kawasan, tentu merasa terpalit kesedihan di atas institusi kewakil rakyat itu tercalar disebabkan laporan yang tidak tepat Tuan Yang di-Pertua.

Oleh yang demikian, MCMC, dengan izin, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia adalah merupakan sebuah badan yang harus digunakan untuk semua ahli politik menyalurkan ketidakpuasan hati ini kepada MCMC untuk memberikan teguran kepada stesen TV berkenaan yang tidak memaparkan sesuatu yang benar dan *factual*. Pada hemat saya, tiba masanya kita sebagai golongan yang terdidik dan berpelajaran untuk berada di barisan hadapan bagi membanteras berita-berita yang tidak berdasarkan kepada fakta tetapi berdasarkan kepada sensasi yang menggamit agar penonton berada di hadapan TV melalui stesen berkenaan semata-mata untuk meraih banyak pendapatan bagi memberikan keberuntungan. Tidak ada tanggungjawab sosial yang mahu disebarluaskan kepada penonton-penonton.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan tahniah kerana pada hemat saya bukan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad seorang sahaja yang mempunyai dua TV di depan sekali bila ada rancangan berita, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus dan mungkin Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin juga, dan membuat perbandingan, *comparative study*, dengan izin. Adakah TV yang satu lagi bagus atau RTM, jelas bahawa RTM bagus isi kandungannya, tetapi saya tidak dapat memastikan setiap pembaca berita itu, sama ada lelaki atau perempuan, *handsome* atau lawa, kerana ini terlalu subjektif Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya itu sudah cantik, bagi Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus itu tidak cantik, kerana selernya berbeza kerana beliau dekat dengan sempadan negeri Utara, jadi selernya berbeza, agaknya begitu.

Akan tetapi kalau itu satu saranan yang baik, maka insya-Allah kita akan berbincang dengan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus atau pun Yang Berhormat Dato' Musa di sebelah beliau itu yang mempunyai selera Pulau Pinang untuk kita ketengahkan bagi memaparkan pembaca-pembaca berita yang agaknya boleh menggamit lebih ramai penonton-penonton untuk bukan sahaja sebagai pembaca tetapi mereka harus terlibat di lapangan, mencari berita supaya ada semacam penghayatan sewaktu membaca berita kerana mereka telah berada di lapangan.

Kami tidak mahu mereka ini seperti burung tekukur yang membaca berita tetapi mereka tidak ke lapangan dan tidak tahu apa yang dibacanya. Sebab itu perubahan-perubahan ini diadakan dari semasa ke semasa kerana Yang Berhormat Menteri Penerangan yang baru seorang yang ahli profesional dalam bidang kewartawanan dan beliau tahu apa yang beliau lakukan, dan saya sebagai orang nombor dua beliau akan sentiasa menyokong bagi menentukan bahawa kehendak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dan seluruh rakyat dapat dipenuhi dengan sebaik-baiknya. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mula diam, tetapi Yang Berhormat sebut nama, saya kena bangun. Tadi penjelasan Yang Berhormat tentang TV3, TV swasta inilah dan RTM, saya hendak tanya satu soalan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat ini sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Penerangan, pemimpin pelapislah di negara kita ini, orang muda. Apa pandangan Yang Berhormat, ada syarikat yang ada beberapa televisyen swasta dan juga mempunyai akhbar-akbar. Bukankah ini boleh mencemarkan atau pun menjatuhkan kadang-kadang, kalaulah mereka ini ada agenda tersendiri boleh menjatuhkan sebuah negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa menyebutkan tentang teori lanjutan komunikasi dengan izin, *advance communication theory* di mana agenda media dan agenda penentu, media agenda dan juga *framing* diaplikasikan di dalam pelaksanaan agenda media bagi menterjemahkan sesuatu wawasan oleh, dengan izin, *media practices* atau pun pengamal-pengamal media.

Saya tanpa mahu menyebut mana-mana syarikat yang terlibat, sebenarnya mereka juga mempunyai pertanggungjawaban yang begitu tinggi bagi meletakkan kepentingan negara di atas daripada kepentingan-kepentingan yang lain, tetapi mungkin kadang-kadang kerana mahu menarik penonton yang lebih ramai, mahu mencari pembaca yang lebih ramai, jadi dengan pendekatan kewartawanan mereka mencari berita-berita yang sensasi, bagi menentukan lebih banyak iklan yang diperoleh kerana *survivor* mereka, kelangsungan hidup mereka hanya semata-mata berlandaskan kepada iklan. Iklan hanya datang apabila pembaca atau penonton ramai. Bagi menarik penonton ramai, pembaca yang ramai mereka harus bersikap lain daripada media yang menjadi pesaing-pesaing mereka, dan inilah sikap yang diutamakan.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Musa pertanggungjawaban bagi menentukan negara kita dan agenda negara diterjemahkan harus diberikan keutamaan. Begitu juga agenda untuk menyelesaikan permasalahan sosial harus didahulukan daripada kepentingan-kepentingan yang lain agar negara kita terus mencapai kejayaan dalam pengisian kemerdekaan negara.

Pada waktu yang sama keberuntungan syarikat menjadi agenda untuk diterjemahkan pada keseluruhannya. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini yang telah berminat untuk menyuarakan dan melontarkan beberapa saranan dan celahan-celahan yang telah diberikan dan dengan tidak mahu mengambil masa kerana rakan saya Menteri Pelancongan tidak sabar-sabar untuk menggulung maka Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk menamatkan ucapan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun memberi ucapan yang begitu menarik. Seterusnya Kementerian Wilayah Persekutuan. Silakan Yang Berhormat.

**7.00 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara dalam bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya akan memperjelaskan empat perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid mencadangkan agar DBKL membuat garis panduan mengenai nama-nama tempat seperti pusat membeli-belah, sekolah, universiti-universiti atau jalan-jalan akan menggunakan Bahasa Melayu dan turut mencadangkan agar DBKL menukarkan nama-nama tempat seperti pusat membeli-belah, sekolah dan universiti ditukar ke Bahasa Melayu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL memang mempunyai garis panduan mengenai penamaan nama-nama bangunan dan tempat seperti yang dinyatakan dalam Perintah Pembangunan yang dikeluarkan kepada pemaju semasa menimbang nama yang dikemukakan oleh pemaju. DBKL mengambil kira kriteria-kriteria seperti dalam tersebut perintah berkaitan di mana antara kriterianya adalah seperti berikut:

- (i) menggunakan Bahasa Melayu;
- (ii) nama yang dicadangkan belum diguna untuk mana-mana taman perumahan, bangunan dalam kawasan Kuala Lumpur; dan
- (iii) pemilihan nama hendaklah berasaskan kepada sejarah tempatan dan juga kesesuaian dengan nama-nama taman sedia ada.

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu terdapat keperluan untuk menamakan bangunan-bangunan tertentu bagi menggunakan bahasa asing untuk tujuan pasaran hartanah dan pelaburan antarabangsa, komersial dan juga pelancongan. Selain daripada itu, terdapat bangunan-bangunan yang melibatkan nama-nama syarikat antarabangsa yang memerlukan penggunaan nama-nama mereka digunakan. Sebagai contoh, *Sheraton Imperial, Crown Princess, Carrefour* dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bangunan-bangunan atau kompleks sedia ada seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat iaitu *Lot 10, Ampang Point, KLCC* dan *Sungei Wang*. DBKL tidak mempunyai kuasa dari aspek undang-undang untuk mengarahkan tuan empunya menukar nama-nama berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid juga membangkitkan isu pusat-pusat hiburan dalam Kuala Lumpur seperti kelab malam, disko, karaoke yang dangdut yang mana terdapat ramai gadis Melayu bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dan ini menimbulkan masalah gejala sosial dan beliau menyeru supaya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), DBKL dan agensi penguatkuasaan yang lain mengambil tindakan untuk membendung masalah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992 dan Kaedah-Kaedah Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1993 adalah untuk mengawal pengeluaran lesen bagi aktiviti hiburan di tempat-tempat hiburan. Buat masa kini, tiada peruntukan undang-undang mengenai gadis Melayu bekerja di

tempat-tempat tersebut. Walau bagaimanapun, DBKL mengambil tindakan dengan kerjasama JAWI dan agensi-agensi penguatkuasa lain yang mempunyai kuasa untuk bertindak dalam bidang masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid juga memohon maklumat mengenai keputusan *retreat* hiburan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan beberapa bulan yang lepas. Beliau ingin mengetahui tindakan selanjutnya untuk mengemas kini dasar tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Retreat* Penggubalan Dasar Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan pada 19 hingga 21 Februari 2006 bertujuan untuk mengkaji dasar dan garis panduan hiburan yang sedia ada.

Buat masa kini Kementerian sedang menyediakan draf pindaan dasar dan juga undang-undang berkaitan untuk mengeluarkan satu garis panduan yang komprehensif untuk penelitian secara terperinci bagi membolehkan satu dasar baru dikeluarkan. Isu-isu yang dikenal pasti dalam *retreat* yang mana Kementerian perlu mengambil kajian secara terperinci adalah mengenai penempatan semula pusat hiburan dan kategori-kategorinya, tempoh masa beroperasi, syarat-syarat pelesenan dan juga peruntukan Undang-undang Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992 dan Kaedah-Kaedah Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1993 yang perlu dipinda bagi mengharmonikan dengan dasar yang hendak dirangka. Dengan ada dasar dan garis panduan yang komprehensif ini, maka ianya akan dapat memastikan pembangunan industri hiburan boleh beroperasi secara terancang dengan mematuhi semua aspek undang-undang yang meliputi kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Jins Shamsudin menggesa agar pihak kerajaan mewujudkan bandar hijau terutama di Kuala Lumpur untuk meningkatkan kualiti hidup di samping memelihara alam sekitar. ‘

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya DBKL memulakan program penghijauan sejak tahun 1973 dengan matlamat asal pengindahan adalah dengan konsep, “*No Road Without Tree*”, dengan izin, serta aspek pengindahan bandar dengan tanaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 1996, DBKL telah menanam lebih daripada 500 ribu pokok dengan pelbagai jenis pokok rendah yang kebanyakannya jenis teduhan dan pokok-pokok yang boleh menampun bunyi bising, habuk dan sebagainya.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan pula, DBKL telah menanam melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 220 ribu pokok bagi tempoh lima tahun. Bagi menjadikan Bandar Raya Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Taman Tropika Lestari pada tahun 2020, DBKL telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 1 juta pokok dapat ditanam pada tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kesinambungan...

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Dr. Jins Shamsudin.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca dalam akhbar baru-baru ini bahawa ada pengumuman telah dibuat, ada satu kawasan di Kuala Lumpur akan dikorbankan kawasan hijaunya, akan dikorbankan untuk pembangunan. Apakah projek itu diteruskan ataupun tidak? Terima kasih.

**Tuan Yew Teong Look:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kalau tidak silap saya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat ialah tentang kawasan Bukit Gasing. Tentang isu ini, sebenarnya pihak Kementerian dan juga DBKL telah mengambil kira semua faktor-faktor tentang pembangunan Bukit Gasing dan satu keputusan telah pun dibuat iaitu keluasan kawasan Bukit Gasing ialah 275 ekar di mana 142 ekar sahaja akan dibangunkan, manakala 133 ekar iaitu 48% telah diperuntukkan untuk menjadi kawasan hijau supaya kepentingan penduduk-penduduk tempatan dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, kesinambungan daripada program yang dinyatakan di atas, DBKL telah menyediakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang merupakan rangka tindakan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia termasuklah penyediaan dasar mengenai memelihara kawasan hijau dan alam sekitar untuk meningkatkan persekitaran hidup kepada warga kota.

Dengan itu, itu sahajalah yang saya dapat jawab bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dan akhir sekali, Kementerian Pelancongan. Sebelum daripada itu Dewan Negara ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri yang hadir sendiri walaupun lewat... [*Tepuk*] ...Untuk menggulung pada petang ini.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**7.10 ptg.**

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negara yang telah bersama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai kementerian dan memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna kepada usaha-usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu telah mencadangkan agar Melaka dipromosikan untuk menarik lebih ramai kedatangan pelancong asing ke dalam negara dan menggesa agar Kementerian Pelancongan berusaha meningkatkan dan mengindahkan persekitaran kawasan pelancongan yang terdapat di Melaka.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat di atas pandangan yang diberikan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pelbagai kemudahan pelancongan telah disediakan bagi memastikan keselesaan pelancong yang berkunjung ke Melaka. Projek seperti Kompleks Medan Portugis di Ujung Pasir adalah salah satu contoh projek di bawah Kementerian di mana ia diharap dapat memberi keselesaan kepada para pengunjung sambil menikmati tinggalan sejarah di negeri.

Selain itu, kerja-kerja penambakan laut, pembaikan infrastruktur sedia ada seperti longkang, parit monsun dan daratan Portugis juga telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian, sejajar dengan matlamat untuk menjadikan Melaka dan Malaysia amnya sebagai destinasi yang unggul dan menarik untuk dikunjungi. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian melalui Kerajaan Negeri Melaka akan meningkatkan lagi kemudahan pelancongan di pusat-pusat sejarah serta menjalankan kerja-kerja membaik pulih kawasan pelancongan seperti Perigi Hang Tuah dan kawasan hutan A' Famosa, Majlis Bandar raya Melaka Bandar raya Bersejarah akan bertindak sebagai agensi pelaksana di dalam melaksanakan hal ini.

Di samping itu, Kementerian juga berhasrat untuk meningkatkan kemudahan pelancongan lain yang terdapat di Melaka seperti menaikkan taraf Kolam Air Panas Gadek di Alor Gajah, menaikkan taraf Zoo Melaka di Ayer Keroh, dan pembinaan kompleks gerai ikan bakar di kawasan yang sering dikunjungi para pelancong. Untuk makluman ahli Dewan yang mulia ini, usaha-usaha kerja pembaikan dan pemuliharaan bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di Melaka adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan akan sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang padu dalam usaha memelihara bangunan-bangunan bersejarah di negara kita memandangkan ianya merupakan aset yang amat berharga bagi mempromosikan industri pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Hiang A Li mengesyorkan agar Kementerian Pelancongan memajukan tempat-tempat yang cantik dan menarik di Malaysia agar dapat menarik lebih ramai pelancong dan juga turut mencadangkan bagi menjadikan

Bandar Temerloh sebagai tempat menaiki bot bagi pelancong yang hendak ke Taman Negara dan mencadangkan agar pelancong melawat Gunung Senyum sebelum ke Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa merancang untuk memajukan tempat-tempat yang menarik di Malaysia bagi menggalakkan pertumbuhan pelancongan domestik serta memberi peluang kepada pelancong-pelancong asing untuk mendalami dan menikmati keunikan serta kemeriahan pelbagai budaya di negara ini selaras dengan slogan Kementerian "Berkarnival, berfestival dan kemeriahan sepanjang tahun".

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan pelancongan di Negeri Pahang akan dipesatkan lagi. Bagi projek eko-pelancongan, Hutan Lipur Gunung Senyum di Temerloh dijangka akan dibangunkan. Ini meliputi penyediaan tapak-tapak perkhemahan, pondok-pondok rehat, pembinaan asrama tambahan dan sebagainya. Jalan-jalan raya juga akan dinaiktarafkan bagi memudahkan para pelancong untuk berkunjung ke Gunung Senyum. Kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada juga akan di selenggara dan dinaiktarafkan untuk memberikan keselesaan kepada para pelancong yang datang ke Gunung Senyum.

Selain itu, kerja-kerja menaik taraf kemudahan di *Esplanade Temerloh Waterfront* juga akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati mencadangkan pihak Kementerian Pelancongan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan bagi memajukan *health tourism*, dengan izin, dengan menjadikan kesihatan dan kecantikan sebagai medium bagi menarik pelancong. Ini kerana kos perubatan di Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan beberapa negara luar lain. Beliau turut mencadangkan Pelabuhan Klang dijadikan destinasi lawatan bagi pelancong-pelancong *Star Cruise* sebelum menaiki bas ke destinasi seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sememangnya sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam memajukan sektor *health tourism* dengan izin. Tidak hanya melibatkan Kementerian Kesihatan, kementerian ini melalui agensinya, *Tourism Malaysia* juga sering bekerjasama dengan Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan MATRADE bagi mempromosikan rawatan perubatan terutamanya yang berkaitan dengan penyakit jantung, kanser dan pakej pemeriksaan dengan izin, *health screening* yang sememangnya lebih rendah kosnya jika dibandingkan dengan beberapa negara lain. Bagi memastikan keberkesanan aktiviti ini, seminar dan sesi perbincangan semasa di *Travel mart*, dengan izin juga, telah diadakan bagi menemukan pentadbir hospital swasta, pengusaha pusat kesihatan dan ejen-ejen pelancongan dari dalam dan luar negara. Promosi melalui dengan izin, *road show* dan pameran juga diadakan bagi menjayakan sektor dengan izin *health tourism* ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Klang merupakan pintu masuk menerusi jalan laut yang utama di negeri Selangor dan terdapat sebuah terminal feri yang disediakan bagi memberi kemudahan kepada perkhidmatan *Star Cruise* menurunkan pelancong. Kementerian menyambut baik cadangan yang dikemukakan untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, para pelancong juga boleh melawat ke tempat-tempat pelancongan dan rekreasi yang terdapat di kawasan yang berhampiran dengan Pelabuhan Klang seperti restoran-restoran makanan laut, pantai rekreasi dan jeti yang menyambung Tanah Besar dengan Pulau Lumut.

Terdapat juga produk-produk lain yang boleh ditawarkan kepada para pelancong *Star Cruise* yang berdekatan dengan Pelabuhan Klang seperti Little India, Kota Raja Mahadi, Istana Alam Shah dan Tokong Kuan Yin. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat, boleh tunggu sekejap?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiga Yang Berhormat bangun.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih. Saya yang pertama sekali ingin mengucapkan terima kasih di atas kesabaran Yang Berhormat menunggu daripada pukul 3.30 petang, pukul 7.15 baru dapat jawab... [Tepuk]

Yang pertama sekali, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat mengenai kehadiran pelancong-pelancong Arab. Kita sangat berbangga kerana kehadiran mereka menaikkan pendapatan atau hasil negara kerana mereka datang membawa duit yang begitu banyak.

Saya difahamkan tadi mereka boleh beli jam yang bernilai RM500 ribu di Kuala Lumpur. Itu sungguh hebat. Yang keduanya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, oleh kerana kita hendak menarik lagi ramai pelancong Arab ini, Dewan Bandar raya Kuala Lumpur dan Kementerian Pelancongan telah mengadakan satu tempat, tadi telah disebutkan. Tempat di belakang Jalan Sultan Ismail yang diberi nama "Ain-Arabiah". Nama sedapnya, tetapi apa yang menjadi masalah, tempat itu telah menjadi gajah putih. Di mana pelancong-pelancong Arab tidak suka pergi ke situ untuk melepak kerana konsepnya tidak betul. Sebenarnya mereka berkehendakkan sebuah bazar.

Kalau boleh Yang Berhormat mengkaji perkara ini kerana mereka lebih suka pergi ke sebelah hadapan, ada Restoran Sahara Tent, dan juga Hotel Fortuna yang menyediakan makanan-makanan Arab daripada pergi melepak di tanah lapang yang ada ketul batu-ketul batu tidak bermakna kepada mereka. Mereka hendak satu kawasan yang lebih merupakan bazar ala Arab. Apakah Kementerian tidak mengkaji dan Dewan Bandar raya tidak mengkaji? Kita telah mensia-siakan duit yang begitu banyak. Yang Berhormat tolong jawab, kalau boleh saya hendak jawapan yang tepat. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan Yang Berhormat Senator Haji Rizuan, kawan saya. Sebenarnya, kehadiran pelancong daripada Arab, telah pun hadir ke negara kita sebabnya apabila mereka tidak ada tempat yang selalunya mereka pergi selepas masalah 9/11, dengan izin.

Malaysia menjadi tempat tumpuan pelancong daripada Arab selain daripada Thailand, Indonesia dan juga Singapura. Mereka berminat datang ke negara kita oleh sebab negara kita khususnya Bandaraya Kuala Lumpur merupakan satu kota raya yang bersih, indah dan cantik. Kita telah pun membuat satu lagi promosi baru-baru ini apabila kita adakan satu dengan izin, *pavilion* ataupun menyediakan satu tempat di mana dengan izin, *buyers meeting sellers* di Dubai dan kita dapat lihat bahawa apabila pertemuan antara penjual dan pembeli, *packages* dengan izin, diharap *travel mart* di Dubai baru-baru ini kelihatan bahawa jumlah kehadiran pada tahun ini akan lebih meningkat. Kita perlu kepada pelancong Arab seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi.

Yang pertama dia suka berbelanja. Yang kedua apabila mereka datang ke negara kita, mereka selalu datang dengan berkeluarga dan mereka selalu berkeluarga dan tinggal dengan lebih lama. Kita perlu kepada pelancong yang datang, yang duduk lebih lama dalam negara kita supaya dia akan menolong menjanakan ekonomi sampingan selain daripada ekonomi negara yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, "Ain-Arabiah" yang sebenarnya bukan satu gajah putih. Ini kerana, sebenarnya selepas saya menjadi Menteri, tiga hari tidak silap saya, saya jadi Menteri, saya telah dipanggil oleh tuan punya Sahara Tent. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sahara Tent juga terpaksa berpindah pada akhir tahun ini oleh kerana Hotel Fortuna itu akan dirobohkan untuk melakukan satu pembangunan yang baru dalam kawasan tersebut. Saya sedang berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Yang Berbahagia Datuk Bandar untuk mengubahkan Restoran Sahara Tent ini termasuk dengan "Ain-Arabiah" ini kepada satu tempat yang lain seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Kita sedia maklum bahawa keperluan-keperluan yang diperlukan oleh orang-orang Arab yang datang ke negara kita. Yang pertama, mereka selesa ataupun tidak sangsi terhadap apa yang mereka akan dapat dalam segi makanan dan juga dalam segi tempat-tempat yang mereka ingin pergi beriadah. Mereka amat suka untuk beriadah di kawasan taman tema air dan juga kawasan bukit *eco-tourism*.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kami sedang berbincang dan insya-Allah, jika diberi satu bidang tanah oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, satu bazar khusus untuk orang-orang Arab ini akan dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat lama tidak pergi, barangkali Yang Berhormat pergi ketika pembukaan, saya sarankan Yang Berhormat pergilah melihat semula tempat tersebut. Selain daripada Restoran Sahara Tent dalam kawasan tersebut, kawasan tersebut juga mempunyai tempat gunting rambut orang Arab, tempat orang Arab hisap *shisya* dan *supermarket* Arab, *travel agent* Arab dan pelbagai lagi telah dibuka dalam kawasan tersebut.

Kita juga sedang memandangkan perkara ini dengan mendalam kerana pada pandangan Kementerian Pelancongan dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan, bahawa tempat-tempat yang sebegini mesti disediakan. Yang sebenarnya kita juga sedang melihat masalah-masalah lain berkenaan dengan pelancong-pelancong lain yang hadir ke negara kita ini yang ingin mencari tempat-tempat yang tertentu untuk keperluan mereka. Kita juga sedang mempelajari dan mengkaji kehendak-kehendak pelancong-pelancong yang tertentu yang hadir ke dalam negara kita.

Umpamanya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau pelancong yang datang daripada negara Jepun, mereka suka berkelompok, begitu juga dengan negara China. Begitu juga dengan orang-orang Arab, tetapi kalau pelancong-pelancong yang datang daripada negara Eropah, dengan izin, barangkali *they are more adventurous*, maka mereka akan pergi dengan bersendirian. Tidak ada dengan satu kelompok. Pelancong-pelancong yang datang dari negara Jepun, negara China dan juga negara Arab ini juga memerlukan makanan dan cara-cara yang mereka dapat dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua perkara sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk pendahuluan saya ucapkan syabas dan tahniahlah kepada Menteri Pelancongan kerana dalam waktu yang singkat telah menceriaikan kembali Kementerian Pelancongan, yang setahun yang lalu agak muram.

Perkara yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu isu paparan oleh pihak media cetak dan media elektronik dari segi insiden-insiden jenayah, kemalangan jalan raya yang begitu tinggi, penculikan yang berlaku dan ini adakah menjejaskan dari segi imej negara, seolah-olah menakutkan pelancong asing hendak datang. Apa pandangan Yang Berhormat untuk wujudkan satu keseimbangan antara laporan media agar laporan-laporan positif dipaparkan. Yang kedua...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua Yang Berhormat Datuk Seri Menteri, tentang tempat-tempat pelancong di *Klang Valley*. Saya hendak tumpu tiga *area* yang sempat saya pergi minggu lalu iaitu Zoo Negara, yang kedua taman burung yang bersebelahan dengan Masjid Negara dan yang ketiga, Istana Negara. Yang saya lihat fokus yang pertama di Zoo Negara. Saya juga pergi sebelah waktu malam. Apakah pandangan Yang Berhormat Datuk Menteri tentang rancangan jangka panjang kerana Zoo Negara ini telah dikelilingi oleh kota, ngauman singa, gajah memang menakutkan jiran-jiran yang memang sebelah dengan Zoo Negara. Apakah perancangan untuk memindahkan? Itu yang pertama.

Yang kedua Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, taman burung. Saya sempat melawat taman burung. Memang tempatnya begitu strategik, cukup baik. Yang sedihnya, *maintenance* nya tidak dijaga dengan rapi. Tetamu pelancong lebih ramai daripada burung... [Ketawa] Jadi saya cadangkan burung itu ditambah sekiranya mungkin antara 5,000 hingga 7,000 ekor... [Ketawa] Yang ketiga, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, hampir waktu maghrib. Istana Negara, saya lihat memang berpuluh-puluh bas Tuan Yang di-Pertua, bertumpu di pengawal yang berkuda di depan pintu Istana Negara. Saya lihat jangka panjang, kemungkinan diubahsuaikan sedikit, sama ada pengawal-pengawal kuda itu dimasukkan lebih dalam kawasannya agar keselamatan pelancong lebih terjamin. Itu sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Seri Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad yang telah menyoal ataupun menanyakan berkenaan dengan satu paparan media cetak dan media elektronik berkenaan dengan masalah-masalah yang wujud dalam negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ia memberi satu penjejasan, memberi jejas kepada kehadiran pelancong di negara kita. Itulah selalunya yang kita minta khususnya kepada rakyat Malaysia, bahawa mereka dengan izin, *to think tourism*. Ini kerana, pelancongan ataupun *tourism* ini merupakan satu industri yang lumayan, khususnya sekarang *tourism* adalah memberi pulangan yang kedua tertinggi dari segi penukaran mata wang asing kepada negara.

Tugas kementerian *Tourism* Malaysia ialah untuk mempromosikan negara. Kerajaan membelanjakan beratusan juta ringgit sebenarnya pada tiap-tiap tahun untuk mempromosikan negara ini, tetapi oleh kerana ada segelintir rakyat Malaysia yang melakukan perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi maka ia akan menjejaskan negara. Ia juga merupakan satu tugas kepada kementerian saya dan *Tourism* Malaysia untuk memaklumkan perkara-perkara ini terjadi oleh sebab-sebab ini. Dan kita mempunyai lebih kurang 30 pejabat di seluruh dunia.

Selalunya apa yang berlaku dalam negara ini kita akan menyebarkan kepada maklumat-maklumat ini kepada mereka apakah yang sebenarnya berlaku tetapi malangnya media cetak luar negara juga sebenarnya telah menulis perkara-perkara negatif terhadap negara kita khususnya kalau Yang Berhormat lihat di *the New Straits Times* Singapura, *across the cause way*. Tiap-tiap hari ada cerita-cerita negatif terhadap negara kita.

Saya mohon khususnya kepada rakyat kita dan sesiapa sahaja yang tahu bahawa perkara-perkara yang tidak baik ini akan berlaku supaya mereka juga menolong pihak berkuasa untuk mencegah perkara-perkara yang akan berlaku kerana ini adalah masalah manusia. Pihak kami tidak ada kuasa ataupun tidak ada cara untuk menghindarkan masalah-masalah yang berlaku.

Sebagaimana yang kita sedia maklum dunia sekarang ini adalah dunia yang begitu dengan izin, *competitive* Tuan Yang di-Pertua, maka tiap-tiap negara akan cuba untuk menceritakan perkara-perkara yang negatif terhadap negara-negara yang lain supaya dia akan menerima pelancong daripada negara yang mereka ceritakan tentang masalah-masalah yang wujud dalam negara tersebut. Walau bagaimanapun *Tourism* Malaysia selalu membawa media-media asing untuk datang ke negara kita untuk sendiri melihat apa yang ada di dalam negara kita dan apa yang sebenarnya keadaan negara kita ini. Jadi dengan adanya media-media yang dipanggil *familiarization tour* ini, mereka akan balik ke negeri mereka untuk menulis kebaikan Malaysia sebagai satu destinasi yang unggul.

Berkenaan dengan Zoo Negara, Taman Burung, Istana Negara, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat bahawa kementerian saya hanya melakukan promosi, ini masalah. *Malaysia Airlines System* bukan dalam penjagaan Kementerian Pelancongan. Zoo Negara bukan dalam jagaan Kementerian Pelancongan. Taman Burung bukan dalam jagaan Kementerian Pelancongan. Istana Negara juga bukan dalam jagaan Kementerian Pelancongan tetapi tempat-tempat ini yang kami promosikan dan ini yang memberi masalah yang ketara bagi kami.

Akan tetapi kaedah yang telah diambil semenjak saya menjadi Menteri di Kementerian Pelancongan ini, saya telah minta supaya kita dan pegawai-pegawai di Kementerian Pelancongan dan juga *Tourism* Malaysia bekerja rapat dengan semua majlis-majlis daerah kerana produk-produk pelancongan ini ada dalam kawasan-kawasan majlis daerah. Umpamanya Taman Burung dijaga oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Istana Negara dijaga oleh Jabatan Protokol kepada Jabatan Perdana Menteri, Zoo Negara dijaga oleh majlis daerah tidak silap saya, Ampang Jaya.

Ini yang sedang kita rangka bagaimana kita hendak mengatasi masalah -masalah yang telah Yang Berhormat bangkitkan. Kita sedang melihat masalah-masalah yang ketara sebenarnya kerana khususnya apabila kita mengadakan program-program *homestay*, di mana kawasan-kawasan *homestay* ini selalunya mempunyai tempat-tempat tarikan yang indah. Sungai yang indah, air terjun yang indah tetapi selepas *homestay* telah dibangunkan,

sungai kadangkala tidak jadi indah, air terjun sudah jadi tidak terjun. Ini masalah yang sedang dihadapi oleh kementerian. Kita sedang berbincang dengan majlis-majlis daerah negeri-negeri untuk kita mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Insyaa-Allah bagi Istana Negara, tidak lama lagi kita akan mendapat Istana Negara yang baru. Apabila Istana Negara yang baru yang akan dibina di Jalan Duta tersebut maka masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak akan berulang kembali kerana salah satu daya penarikan pelancong dalam ke negara kita ialah oleh kerana kita mempunyai raja. Dia hendak melihat khususnya pelancong-pelancong daripada China, dia ingin melihat bahawa sebuah negara walaupun raja kita mempunyai sistem raja berperlembagaan tetapi mereka juga ingin lihat bahawa apakah sebuah negara yang mempunyai raja ini melaksanakan kerajaan mereka. Jadi ini yang mereka ingin lihat sebab itulah sebab ratusan bas tiap-tiap pagi yang ada di Istana Negara kerana kita juga mempromosikan Istana Negara untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia ini yang telah bersama-sama memberikan sumbangan yang positif dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dalam membangunkan industri pelancongan negara. Segala teguran, cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan membantu kementerian dalam mencapai visi kementerian menjadikan Malaysia sebuah negara pelancongan yang terunggul dan menarik untuk dikunjungi dengan izin, *Malaysia truly Asia, Malaysia welcomes the world*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang jatuh kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menggulung perbahasan keseluruhannya, dipersilakan Yang Berhormat.

**7.36 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan dan telah menyentuh perkara-perkara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** ...Yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai segala pandangan, teguran, saranan dan cadangan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab isu-isu dan persoalan yang telah ditimbulkan. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Antara isu agama yang telah dibangkitkan ialah Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor telah membangkitkan iaitu supaya JAKIM memberi peruntukan khas dalam tugas dakwah di kawasan-kawasan pedalaman selain memberi kemudahan-kemudahan pengangkutan logistik dan sebagainya.

Jika apa yang dimaksudkan dengan kawasan pedalaman itu adalah kawasan Orang Asli. Kerajaan melalui agensi JAKIM telah menyediakan pegawai penggerak masyarakat bagi Orang Asli untuk membuat tugas sebagai ejen pembangunan di samping menyediakan peruntukan-peruntukan khusus seperti kemudahan logistik, pengangkutan dan sebagainya. Di samping itu tugas ini turut dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri melalui peruntukan-peruntukan negeri masing-masing.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid telah menimbulkan iaitu mencadangkan supaya Majlis Agama Islam yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada masa ini dipindahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana ia lebih berkaitan dan khusus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan terhadap kekeliruan sedikit kekeliruan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan sebenarnya

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan tidak terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi ianya merupakan satu badan yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen iaitu seksyen 4, Akta 505 yang memperuntukkan, "maka hendaklah ada satu badan dikenali sebagai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam".

Pada kebiasaannya menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal Islam akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Cadangan daripada Yang Berhormat itu memerlukan suatu akta lain yang memberi kuasa kepada Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Persekutuan diletakkan di bawah mana-mana kementerian. Sekarang ini ianya satu badan tersendiri tidak di bawah Jabatan Perdana Menteri cuma timbul kesamaran sedikit saya rasa kerana orang yang sama menjadi menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga urusan agama dan juga menjadi Pengerusi Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan juga telah menimbulkan bahawa pentadbiran agama Islam Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri, iaitu isu yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Senator Yang Berhormat, banyak terdapat masalah kekurangan imam-imam bertauliah di masjid-masjid Wilayah Persekutuan. Sehubungan dengan itu, beliau menggesa sekali lagi agar Majlis ini dikembalikan di bawah pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan dan bukan Jabatan Perdana Menteri. Nampak begitu beria-ia benar Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan hendak tarik yang mana jabatan ini kepada Wilayah Persekutuan. Sebab dulu pun dia orang kuat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan persoalan kepada Yang Berhormat mengenai kenyataan bahawa terdapat banyak masalah kekurangan imam-imam bertauliah di masjid-masjid Wilayah Persekutuan. Ia menimbulkan satu persoalan sama ada kenyataan itu berdasarkan kepada statistik ataupun satu tanggapan sahaja. Justeru tidak dinyatakan dengan jelas adakah wajar sekiranya maklumat yang lebih jelas diperolehi berhubung kenyataan tersebut kerana ia boleh menjejaskan persepsi masyarakat terhadap pengurusan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengurusan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah satu model pengurusan organisasi Islam terbaik di negara ini. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mempunyai Pusat Pungutan Zakat (PPZ) yang terbaik kerana berjaya mengumpulkan pungutan zakat antara yang tertinggi di Malaysia iaitu RM126 juta. Dulu yang paling baik. Sekarang ini Selangor telah mendahului sedikit iaitu angkanya RM130 juta.

Begitu juga dengan kejayaan-kejayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menaikkan taraf daripada pusat rawatan Islam yang biasa kepada hospital PUSRAWI, (Pusat Rawatan Islam) menjadi hospital penuh. Dia juga mentadbir beberapa institusi yang saya rasa terkehadapan jika dibandingkan dengan majlis-majlis agama Islam lain. Kita ada IPB (Institut Profesional Baitulmal), untuk memberi peluang kepada anak-anak kita iaitu untuk mempelajari ataupun mengikuti kursus-kursus profesional seperti undang-undang, perakaunan dan juga lain-lain. Selain daripada itu kita juga telah menyediakan seperti IKB (Institut Kemahiran Baitulmal) iaitu untuk memberi peluang-peluang kemahiran kepada orang-orang Islam iaitu terutamanya di Wilayah Persekutuan.

Selain daripada itu menyediakan biasiswa, dermasiswa kepada para pelajar yang memerlukan dan banyak lagi. Walau bagaimanapun organisasi sebesar ini mempunyai beberapa kelemahan dan kekurangan, kita mengakui ada kekurangan-kekurangan yang boleh dipertingkatkan, yang boleh dibaiki lagi. Yang saya rasa tidak dapat dielakkan. Maknanya sebuah organisasi begini. Sukacita saya nyatakan di sini, di Dewan yang mulia ini bahawa masalah kekurangan imam-imam di Wilayah Persekutuan tidaklah begitu kritikal dan pada hemat saya imam-imam qariah di wilayah ini telah mencukupi kerana baru-baru ini satu skim yang telah disebut, yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu setiap masjid qariah, setiap masjid mukim diberi elaun tetap RM450 sebulan termasuk Wilayah Persekutuan. Cuma mungkin apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, iaitu imam-imam yang bergaji penuh. Iaitu imam-imam kerajaan, saya rasa.

Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan juga telah menjaga dulunya bahagian masjid, saya rasa dia tahu keadaan itu. Kekurangan ini kita akan cuba mengatasinya mungkin kerana kekurangan calon-calon. Ada saya difahamkan sekitar 20 orang yang perlu dipenuhi mereka yang bergaji penuh, tetapi imam bertauliah, imam qariah, imam untuk mendapat elaun tetap RM450 itu saya rasa sudah mencukupi. Jadi, walau bagaimanapun saya ucap terima kasih banyak kerana Yang Berhormat telah menimbulkan perkara ini dan kelemahan ini saya akan cuba atasi dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff telah menimbulkan masalah murtad. Iaitu beliau membangkitkan isu berkaitan murtad yang semakin berleluasa di negara ini katanya. Beliau menggesa agar tindakan segera dan tegas diambil bagi menangani masalah yang serius ini di kalangan umat Islam. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang sensitif dan peka kepada keadaan semasa. Walau bagaimanapun, timbul persoalan tentang pernyataan Yang Berhormat bahawa masalah murtad semakin berleluasa. Semakin berleluasa menurut beliau. Adakah kenyataan Yang Berhormat berdasarkan statistik atau tanggapan semata-mata? Saya suka menyatakan di sini kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan amat prihatin mengenai perkara ini dan ia memerlukan kerjasama semua pihak sebenarnya supaya dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Namun begitu, kerajaan sentiasa memantau dan menangani isu ini daripada awal dengan mengawal aqidah umat Islam daripada diselewengkan. Banyak penyebar-penyebar ajaran sesat telah ditangani dengan baik dan di antaranya yang terbesar sebagaimana kita ketahui iaitu di kawasan saya iaitu 'Sky Kingdom' iaitu 'Kerajaan Langit'. Jadi alhamdulillah, dengan usaha semua pihak iaitu jabatan agama, penguasa tempatan, polis dan sebagainya, 'Kerajaan Langit' itu telah dapat dihapuskan. Itu suatu yang saya rasa, itu adalah usaha daripada semua pihak yang telah mengambil inisiatif...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. *Kingdom* nya dapat dimusnahkan, rajanya dapat ditangkap tak?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Satu soalan yang sangat menarik, tetapi saya mempunyai pandangan yang agak berbeza. Saya akur dengan keadaan realiti yang wujud sekarang ini, rajanya tidak dapat ditangkap. Mungkin dia naik ke langit agaknya, tetapi pada hakikatnya, katanya lebih baik. Ini satu tafsiran. Saya tidak tahulah. Mungkin terserah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menentukan baik atau buruk. Dia kata lebih baik tidak ditangkap. Kalau ditangkap akan di bawa ke Mahkamah Syariah, hanya akan dikenakan tidak lebih dari RM5,000 atau tiga tahun penjara. Itu peruntukan yang diberi oleh Parlimen. Kalau dikejar, sentiasa dikejar, saya rasa lebih baik. Tempatnya pun telah dimusnahkan. Telah menjadi debu yang berterbangan. Maknanya hebat-hebat. Maknanya, kendi besar ataupun cerek besar sebagaimana yang kita lihat dalam akhbar.

Sebagaimana kita lihat juga dengan telaganya, agaknya Telaga Zam Zam dan sebagainya. Kapal, Kapal Nuh dan sebagainya, sebagai kapal penyelamat dan sebagainya. Semuanya dimusnahkan dan saya rasa rajanya tidak dapat ditangkap pun saya rasa lebih baiklah. Lebih baik supaya nanti apabila kalau sekiranya dibicarakan di mahkamah dengan mengenakan peruntukan yang sangat maknanya, minimum itu, dia akan kembali semula. Sejarahnya begitu lama. Saya rasa sejak tahun awal-awal lagi telah menyebarkan dan telah pun didenda. Kemudian terus kembali semula ke pangkalannya, kemudian menyebarkan dengan membuat banyak sekali dakwaan-dakwaan palsu.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya kalau saya mengatakan apalah guna menjadi raja, kalau raja tanpa takhta?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya sebenarnya tak pandai bahasa-bahasa yang bagus. Maknanya, dan mungkin saya sangat setuju dengan apa yang telah disebut tadi. Maknanya beliau sendiri telah tidak berkuasa lagi di tempatnya di Batu 13, iaitu di kawasan Parlimen saya dan beliau tidak dapat menghadirkan dirinya untuk menjalankan upacara-upacara dan tinggallah pengikut-pengikutnya yang sekarang ini menghadapi

tindakan undang-undang daripada Majlis Agama Islam di bawah peruntukan enakmen pentadbiran agama Islam.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Minta izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat daripada Jabatan Perdana Menteri. Cuma timbul satu keraguan ataupun kekeliruan kepada diri saya di mana saya kena hadapi masalah, ingat dalam 30 kes sekarang di tangan saya di mana perkahwinan, di mana penganutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal murtad, soal murtad tadi. Di mana mereka hanya Islam atas nama sahaja tetapi tidak amalan yang sebenarnya. Apakah perancangan daripada pihak kementerian ataupun daripada Yang Berhormat supaya perkara ini boleh diselesaikan. Supaya mereka terutamanya bangsa-bangsa keturunan yang berlainan, maksudnya kaum Cina, Siam, India yang telah menganut agama Islam kerana berkahwin kemudian berlaku perceraian.

Selepas itu mereka hendak patah balik ke agama asal mereka. Saya pun tidak tahu macam mana hendak selesaikan masalah ini. Saya minta pendapat Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebenarnya dalam jawapan yang saya sediakan ini ada lagi beberapa penjelasan. Saya rasa mungkin saya boleh teruskan penjelasan saya ini dan mungkin boleh lihatlah di mana untuk penambahan untuk menjelaskan keadaan tadi.

Selain daripada mendapat kerjasama daripada banyak pihak untuk menangani masalah-masalah akidah umat Islam yang telah memeluk agama Islam sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff. Sebagaimana yang telah saya sebut tadi tindakan daripada pihak JAKIM dan juga penguasa agama iaitu Jabatan Agama Islam negeri-negeri (JAIN) mereka telah mengadakan beberapa program-program pemantapan iaitu dia antaranya boleh disebut di sini menyusun pelbagai program ke arah memperkukuhkan akidah umat Islam yang telah memeluk agama Islam tadi, mempergiatkan lagi pergerakan dakwah iaitu kesedaran di kalangan mereka oleh agensi-agensi yang berkaitan khususnya oleh JAKIM melalui bahagian yang khusus iaitu sama ada bahagian dakwah ataupun bahagian-bahagian lain dan juga Jabatan Agama Islam negeri-negeri.

Melaksanakan program ke arah memperkukuhkan institusi keluarga secara berterusan dan selain daripada itu memperkukuhkan unit saudara baru di Jabatan Agama Islam negeri-negeri ada satu unit ataupun setengahnya dibesarkan dan dijadikan bahagian untuk memberi bukan sahaja memberi penerangan tapi juga menjaga kebajikan mereka. Itu juga yang penting maknanya menjaga kebajikan mereka.

Apabila memeluk agama Islam kemudian diberi penerangan ada di antara kes-kes yang saya rasa boleh disebut di Terengganu Tuan Yang di-Pertua iaitu apabila yang memeluk agama Islam ini menghadiri kelas-kelas agama mereka lebih *religious*, lebih mengamalkan agama Islam daripada suami mereka yang asalnya agama Islam. Di antara kes yang boleh disebut apabila sudah isteri ini menghadiri kelas-kelas tertentu tapi suami tidak hadir. Hanya pergi menghantar sahaja. Kemudian apabila saudara baru ini yakin dengan apa yang mereka pelajari mereka lakukan. Ada pula suami-suami yang katakan janganlah sembahyang banyak-banyak sangat, cukuplah sembahyang sedikit-sedikit.

Ini pun di antara gejala-gejala yang berlaku kepada mereka. Jadi soalnya seperti apa yang telah ditimbulkan tadi pemantapan itu adalah sangat mustahak bukan setakat memeluk agama Islam tetapi hendaklah adakan program demi program supaya mereka memahami agama Islam. Selain daripada itu mereka mengetahui hak-hak mereka dalam agama Islam.

Kadang-kadang mereka tidak tahu. Misalnya undang-undang keluarga pun menjaga banyak juga kemaslahatan mereka, tetapi kerana mereka itu tidak mempunyai maklumat maka mereka terbiar. Padahal kalau berlaku perceraian, sepencarian sebagaimana yang kita ketahui ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ataupun dalam enakmen ataupun akta keluarga Islam.

**Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Yang Berhormat untuk memberikan bimbingan dan ilmu pengetahuan yang lebih kepada kaum lelaki ini supaya mereka lebih bertanggungjawab. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** itu ada kaitan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam tadi menyentuh mereka yang pergi ke Siam kahwin lebih kurang, kemudian bawa balik. Kemudian tinggal, cerai tidak cerai. Akhirnya kerana penganiayaan itu, wanita-wanita ini jadi hampa terhadap agama itu sendiri dan beralih menjadi murtad.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, saya rasa untuk lelaki dan juga wanita samalah. Maknanya kursus pra-perkahwinan adalah sangat baik. Menurut soal selidik yang dilaksanakan maka didapati pra-perkahwinan banyak membantu supaya bakal suami dan juga bakal isteri dapat berfungsi ataupun menjalankan tugas mereka nantinya sebagai bapa sebagai ibu, sebelumnya sebagai suami dan isteri. Jadi dapat berfungsi dengan baik.

Sebab itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah mengadakan seperti modul pra-perkahwinan untuk orang Islam ini kepada bangsa-bangsa lain. Saya rasa itu di antaranya. Banyak lagilah perkara-perkara lain yang telah dilakukan selain daripada kesedaran-kesedaran dan juga forum dan ceramah itu biasa sahaja. Secara khususnya saya rasa ialah pra-perkahwinan adalah sangat menarik untuk membantu supaya bakal suami dan juga bakal isteri itu mampu memahami tugas mereka apabila mereka berkahwin. Ini saya rasa perlu dipantau dengan baik supaya ianya tidak diselewengkan. Sesetengahnya pergi dua tiga hari terus dapat sijil dan terus kahwin. Jadi saya juga rasa perlu pemantauan daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Minta laluan sekali lagi kerana soalan saya tidak terjawab. Apa yang saya hendak tahu adalah kerajaan ada ruang ataupun undang-undang supaya mereka ini boleh patah balik ke agama asal mereka kerana perkara ini berlaku apabila seseorang itu meninggal dunia nanti, saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun tahu tentang perkara ini berlakunya tentang perebutan mayat. Memang berlaku dan perkara ini saya cuba selesaikan dan akhirnya diselesaikan.

Saya tahu bahawa agama Islam adalah agama yang agung dan saya tidak mahu menghitamkan agama Islam yang begitu suci dan bagus, tetapi saya juga tidak mahu mereka mempunyai satu persepsi atau tanggapan yang salah terhadap agama Islam. Saya minta Yang Berhormat tolong saya. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya pun belajar daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada boleh jawab secara langsung ataupun tidak jawab, jawab secara politik. Jadi Tuan Yang di-Pertua ajar saya macam itu. Jadi tidak tahulah kalau Tuan Yang di-Pertua minta saya jawab juga, saya jawab jugalah atau cukup dengan menjawab begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Berhormat.

*[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]*

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Okey, supaya tidak menghampakan....

**Tuan M. Munusamy:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar satu dahulu.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya sudah bersedia hendak jawab.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak....

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Hendak jawab tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali harung hendak jawab? Sila tunggu dahulu.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang bersangkutan dengan pertanyaan juga. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam bertanyakan dengan ikhlas. Perkara pokok yang ditanya ialah orang Islam kita berkahwin dengan orang Siam di Thailand. Kemudian masalah yang timbul ialah dia kahwin. Lepas dia pakai sekejap sudah agak longgar dan sebagainya, dia tinggal... [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Persoalan yang timbul sekarang ialah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang tidak cerai pun.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** ....Kadang-kadang tidak cerai pun. Persoalan yang timbul sekarang apabila dia telah meninggalkan, tidak datang, tidak jadi apa sudah, yang Siam ini Islam dia itu Islam kerana dia kahwin sahaja. Dia pun tidak tahu sekarang ini dia Islam atau tidak Islam. Jadi yang Siam ini dia akan pergi kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat ialah ketua masyarakat Siam.

Apakah masalah yang patut diambil oleh Yang Berhormat kita ini untuk menyelesaikan orang Siam yang dahulu masuk Islam, sekarang ini tidak tahu macam mana supaya perkara ini tidak timbul soal anak dan sebagainya. Adakah peruntukan dalam undang-undang kita bagi membantu Yang Berhormat kita dalam masalah ini. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya sudah faham soalan tadi. Saya sudah hendak jawab tapi Yang Berhormat telah menyebut lagi saya rasa sangat mustahaklah untuk diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal untuk mengisytiharkan keluar daripada Islam memerlukan persetujuan daripada Mahkamah Tinggi Syariah. Itu satu yang telah dicatatkan sebab apabila dia memeluk agama Islam dan dia mengamalkan adat-istiadat orang Islam ataupun Melayu maka menurut Perlembagaan, beliau adalah Melayu. Sebab itu istilah "Melayu", adalah satu yang saya rasa sangat umum tapi dikaitkan dengan Islam. Itu menurut Perlembagaan perlu mendapatkannya.

Sebab itulah dalam kes perebutan mayat kah, dalam kes-kes yang lainnya, perlu diselesaikan melalui Mahkamah Tinggi Syariah. Kita ikuti dalam kes seperti Nyonya Tahir, kemudian sebelumnya Moorthy dan sebagainya, dan juga kes-kes yang lain. Maka memerlukan suatu pengisytiharan daripada mahkamah tersebut. Sebab itu kita menganjurkan supaya mereka yang ingin memeluk agama Islam itu mengikuti prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam, ia ada prosedurnya. Iaitu terpaksa isi borang, kemudian ada saksinya dan suatu ikrar atau pengakuan, iaitu tidak ada paksaan langsung dalam perkara itu, makna dia telah memeluk agama Islam, jadi prosedur itu cukup jelas sekali.

Kemudian mereka didaftarkan dalam Buku Mualaf, buku besar walaupun ada komputer sekarang pun, masih ada lagi buku besar iaitu mengatakan bahawa mereka telah memeluk agama Islam dan ditulis nama mereka dalam Buku Mualaf itu. Setiap Majlis Agama Islam ataupun Jabatan agama Islam itu ada memperuntukkan buku tersebut. Jadi prosesnya itu saya rasa sangat berhati-hati dan bagi mereka yang ingin, kenalah bercermat jangan setakat kerana ingin berkahwin kemudian terus terpedaya dengan perkahwinan dan sebagainya. Jadi saya rasa perlu berhati-hati sebab implikasinya dari segi undang-undang yang diperuntukkan oleh Perlembagaan dan sebagainya. Saya rasa cukup...

**Tuan M. Munusamy:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ada Tuan M. Munusamy hendak kaitkan sedikit.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa perkara ini adalah satu perkara yang mustahak sebab baru-baru ini kita menghadapi banyak kes, banyak perkara yang jadi sensitif. Cuma saya hendak tanya, adakah peruntukan dalam Undang-undang Syariah supaya seorang yang telah memeluk agama Islam boleh menukar balik ke agama yang lain dan sekiranya ada, memang tadi sudah kata Mahkamah Syariah hendak tentukan, apa prosedurnya? Kadang-kadang kata prosedur ada banyak. Saya ada pengalaman ini, ada satu kes yang saya hadapi, seorang perempuan India, suami dia telah

memeluk agama Islam dan telah berkahwin dengan seorang gadis Melayu. Selepas itu anak dan isteri India juga telah memeluk agama itu. Selepas suami itu meninggal dunia, tiada seorang pun hendak jaga. Dia hendak balik ke agama Hindu, tetapi sukar, banyak masalah. Saya sudah rujuk kes ini kepada Persatuan Hindu Malaysia, tetapi mereka pun tidak dapat diselesaikan. Itulah sebabnya kita hendak tahu, adakah ruang dan kalau ada ruang, apa prosedur dia? Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Cukup jelas apa yang Yang Berhormat telah timbulkan persoalan tadi. Saya rasa dalam Mahkamah Syariah memang memberi peluang untuk membawa kes-kes tertentu, memberi peluang kepada ramai membawa kes tertentu. Di antaranya sebagai contoh dalam kes Moorthy, katakana telah dibawa ke sana, tetapi kerana alasan begitu kuat, makna adanya suatu kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama, maka sebagai bukti, beliau telah memeluk agama Islam. Selain daripada itu, dalam kes Nyonya Tahir juga telah dibawa dalam Mahkamah Tinggi Syariah di Seremban, maka terbukti bahawa dia telah hidup begitu..., walaupun dilahirkan dengan keadaan Islam, tetapi ternyata sejak begitu lama hidup dalam keadaan bukan Islam, maka diputuskan mereka ada hak untuk keluar daripada Islam tetapi ini terserah kepada mahkamah untuk menentukannya. Saya rasa boleh saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Boleh saya tambah sedikit sahaja.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ini ada kes kahwin *Misyar* lagi ini, takut panjang lagi.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Tidak apa, tidak apa sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang terakhir, kalau saya tidak benarkan, jadi pertelingkahan.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Bukan pertelingkahan. Saya cuma hendak dengar penjelasan. Sebabnya macam ini, kalau seseorang itu, nama dia Melayu kerana bapa mereka itu Melayu yang kahwin dengan perempuan Siam. Amalan mereka adalah amalan secara orang yang menganut agama Buddha dan mereka telah kahwin dengan Cina. Nama Melayu, kahwin dengan Cina - cerai, murtadlah itu. Dahlah murtad, kahwin dengan Cina lepas itu cerai, kahwin dengan orang Siam pula. *Double* murtad, murtad dan murtad. Saya tidak faham macam mana kita hendak bagi dia tidak murtad. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tidak apa, saya rasa kalau kes yang begitu kita bawa kepada mahkamah sahaja untuk diselesaikan sebab ini adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kita bawa kes itu, kalau ada tetapi dapat dibuktikan sebab apa, keputusan Mahkamah Syariah berdasarkan kepada sama ada ikrar iaitu pengakuan sendiri ataupun berdasarkan kepada penyaksian daripada saksi-saksi ataupun juga berdasarkan kepada *evidences* yang lain. Berdasarkan kepada tiga perkara. Bukanlah kata bawa itu terus dibuat ke penghakiman – tidak! Berdasarkan kepada prosedur yang telah ditetapkan dan kita pun telah luluskan tata cara jenayah syariah, tata cara pentadbiran di Dewan yang mulia ini. Jadi ada peraturan-peraturannya yang saya rasa boleh diujahkan oleh peguam-peguam yang mahir semasa kes itu dibawa ke muka pengadilan Mahkamah Syariah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh beralih kepada perkara lain.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak panjang tentang kahwin *Misyar* ini. Ramai yang berminat untuk mendengarnya dan saya suka menyatakan di sini Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dia pun telah mengemukakan supaya diperjelaskan. Patut baru ini diperjelaskan, tetapi dia bawa dalam penggulungan. Berkaitan kahwin *Misyar*, apakah makna kahwin *Misyar*? Dia suruh minta jelaskan kahwin *Misyar* itu apa dan apakah pendirian kerajaan terhadap perkahwinan ini, maknanya dua persoalan yang telah dikemukakan oleh Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Perkahwinan *Misyar* ini merupakan suatu istilah dalam perkahwinan, dalam orang Islam sekarang ini yang telah diamalkan agak begitu lama di negara-negara Teluk, negara-

negara Arab Saudi, negara-negara seperti Kuwait, negara Emirates, Qatar dan mungkin Bahrain. Begitulah lebih kurangnya negara-negara yang mengamalkan sejak lama. Perkataan "*Al-Misyar*" ini bermaksud orang yang mengembara, "*Misyar*" ini.

Kalau dalam bahasa Inggerisnya mungkin boleh terjemahkan sebagai *travelers marriage*, perkahwinan orang-orang yang berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat. Ini *favourite* juga terutamanya di negara-negara Teluk. Perkahwinan *Misyar* ini secara istilahnya iaitu dari segi bahasa tadi, dari segi istilahnya ialah perkahwinan antara lelaki dan perempuan, dengan rukun dan syarat nikah yang mencukupi, cukup syarat-syaratnya. Memang ada wali, ada saksi, diisytiharkan perkahwinan itu, ada maharnya mas kahwinnya ada. Makna cukup syarat-syaratnya, tetapi ada persetujuan bersama bahawa suami tidak perlu memikul tanggungjawab. Makna dia buat macam *gentlemen agreement*, dengan izin, maknanya tidak tertulis. Kalau hendak tulis pun boleh juga. Kalau perempuan itu cerdik, saya rasa baik tulis, maknanya supaya jelas, iaitu tidak perlu memikul tanggungjawab memberi nafkah, tempat tinggal dan juga pergiliran dan lain-lain lagi.

Pergiliran maknanya suka dia sahajalah. Makna kalau misalnya, kalau dia senang mungkin seminggu sekali dia boleh pergi ataupun empat hari sekali menurut persetujuan yang telah ada di antara dua golongan itu. Suami boleh memberi nafkah sekiranya mahu, tetapi ini biasanya berlaku kepada golongan-golongan tertentu yang sudah ada sara hidupnya sendiri, ada pendapatan mereka sendiri terutamanya dalam tradisi Arab, mereka ini berkahwin pada biasanya, dia berkahwin kemudian bercerai dan dia menjadi janda kaya ataupun jadi balu, tetapi ada anak, ada harta dan sebagainya. Dia tidak memerlukan wang daripada suami baru. Ini diberi peluang. Maka berlakulah perkahwinan ini dalam tradisi orang Arab. Maknanya pada masa dahulu sehinggalah sampai kepada kini. Ini diberi peluang. Maka berlakulah perkahwinan ini dalam tradisi orang-orang Arab. Maknanya pada masa dahulu sehinggalah sampai kepada kini.

Saya rasa perkahwinan ini dari sudut, tadi pun Syeikh Azhar telah pun dalam suatu pertemuan terbuka dengan para ilmuan, para ulama, telah dihujani dengan soalan-soalan sebegini. Beliau memberi laluan bahawa pernikahan itu adalah dibolehkan. Sah sebab mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan tetapi saya suka menambah bahawa di setiap negeri itu ia ada Undang-undang Keluarga Islam. Ingat ada Undang-undang Keluarga Islam, bukan senang bebas, lepas begitu.

Kita pun masih sangkut lagi ini. Rang Undang-undang Keluarga Islam tetapi saya rasa bawa sekali lagi lepaslah. [*Ketawa*] Lepaslah maknanya itu. Tetapi takut misyar lagi, dibangkitkan lagi saya tidak tahulah. Tetapi di negara Arab itu memang perkara kahwin lebih, poligami merupakan amalan mereka. Negara Arab Saudi biasa...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, laluan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamed:** Saya pun hendak minta laluan selepas ini.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya pun hendak minta laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya pun hendak minta laluan.

[*Dewan gamat*] [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak berikan keempat-empat laluan sekali harung.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Berilah, beri kerana perkara ini penting.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak berminat hendak membahaskan pasal perkahwinan *Misyar* tadi. Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kenapa dalam perkara-perkara seperti ini, isu-isu seperti ini, JAKIM begitu lambat mengeluarkan pandangan ataupun penjelasan. Jadi, bila surat khabar yang memainkan isu ini, maka menjadi keliru orang ramai. Sebab itu saya tengok ada Menteri bila bercakap itu seolah-olah bercakap dari segi hukum kemudian esoknya tarik balik, tukar pendirian.

Ini banyak berlaku dalam isu-isu sebelum ini, seperti Undang-undang Keluarga Islam. Saya harap lain kali, kalau tidak pun sebagai satu fatwa tetapi JAKIM mesti cepat mengeluarkan pandangan dan penjelasan supaya tidak ada yang keliru dan mempermainkan isu *Misyar* ini dan saya rasa, memang tidak sesuai di Malaysia pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat. Ya, jelas.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamed

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya sama dengan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi. Cuma saya hendak kaitkan juga kepada media. Mungkin JAKIM juga kena, harus bekerjasama baik dan erat dengan media supaya media tidak mencetuskan soal ini tanpa kita dapat mengawalinya dengan baik.

Keduanya, dari segi soal teknikal. Kalau ini merupakan *travelers marriage*, dia pergi Yaman, dia kahwin satu, *track* lah kiranya. Dia pergi Afghanistan lagi satu, dia pergi pula Bahrain lagi satu, bagaimana memastikan bahawa *at any given time*, dengan izin, tidak lebih daripada empat. *How*, macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat. Dua-dua Azizah. Satu Dato', satu Sharifah. Ya, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan. Sebelum saya sentuh bab *Misyar* ini, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang telah mengadakan kursus-kursus pra perkahwinan ini. Memang kita sanjungkan itu, untuk pengantin-pengantin baru, tetapi maksud Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah tadi ialah kursus-kursus untuk yang sudah liat ini Yang Berhormat, yang mana saya rasa kebanyakannya memberi masalah kepada Yang Berhormat Puan Siw Chun, yang sudah liat ini. Apabila kahwin ditinggalkan seperti Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus tadi, *so* bermakna bukanlah kita sahaja wanita yang lemah, orang lelaki pun lemah juga. Sudah liat macam *rubber* sudah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** ...Tinggal lagi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lain sedikit, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okey, sedikit lagi. Bab *Misyar* ini saya setuju dengan kedua-dua Yang Berhormat. Kami sedih Yang Berhormat. Perkara ini berlaku di negara Arab, *actually* di negara ini patut tidak payah bawa, *is non-issue*, kata Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, kan? Di mana kita tidak boleh terima, ini satu, saya rasa *as an insult*, penghinaan kepada seorang wanita. Kami bukan hendak sangat seorang lelaki, tidak perlu pun di zaman sekarang... *[Ketawa]*

**Tuan Ismail Kassim:** Orang lain hendak.... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Isunya Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa sebut ini. Bila perbincangan ini keluar dalam surat khabar, televisyen dan sebagainya, yang paling *excited*, dengan izin, ialah suami-suami yang liat ini, yang muda dia tidak hendak pun, dia tolak sebab memandangkan itu maruah seorang lelaki. Mana dia lelaki yang macho. Dan, untuk pengetahuan Yang Berhormat saya hendak bertanya, bila isteri itu mengandung, lahirnya anak, bukankah itu satu tanggungjawab kalau mengikut agama Islam. Sebab kalau ditanyakan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, isunya apa hal anak dan kelahiran di bawah perkahwinan *Misyar* ini?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Betul, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Dan, siapa yang bertanggungjawab, yang mendidik anak itu? Pada saya, sekiranya seorang suami kahwin macam itu, *free*, jadi percayalah bila masa indah itu, baginya semua indah belaka, yang busuk pun jadi wangi tetapi tunggulah dalam masa dua tahun, mungkin akan diungkit dari segi itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Sebab saya takut institusi kekeluargaan begitu rapuh, tidak ada penghormatan antara isteri kepada suami dan anak-anak itu semakin besar, tidak ada penghormatan antara anak dengan suami. Terima kasih, Yang Berhormat. Timbullah masalah-masalah sosial yang dibuat oleh suami-suami yang liat ini... [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Isunya di sini suami liat... [Ketawa] Dengan apa hal anak-anak hasil daripada perkahwinan *Misyar* tadi?

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Ada satu lagi Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Oh! Ya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi apa yang saya hendak cakap ada sedikit yang Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah sudah bercakap, cuma saya hendak tahu dari segi hukum kita, maknanya perkahwinan *Misyar* ini meletakkan satu keringanan kepada seorang suami, bermakna dia tidak harus bertanggungjawab. Pada saya adakah..., kerana dari segi hukum kita, apa yang kita tahu, daripada kecil kita belajar dahulu bahawa lelaki adalah orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada isteri. Bila perkara ini dibiarkan dan dihalalkan di Malaysia, saya bimbang penyalahgunaan kuasa *Misyar* ini disalahgunakan oleh lelaki yang boleh menyebabkan masalah sosial bertambah. Ini kerana tidak ada perasaan tanggungjawab lagi. Ini yang saya hendak bangkitkan.

Adakah benda ini sudah dihalalkan di Malaysia? Saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Dan, adakah pihak berkenaan telah mengkaji sedalam-dalamnya permasalahan yang akan berlaku kepada perkahwinan *Misyar* kerana kita bimbang. Ini kerana hukum yang kita tahu bahawa, lelaki harus memberikan nafkah kepada isteri baik zahir mahupun batin. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, tambah satu sahaja lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Beri laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan ini pasal ramai wanita-wanita mempersoalkan, bila kita kata *travelers marriage* itu, sekarang dalam zaman yang moden, wanita juga *travel*. Kalau lelaki menunggu dan wanita yang *travel* balik pagi terus itu, adakah itu juga namanya perkahwinan *Misyar*.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit sahaja saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan saya yang hendak beri laluan. Yang Berhormat boleh beri laluan lagi? Ya.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Boleh satu sahaja.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** *Last*, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tadi Yang Berhormat kata perkahwinan *Misyar* ini adalah *travel marriage*. Saya nampak memang adalah, kalau kata dibuat oleh orang-orang Arab, orang-orang belah *Eastern* itu mungkin oleh kerana bila dia *travel*, dia hendak *avoid* perzinaan tetapi bagaimana talak. Kalau selepas dia sudah

balik ke negaranya, dia tinggal isterinya, adakah talak itu jatuh begitu sahaja oleh kerana *that is a travel marriage*?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat, saya sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Saya daripada Alor Setar mai ke Parlimen, adakah termasuk dalam mengembara atau tidak?... [Ketawa]

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya rasa di antara tajuk yang popular sangat sekarang ini ialah kerana ditimbulkan di dalam surat khabar. Ini merupakan satu trend dalam surat khabar kita, dia cari isu-isu yang boleh meletup dan sudah tentulah di luar daripada kawalan kita. Luar daripada kawalan JAKIM. Sebab itu dalam perkara ini ia merupakan suatu polemik yang berlaku di antara ada yang bersetuju, ada yang tidak bersetuju dan pelbagai persoalan yang telah ditimbulkan, yang telah dikemukakan.

Saya rasa tidak apalah maknanya itu berjalan seperti itu dan saya tidaklah membuat kenyataan apa-apa kerana kita sebenarnya dikaitkan, diikat dengan enakmen dan juga Akta Rang Undang-undang Keluarga Islam kita. Keadaan ini cukup jelas. Maknanya dari segi hukum jangan kita persoalkan. Maknanya seperti biasa sahaja dan kalau kita hendak ia ini hendak '*tanazul*' kalau dalam bahasa Arabnya, dia hendak, katakan tidak apalah tidak beri hak dia, itu merupakan perkara yang dibolehkan dalam agama, dibolehkan.

Akan tetapi berdasarkan kepada muafakat, berdasarkan kepada persetujuan kedua belah pihak, tetapi sudah tentulah, saya tanya juga Sheikh Azhar tadi, bolehkah berlaku di Mesir macam ini? Dia kata alamat kalau berlaku di Mesirnya sudah tentulah maknanya sebab apa kawalan undang-undang begitu ketat dan sebagainya tidak boleh berlaku, sangat kurang berlaku di Mesir. Cuma di negeri-negeri ini merupakan caranya sebagaimana kita ketahui dan mereka membolehkan amalan sejak dulu lagi adalah poligami. Poligami berlaku di negara mereka dan kalau tidak poligami, dia rasa tidak normal pula. Yang normalnya adalah poligami, abnormalnya monogami ataupun tidak melakukan poligami.

Itu merupakan adat mereka. Jadi kalau di sini saya rasa tidak usah kita..., mungkin saya tidak bawa kepada Majlis Fatwa tidak ada apa. Dari segi hukumnya adalah cukup jelas. Kalau di antara zon boleh tetapi kita diikatkan kalau hendak kahwin mesti ikut peraturan-peraturan yang telah sedia ada, yang telah diamalkan. Saya rasa tidak usah risaulah sebab itu saya tidak respons, makna pada keadaan tersebut dan mungkin saya tidak bawa dalam Jawatankuasa Fatwa, takut nanti susah pula nanti. Maknanya timbul macam-macam pendapat dan sebagainya.

Jadi boleh saya teruskanlah seperti mana keadaan tadi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Jadi kita tinggalkan dulu misi hari ini walaupun persoalan-persoalan banyak yang telah ditimbulkan, saya setuju. Maknanya perlu mendapat penjelasan dan dalam keratan akhbar saya sudah minta Setiausaha Akhbar saya mengumpulkan terlalu banyak sekali makna polemik yang telah berlaku dalam masyarakat dan mungkin saya rasa sepatutnya dia tumpukan kepada isu-isu yang lebih berguna lagilah. Isu ini pun saya rasa ditinggalkan begitu sahaja. Saya rasa lebih baik daripada banyak isu-isu lain yang menyentuh masalah pembangunan, yang menyentuh masalah pendidikan dan sebagainya lebih perlu diperbincangkan secara meluas.

Seterusnya saya ingin memberi sedikit pandangan terhadap Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin yang telah menimbulkan bahawa Kerajaan Negeri Perak telah mengangkat martabat Mufti Negeri setaraf dengan Exco Kerajaan Negeri. Dengan itu segala usaha berkaitan hal ehwal keagamaan dapat dilaksanakan di semua peringkat melalui pentadbiran negeri, daerah, kawasan kampung dengan lebih teratur dan sistematik. Saya setuju, maknanya untuk memartabatkan itu dan bukan Perak sahaja sekarang.

Johor telah menurut Perak, kemudian Negeri Sembilan dan alhamdulillah, Terengganu juga telah mengangkat martabat mereka ini setaraf dengan kemudahan-

kemudahan yang ada pada Exco dan mungkin akan diikuti lagi di Perlis dan juga lain-lain negeri yang saya rasa baik untuk memberi peluang kepada mereka untuk menyumbang.

Seterusnya ialah masalah perceraian di kalangan umat Islam yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zin. Beliau membangkitkan masalah perceraian di kalangan umat Islam dewasa ini. Beliau mempersoalkan tentang peranan kerajaan dalam menangani masalah ini supaya lebih serius dan tegas kerana ia melibatkan kaum wanita dan anak-anak.

Saya berterima kasih banyakkah di atas isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang masalah perceraian dalam masyarakat kita dan di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap masalah perceraian dalam masyarakat Islam ini, tetapi walau bagaimanapun, menurut statistik yang ada pada saya, beberapa buah negeri tidaklah begitu membimbangkan. Sebagai contoh saya sebut negeri Selangor pada tahun 2004 ada 12,696 perkahwinan, perceraian berlaku 3136, 18.5% tetapi pada 2005 telah baik. Daripada 13,175 perkahwinan hanya 268 perceraian berlaku, hanya 2% sahaja. Bagi saya kesedaran begitu baik dapat ditangani di kalangan masyarakat Islam. Kita tengok Wilayah Persekutuan pada 2005, hanya kita dapati perkahwinan 4,230 perceraian berlaku 264, hanya 6.2% sahaja. Bagi saya tidaklah begitu kritikal tetapi walau bagaimanapun kita suka mengingatkan bahawa...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tentang angka yang Yang Berhormat berikan itu, apakah angka yang tepat kerana kita takut kadang-kadang Mahkamah Syariah ini dia lambat sangat membuat keputusan. Oleh sebab itu angkanya berbeza tahun lepas 18%, tahun ini kurang, tahun satu lagi naik, pasal itu yang saya takut angka itu tidak berapa tepat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Memang tepat dan saya suka memperbetulkan pandangan orang ramai terhadap Mahkamah Syariah. Saya juga mengkaji Mahkamah Sivil juga, hendak bandingkan perjalanan Mahkamah Syariah jauh lebih baik daripada Mahkamah Sivil sebab kita sudah ada e-syariah, sudah ada pentadbiran yang baik dan sebagainya. Cuma orang tidak berani apabila sebut Mahkamah Sivil. Cuma kita tidak boleh mempertikaikan dari sudut, maknanya keputusan mahkamah, pentadbiran mahkamah boleh kita pertikai. Baru-baru ini satu *research* atau penyelidikan yang telah dibuat oleh INTAN, maknanya menyebut dengan jelas dalam pengukuhan pentadbiran bahawa Mahkamah Sivil di antaranya ada 10, 15 tahun kes tidak dibicarakan.

Akan tetapi dalam Mahkamah Syariah yang saya terimalah, kes yang paling popularnya di Selangor dulu Aida Molley iaitu di sekitar tiga tahun. Riuh kita membicarakan bahawa keadaan-keadaan yang tidak bagus di mahkamah. Maknanya ini merupakan keadaan fenomena di mahkamah-mahkamah kerana dia memerlukan pendakwaan, memerlukan pembuktian dan memerlukan prosedur-prosedur dalam perbicaraan di mahkamah. Mahkamah Syariah pun serupa juga tetapi saya suka menyatakan bahawa dalam satu kajian yang saya minta JKSM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia iaitu kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah tidaklah begitu teruk sangat.

Dalam kes kita, istilah kita, kalau dalam setahun tidak diusik, kita istilahkan kes tertunggak tetapi biasanya kalau kes-kes tertentu dalam proses sekarang ini lebih awal lagi. Makna ada kemudahan-kemudahan e-syariah dan sebagainya maka perjalanannya lebih baik tetapi walau bagaimanapun, kerana tiadanya peguam dan sebagainya, peguam juga menanggungkan perbicaraan dan juga beberapa masalah lain ada kaitannya dan di antara yang terbesar ialah masalah bukan daripada mahkamah. Masalah disebabkan oleh mereka yang membuat pendakwaan, mereka yang terlibat dengan perbicaraan dan sebagainya.

Jadi saya suka menyatakan bahawa angka tadi adalah di antara angka yang kita peroleh tidaklah begitu teruk, tidak begitu kritikal tetapi kita sensitif dengan keadaan itu kerana implikasinya ada ibu-ibu tunggal, ada anak-anak yang tidak terbela dan sebagainya. Jadi perlu kita berusaha mengurangkan lagi supaya angka itu lebih rendah berlaku perceraian itu. Di antara usaha banyak sekali dilakukan di antaranya ialah mensyaratkan pasangan yang akan berkahwin supaya menghadiri kursus pra perkahwinan. Itu sebagaimana yang telah saya sentuh tadi dan yang keduanya, menjelaskan kepada masyarakat mengenai matlamat perkahwinan dalam Islam, kesan buruk perceraian dalam keluarga, peranan dan tanggungjawab setiap anggota keluarga dan juga kita telah

menjelaskan mengadakan kursus seminar pemantapan keluarga, yang agaknya yang liat-liat tadi perlu dimantapkanlah. Maknanya ini boleh tetapi secara opsyenal lah, tidak secara *compulsory* atau wajib.

Saya rasa boleh saya beralih lagi apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus, iaitu perkara kedua yang beliau timbulkan ialah membangkitkan isu perkahwinan Pak Jain yang dikatakan telah berkahwin sebanyak 30 kali...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat Menteri boleh saya minta laluan sebelum pergi ke Pak Jain.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan. Saya cuma ada tiga perkara. Tidak tahu ianya bersangkutan atau tidak tetapi saya rasa ada bersangkutan. Pertama, saya ingin tahu bahawa baru-baru ini di dalam akhbar menunjukkan bahawa jurunikah ini masuk hospital. Orang hendak nikah terpaksa pergi hospital kerana jurunikah pergi hospital. Apakah kelemahan yang ada bagi jabatan-jabatan agama ataupun pejabat-pejabat kadi menyebabkan kekurangan jurunikah hari ini. Tidakkah ada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan supaya menetapkan bahawa cukupnya bilangan jurunikah-jurunikah di setiap negeri.

Yang kedua, hari ini masih lagi terdapat ramai wanita-wanita yang menuntut nafkah hasil daripada perceraianya tetapi sehingga hari ini masih lagi kes-kes itu terlalu lewat dibicarakan sehinggakan wanita ini terus kata orang - dia sudah bercerai, tetapi nafkah itu gagal diberikan oleh bekas suaminya tetapi masih lagi perkara ini sering timbul dan tidak ada langsung penyelesaian yang kita nampak.

Yang ketiga kita minta supaya Jabatan Perdana Menteri melalui Yang Berhormat Menteri kita supaya kita melihat kepada perempuan-perempuan yang 'digantung tidak bertali' ini sudah dibawa oleh Kak Zah yang mana kita harap supaya wanita-wanita yang digantung tidak bertali ini, mereka ini ditinggalkan oleh suami, berbulan-bulan malah bertahun-bertahun, maknanya untuk mencari nafkah dan Jabatan Kebajikan mungkin boleh membantu mereka dari segi kehidupan mereka ataupun anak mereka, tetapi masalah yang timbul kerana mereka 'digantung tidak bertali'. Tidak ada pengesahan bahawa mereka ini ibu tunggal. Jadi kita harap daripada kementerian Yang Berhormat Dato' supaya dapat memberikan suatu surat khas kepada wanita-wanita yang 'digantung tidak bertali' supaya mereka juga mendapat keistimewaan sebagaimana yang didapati oleh ibu-ibu tunggal yang lain. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih di atas persoalan yang telah dikemukakan. Saya suka menyarankan kepada tempat yang tidak cukup jurunikah itu datanglah ke Wilayah Persekutuan sebab saya jaga Wilayah Persekutuan. Saya ada 80 orang jurunikah di Wilayah Persekutuan. Agaknya di Johor tidak cukup kot? Tidak mengapalah mana di tempat yang tidak cukup itu boleh datang ke Wilayah Persekutuan dan kita hendak promosikan nanti berkahwin secara beramai-ramai di Wilayah Persekutuan dan hendak dimasukkan di dalam *The Malaysian Book of Records*, maknanya baru-baru ini kita sudah buat dalam 100 lebih, kita adakan majlis perkahwinan tetapi tidak diterima katanya salah teknik kerana tidak kahwin pada masa itu.

Nanti pada bulan November atau Disember nanti, kita akan adakan majlis perkahwinan secara beramai-ramai, 80 orang kita kerah beramai-ramai untuk menikahkan pasangan yang sudah berdaftar yang akan diberi beberapa kemudahan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kahwin ini adalah kahwin yang pertama. Kahwin yang kedua tidak diambil kira untuk majlis ini.

Yang kedua, wanita menuntut nafkah, ini kalau disebut kepada mahkamah itu, mahkamah itu tentulah melalui tatacara mahkamah atau prosedur mahkamah, agak lama sedikit, tetapi kalau boleh diselesaikan cara yang segera pembahagian dan sebagainya, saya rasa lebih baik cara diselesaikan di luar mahkamah. Banyak juga kes-kes yang diselesaikan di luar mahkamah. Kalau masuk mahkamah masing-masing dengan alasan, dengan apa semua terutama dengan menentukan harta sepencarian, panjang ceritanya.

Itu nama misalnya, nama mungkin nama isteri, nama suami, kemudian perlu pembuktian dan sebagainya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Minta Yang Berhormat Dato', saya mohon laluan. Sebenarnya bukannya hasil sepercaraan maksud saya. Nafkah edah.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Kalau nafkah edah iaitu selama tiga bulan atau mutaah kalau diceraikan, ganti rugi dan sebagainya, saya rasa lebih mudah. Pertamanya difailkan atau buka fail kemudian kalau, saya rasa jumlah yang begitu banyak tuntutan itu saya rasa baik dikendalikan oleh Peguam Syarie. Saya rasa lebih mudah sebab kita mungkin agak tidak cukup masa untuk turun naik mahkamah. Saya rasa itu respons saya terhadap yang kedua, dan yang ketiga, perempuan 'digantung tidak bertali', saya rasa tidak timbul perkara ini kalau dia tahu hak dia. Hak dia ialah dengan Rang Undang-undang Keluarga, itu adalah hak dia. Maksudnya kalau berkahwin kemudian ditinggalkan begitu sahaja, kemudian sekarang ini ada taklik di mana sesetengah negeri ada mengamalkan taklik. Sudah berkahwin diajar pula cara bercerai, maknanya itu..., setengah orang tidak bersetuju, tetapi baguslah untuk menjaga kemaslahatan wanita iaitu diajarkan kalau meninggalkan isteri beberapa bulan yang tertentu dengan tidak memberi nafkah maka tertolak dengan satu talak.

Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman talak ataupun pukul sehingga berdarah, kemudian berbagai-bagai lagi. Saya rasa ada kemudahan, cuma saya anjurkan supaya Wanita UMNO mengadakan kursus-kursus, boleh kita minta JAKIM memberi penerangan ataupun Mahkamah Syariah memberi penerangan terhadap hak-hak yang perlu diperolehi oleh wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya teruskan sedikit lagi permasalahan yang telah ditimbulkan iaitu Pak Jain yang telah dikatakan telah berkahwin sebanyak 30 kali. Apakah respons kerajaan terhadap perkara ini kerana ia menunjukkan perkahwinan dalam Islam seolah-olah satu permainan dan boleh dipandang mudah.

Walau bagaimanapun, saya suka menyebut dalam kesempatan ini, iaitu dari sudut konsepnya Islam tidak membenarkan ataupun mengetatkan perceraian, tetapi ia dibolehkan tetapi tidak digalakkan. Ia sangat dibenci. Apabila kita membaca sebuah hadis yang berbunyi... [*Membaca sepotong hadis*] Maksudnya yang paling dibenci tetapi benda itu boleh ialah talak maknanya sangat tidak digalakkan supaya orang-orang Islam jangan menggunakan perceraian ini dengan sewenang-wenangnya.

Sebab itu dikatakan hadis ini memberi laluan tetapi dengan mengetatkan laluan tersebut. Pada anggapan saya dalam kes Pak Jain ini, ia berlaku sebelum adanya Undang-undang Keluarga Islam yang diperkemas. Dia pun sudah berumur 70 atau 80 tahun. Umurnya sudah lama ini, dia kahwin awal-awal dahulu, undang-undang dahulu hendak kahwin berapa pun..., maknanya masih terlalu mudah, tetapi sekarang ini undang-undang keluarga Islam menghendaki supaya perkahwinan dan perceraian hendaklah didaftarkan. Berkahwin pun berdaftar, bercerai pun berdaftar. Kalau tidak akan didenda. Jadi tidak berlakulah dalam era baru ini. Saya ingat ini dalam era lamalah Pak Jain ini. Saya rasa hanya Pak Jain sahajalah yang mendapat kemudahan tersebut. Kalau dalam sekarang ini pak-pak lain dia tidak akan dapat kemudahan itu.

Satu lagi persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu beliau juga ingin tahu mengapa kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap cadangan yang dikemukakan oleh penceramah-penceramah bebas dalam usaha mengharmonikan rumah tangga seperti saranan Ustazah Siti Norbahyah Mahmood. Ini agaknya peminat Ustazah Siti Norbahyah Mahmood agaknya, jadi ada dengan teori dia, saya baca surat khabar dahulu, cakar harimau apakah, atau labah-labah? Saya tidak tahulah, itulah lebih kurangnya.

Saya rasa kerajaan sebenarnya terbuka menerima cadangan dan juga saranan-saranan yang baik dari semua pihak sama individu ataupun NGO khususnya pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan untuk menangani dan meningkatkan serta mengharmonikan rumah tangga. Kita terbukalah untuk menerima pandangan-pandangan yang bernas itu.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah menimbulkan iaitu bertanya, ingin tahu adakah benar Tabung Haji melabur dalam Syarikat AirAsia, sekiranya benar meminta memikirkannya semula. Beliau juga menyarankan supaya Tabung Haji membuat pelaburan yang menguntungkan dan adakah setiap keputusan pelaburan dipersetujui oleh Perdana Menteri sendiri.

Memang benar Tabung Haji telah ada melabur dalam Syarikat AirAsia Berhad, Tabung Haji mengambil maklum dengan apa yang telah disebutkan tadi, saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat, tetapi saya suka menyatakan di sini bahawa pelaburan yang telah dibuat oleh Tabung Haji melalui prosesnya.

Proses yang pertama melalui Panel Pelaburan. Panel Pelaburan terdiri daripada pakar-pakar yang mahir dalam pelaburan selepas diluluskan di Panel Pelaburan dibawa kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah yang terdiri juga daripada pakar-pakar untuk menapis semula pandangan daripada Panel Pelaburan, kemudian selepas itu dibawa kepada Yang Berhormat Menteri bukan Perdana Menteri, dibawa kepada saya dan saya kalau fikirkan perkara itu dengan penjelasan-penjelasan yang tertentu, perkara itu dirasakan cukup jelas maka saya meluluskan.

Kalau benda meragukan, Perdana Menteri telah menubuhkan, apabila saya memegang tanggungjawab sebagai menteri yang menjaga urusan agama termasuk Lembaga Tabung Haji, dia menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Saya menyerahkan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang mempunyai pakar-pakar untuk mendapat pandangan kedua terhadap apa yang dipersetujui oleh Panel Pelaburan dan juga Lembaga Pengarah Tabung Haji.

Apabila dapat pandangan itu serta saya melihat hujah dan juga pandangan daripada kedua-dua pihak, saya mengambil keputusan untuk meluluskan ataupun tidak meluluskan. Itulah merupakan proses yang telah dilakukan di Tabung Haji dalam pelaburannya dengan identiti korporat dan dasar pelaburan Tabung Haji iaitu pelaburan yang halal, berdaya saing, risiko terkawal dan berpotensi memberi pulangan yang kompetitif.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan Yang Berhormat Dato'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin tahu berapa banyak kah saham dan nilai wang pelaburan yang telah dibuat oleh Tabung Haji kepada AirAsia?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya tidak mempunyai angka. Mungkin saya boleh memberi jawapan secara bertulis tetapi suka saya menyatakan pelaburan saham ini di antara yang terbesar yang telah dilaburkan dalam 13 bilion daripada dana para pendeposit dan lain-lain ialah termasuk juga saham perladangan. Pertanyaan mengenai berapa jumlah itu saya akan beritahu semula kepada Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, kenapakah Tabung Haji ingin melabur dalam syarikat AirAsia sedangkan syarikat AirAsia ini adalah sebuah syarikat swasta dan kenapa pula Tabung Haji tidak mahu membantu MAS, sedangkan MAS ini adalah syarikat milik kerajaan sendiri?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Dasar dalam pelaburan iaitu menguntungkan kerana setiap sen yang kita laburkan asalkan ianya halal dan dibolehkan menurut Panel Pelaburan Syariah maka kita akan memasukinya. Itu adalah merupakan dasar Tabung Haji. Jadi selain daripada menolong dan membantu, kita membantu MAS dalam membawa jemaah haji sejak kuota rasminya 26,000 orang sebahagiannya ataupun lebih daripada separuh kita gunakan MAS, bukan AirAsia kerana hendak membantu syarikat kerajaan dan selebihnya kita menggunakan penerbangan syarikat Arab Saudi.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh mohon laluan? Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini Tabung Haji Plantation telah menyenaraikan penjualan sahamnya kemudian saham yang ditawarkan ialah berharga RM1.25 sen pada ketika mula-mula dibeli. Dua hari selepas itu, harga saham itu naik RM2 tetapi pada hari ini saham itu

telah turun kepada RM1.93 sen. Apakah yang menyebabkan saham itu turun begitu mendadak sehingga 6 sen?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya bukanlah begitu pakar dalam bidang ini tetapi walau bagaimanapun biasanya dalam pelaburan saham, Tabung Haji Plantation telah mendapat pujian yang baik iaitu berdasarkan kepada apabila saya palu gong sahaja maka kita mengharapkan RM1.25 sen tetapi RM1.69 sen telah melonjak daripada *target* kemudian tunggu beberapa detik sahaja telah pergi kepada RM1.90 sen lebih sehinggalah sampai mencecah RM2. Itu adalah satu pencapaian yang terbaik setakat ini. Turun naik itu berdasarkan kepada saham sahajalah sebagai mana kita ketahui kalau berlaku di luar kawalan kita pun kalau di Amerika mungkin juga kita pun terasa juga di Malaysia ini. Itulah sebagai contoh.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, .....

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya tidak boleh beri *detail* sebab saya bukan pakar sangat dalam bidang ini, tetapi kalau nikah *Misyar* kita boleh berbincang sehingga beberapa jam... [*Dewan ketawa*]

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sedikit soalan untuk Yang Berhormat. Adakah Tabung Haji melabur dalam MAS dan apakah pelaburan dalam MAS itu halal? Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Kaedah pelaburan Tabung Haji dengan melihat dari segi operasinya. Kalau operasinya adalah halal maka ia dianggap dibolehkan walaupun ada aktiviti-aktiviti yang tidak halal dalam operasi tersebut. Disyaratkan tidak lebih daripada sesetengah, institusi panel syariah tidak lebih daripada 10%, tidak lebih daripada 12% iaitu menurut kebijaksanaan dan *wisdom* kepada panel pelaburan itu. Jadi kita tengok dari segi operasinya. Jika operasinya dibolehkan walaupun di antaranya ada arak dan sebagainya, jadi boleh digunakan *tazkiah*. *Tazkiah* ini ialah penyucian dalam bidang itu yang dikatakan kita ada 12% misalnya tidak bagus maka kita adakan penyucian dengan memberi derma, itu kaedahnya.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Pohon izin. Terima kasih. Tabung Haji mempunyai ekuiti di dalam AirAsia, membuat pelaburan dalam AirAsia dan juga *Malaysian Airlines*. Saya lihat di sini timbulnya *cross holding* dalam pemegang saham dan juga akan menimbulkan konflik di antara keduanya. Dalam satu keadaan di mana Tabung Haji harus membuat pilihan dalam keadaan yang getir umpamanya sama ada memilih AirAsia ataupun *Malaysian Airlines*. Bagaimanakah Tabung Haji dapat membuat ketetapan di mana yang satu AirAsia kepunyaan swasta dan yang satu lagi adalah *national airlines* kita?

Di sini timbul satu konflik yang amat besar pada pandangan saya. Namun saya hendak menjawab tentang pasaran tadi saya rasa prestasi amat baik sekali oleh kerana di dalam *volatility* penurunan naik harga dalam pasaran Tabung Haji Plantation tadi adalah menunjukkan prestasi di antara yang terbaik waktu ketika ini tetapi *conflict of interest* ini saya pohon Yang Berhormat dapat menjawab sebab ini adalah sesuatu akan menimbulkan masalah satu hari nanti.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih kerana bahagian pertama telah membantu saya dan bahagian kedua telah membebaskan saya semula... [*Dewan ketawa*] Bahagian pertama itu sudah membantu, terima kasihlah.

Yang kedua pun tidak mengapa. Maknanya untuk itu saya akan ambil perhatian. Saya rasa beri kepada ahli dalam bidang ini yang akan mengkaji. Saya akan kemukakan persoalan atau isu yang telah ditimbulkan ini kepada mereka. Saya rasa boleh begitu ya?

**Dato' Norraesah binti Mohamad:** Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati menyebut sesuatu yang amat khusus sekali. Ini menunjukkan konflik ini adalah sesuatu di antara perjuangan antara patriotisme untuk sesuatu *national airlines* dan satu keuntungan, yang mana satu ini tetapi tidak mengapalah Yang Berhormat sudah menyebut akan membuat pertimbangan....

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya pun tidak tahu berapa banyak pelaburannya, tetapi yang besar-besar saya rasa tidak ada konflik, saya suka menyatakan seperti Proton, dalam Bank Islam sehingga kita sendiri akan menguasai Bank Islam. Jadi tidak ada konflik macam itu. Yang ini saya tidak tahu dengan jelas, okey. Saya suka .....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu lagi Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Satu saja lagi, sikit sahaja.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya pun sikit saja Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun dah jadi keliru. Ini perbahasan kah atau sudah jadi sembang-semang sahaja... [*Dewan ketawa*]

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang tadi Yang Berhormat kata bahawa Tabung Haji menggunakan MAS untuk membawa jemaah haji ke tanah suci tetapi kenapa pula melabur dalam AirAsia. Padahal saya rasa AirAsia ini baru sahaja syarikat itu diambil oleh... [*Gangguan rakaman*] Bagaimana Tabung Haji boleh memastikan bahawa syarikat ini akan mendapat keuntungan dan boleh melabur dan siapakah yang memberi kebenaran, adakah Perdana Menteri sendiri? Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya rasa soalan ini berkisar di sekitar itu. Saya sebagai mana tadilah, saya rasa kita akan ambil perhatian terhadap atas isu yang telah ditimbulkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Seolah-olah..., kira Yang Berhormat sudah beri laluan sebab ia sudah turun jadi diskusi bukan perbahasan. Memadai Yang Berhormat gulung dan tamatkan perbahasan dan kita putuskan. Ia memadai dan sudah cukup meluas, Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Cuma ada satu saja lagi dan saya rasa tidak begitu.... Saya rasa mengulangi sahaja di mana Puan Samsiah telah membangkitkan isu berkaitan dengan Baitulmal yang dikatakan terlalu fokus kepada urusan nikah kahwin iaitu contohnya memberi bantuan RM3 ribu kepada bakal pengantin. Sehubungan dengan itu beliau menggesa agar peranan ini diperluaskan urusan berkaitan tanggungjawab sosial seperti mengambil peranan lebih luas membangunkan ummah dan sebagainya dengan membina rumah sewa kepada pekerja kilang, mewujudkan pusat latihan dan sebagainya.

Sebagai mana yang telah saya sebutkan tadi di Wilayah Persekutuan, berbagai-bagai aktiviti telah dilakukan dan tidaklah fokus kepada nikah kahwin sahaja. Suka saya menyatakan bahawa setiap negeri di Malaysia mempunyai Majlis Agama Islam dan setiap Majlis Agama Islam ada Bahagian Baitulmal di mana ada beberapa bahagian dan antara yang penting ialah Bahagian Baitulmal. Di bawah Baitulmal ada zakat, wakaf dan sumber am iaitu daripada perniagaan dan sebagainya. Majlis Agama dikumpulkan di Baitulmal ini.

Daripada sumber inilah aktiviti dilaksanakan. Perdana Menteri telah meminta supaya cuba menyelesaikan daripada dana yang ada di Baitulmal ini menyelesaikan masalah ummah dan beliau juga telah meminta saya supaya duduk dalam jawatankuasa untuk memikirkan tentang pembangunan ekonomi di peringkat kebangsaan. Saya rasa kita boleh melalui satu penyelarasan, satu jabatan baru yang telah ditubuhkan semasa saya memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjaga urusan agama, Perdana Menteri minta supaya diwujudkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Jabatan baru ini telah mengorak langkah dalam masa dua tahun untuk menyelaraskan harta-harta wakaf dan juga untuk membangunkan harta-harta wakaf Majlis-majlis Agama Islam di seluruh Malaysia supaya mendapat pulangan yang menguntungkan, iaitu sama ada pihak kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Dalam perkara ini, sukalah saya menyatakan Baitulmal bukanlah nikah kahwin saja. Itu sebahagian kecil daripada aktiviti-aktiviti yang kita lakukan. Banyak sekali aktiviti yang boleh dilakukan oleh pungan zakat, oleh harta wakaf dan juga Jabatan Agama Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu berkaitan agama Islam yang sempat saya membuat penggulungan. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab ataupun tidak dapat saya jawab, saya akan cuba mencari jawapan dan kita akan kirimkan jawapan itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas berbahas selama lima hari dan mendengar jawapan dan penggulungan selama dua hari, sekarang saya kemukakan masalah. Masalah bukan yang tadi itu, yang sembang-sembang, masalahnya ini dia masalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah, bahawa usul Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha Kerajaan untuk melaksanakan misi nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan misi nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

Masalah diselesaikan dalam masa lebih kurang satu minit sahaja... *[Tepuk]* Saya lakon begitu rupa menampakkan perspektif realiti. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari Rabu, esok. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.53 malam.***